ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"KITA umat Islam sepatutnya tidak pernah lemah, kerana 24 jam pada setiap hari, lidah kita selalu basah dengan takbir, iaitu takbir dalam sembahyang." - Titah sempena Hari Raya Aidiladha 1419 Hijrah.

AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"KERJAKANLAH sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan berkorbanlah." - Surah Al-Kautsar ayat 2.

TAHUN 46 BILANGAN 10 RABU 7 MAC, 2001/1421 رابو 11 ذوالحجه، PERCUMA

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm email: pelita@brunet.bn Talian penting PELITA BRUNEI : (02) 383941/(02) 383804 Faks : (02) 381004/(02) 380507



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Hari Raya Aidiladha 1421 Hijrah malam semalam yang disiarkan oleh Radio Televisyen Brunei ke seluruh negara.

## Pupuk persefahaman, perpaduan

# Jauhi dari huru-hara

**"JANGANLAH kita membelakangi agama atau melanggar undang-undang dan peraturan negara." - titah**

**Oleh Abdullah Asgar**

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa persefahaman dan perpaduan adalah dua perkara yang amat dituntut oleh agama, kita perlu memupuknya serta jangan sekali-kali mencuaikannya.

"Dunia hari ini ternyata miskin dengan persefahaman dan perpaduan kerana itu akibatnya berlakulah huru-hara di sana sini seolah-olah tidak ada lagi harapan untuk ianya berakhir," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena Hari Raya Aidiladha 1421 Hijrah malam semalam yang disiarkan oleh Radio Televisyen Brunei ke seluruh negara.

Titah baginda, kita dapat menyaksikan bahawa huru-hara itu menjadikan mangsa-mangsanya mengalami pelbagai penderitaan daripada sekecil-kecil penderitaan sampailah kepada yang sebesar-besarnya.

Pendeknya, titah baginda, tidak ada huru-hara yang tidak membawa kepada penderitaan, oleh kerana itu kita patutlah berwaspada supaya tidak terjatuh ke dalam kancah huru-hara, kita mesti ada usaha dan azam untuk menghindari apa juga bentuk dan jenis huru-hara itu.

"Caranya, janganlah kita membelakangi agama atau melanggar undang-undang dan peraturan negara. Dari segi bahasa, huru-hara itu juga bererti fitnah, maka salah satu huru-hara atau fitnah yang paling ditakuti ialah yang melibatkan orang-orang Islam dan agama mereka," titah baginda.

Selain itu, baginda bersyukur kerana Hari Raya Aidiladha yang agung telah datang lagi mengunjungi kita, dapatlah kita bertakbir dan bertahmid bersama-sama untuk membesarkan hari yang mulia ini.

Di samping itu, titah baginda, umat Islam di seluruh dunia akan melalukan dua ibadat besar iaitu sembahyang sunat Aidiladha dan berkorban, kedua-dua ibadat ini akan dilakukan dengan amat meriah oleh umat Islam di mana juga mereka berada.

"Kedua-dua tidak syak lagi akan menghidupkan suasana yang penuh dengan persefahaman dan perpaduan," titah baginda.

Baginda berharap, walaupun Aidiladha itu hanya dirayakan untuk beberapa hari saja, namun semangatnya biarlah berterusan untuk menjana kehidupan yang harmoni lagi diredai oleh Allah.

# Sentiasa pelihara akidah

**"JANGANLAH sekali-kali terpengaruh dengan anasir-anasir yang cuba memesungkan kita, pohonkanlah pada Allah perlindungan dan pemeliharaan sambil dengan khusyuk, kita kekalkan ibadat dan ketaatan kita kepada-Nya." - titah**

**Oleh Abdullah Asgar**

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, mengingatkan orang-orang Islam supaya akan sentiasa teguh memelihara akidah mereka.

"Janganlah sekali-kali terpengaruh dengan anasir-anasir yang cuba memesungkan kita, pohonkanlah pada Allah perlindungan dan pemeliharaan sambil dengan khusyuk, kita kekalkan ibadat dan ketaatan kita kepada-Nya," titah baginda.

Baginda bertitah dan membuat peringatan tersebut sempena Hari Raya Aidiladha 1421 Hijrah malam semalam yang disiarkan oleh Radio Televisyen Brunei ke seluruh negara.

Baginda juga menegaskan supaya jangan lupa mendekati ulama dan guru-guru untuk mendapatkan bimbingan dan pengajaran yang berguna daripada mereka.

Jika ini menjadi amalan budaya kita, jelas baginda, maka insya-Allah umat Islam akan selamat daripada sebarang penyimpangan akidah.

Orang-orang Islam sungguh terkenal dengan kekuatan pegangan mereka, mereka tidak mudah berganjak apatah lagi untuk menukar kepercayaan mereka, sebab itulah jika berlaku walaupun sekali saja kejadian orang Islam keluar daripada agamanya, maka akan gemparlah seluruh masyarakat.

Kegemparan ini, adalah wajar kerana perbuatan keluar daripada agama itu bagi orang Islam adalah ia suatu perkara yang sungguh berat dan luar biasa, di mana risikonya amatlah tinggi dari segi hukum syarak dan undang-undang biasa," tegas baginda.

"Kita tidaklah boleh memandang ringan perkara ini, kerana ia adalah soal akidah di mana akidah itu menentukan segala-galanya, menentukan keselamatan seseorang di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat," tegas baginda lagi.

"Jika orang lain berhijrah kepada Islam maka itu adalah nikmat dan keselamatan baginya, sebaliknya jika orang Islam keluar daripada Islam maka ini adalah suatu musibah dan kecelakaan yang tidak berkesudahan yang akan ditanggungnya daripada dunia ini sampailah ke akhirat," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga dengan ikhlas turut mendoakan para jemaah haji yang sedang menjalani kemuncak ibadat mereka, semoga mereka itu akan sentiasa sihat dan afiat serta dikurniakan kesabaran untuk memperolehi haji yang mabrur.

Baginda dan keluarga baginda dengan perasaan yang penuh gembira mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha 1421 Hijrah kepada semua rakyat dan penduduk di negara ini yang beragama Islam di mana juga mereka berada, semoga mereka sama-sama dirahmati dan diberkati oleh Allah dengan beroleh taufik serta kekal di dalam iman dan Islam.



دڠن نام الله يڠمها
ڤموره دان مها ڤڽايڠ

**Dari Sidang Pengarang**

7 MAC, 2001 BERSAMAAN 11 ذوالحجه، 1421

# BERSAMA MENANGANI MASALAH SOSIAL

GEJALA sosial yang begitu berleluasa melanda masyarakat dunia termasuk umat Islam ketika ini sangat membimbangkan dan harus ditangani secara bersepadu. Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali daripada menghadapi masalah kemerosotan moral dan akhlak di kalangan masyarakat khususnya kaum belia.

Kebanyakan negara menjadikan isu sosial sebagai satu agenda utama yang diberikan tumpuan agar ia tidak menjadi lebih parah. Sejarah telah menunjukkan bahawa gejala sosial telah membawa padah kepada keruntuhan dan kemerosotan tamadun dan kegemilangan sesebuah negara.

Masyarakat umumnya berpendapat bahawa meningkat dan menularnya gejala sosial di kalangan masyarakat itu dibawa bersama oleh arus modenasasi dan globalisasi. Setentunya kita tidak dapat mengelak daripada berinteraksi dengan masyarakat antarabangsa, di samping mengikuti perkembangan permodenan itu sendiri. Di sinilah perlunya masyarakat mempunyai daya tahan dan kemampuan untuk menyaring perkara-perkara buruk dan memanfaatkan mana-mana yang baik dan menguntungkan.

Penyalahgunaan dadah, pengambilan arak, pergaulan bebas, eksploitasi seks, seks bebas, berkesedudukan sebelum kahwin, penderaan, rogol, sumbang mahram, jenayah, perceraian, ponteng sekolah, melawan ibu bapa dan banyak lagi adalah merupakan isu-isu sosial yang sering kita tatapi di kaca-kaca televisyen dan terpampang di dada-dada akhbar.

Walaupun gejala-gejala tersebut belumlah seteruk seperti yang dialami oleh sesetengah negara luar, namun trend itu sudah cukup membimbangkan. Malah jika tidak dibendung dengan sewajarnya ia akan menjadi anai-anai yang boleh menjejaskan sistem bermasyarakat dan bernegara.

Antara penyebabnya kurangnya perhatian dan penjagaan daripada ibu bapa, kurang didikan agama malah kehidupan mewah dan selesa yang dinikmati juga boleh menjadikan masyarakat leka dan terdorong untuk mencari hiburan dan keseronokan.

Ke arah itu umat Islam harus memantapkan keimanan dengan mengamalkan ajaran agama serta nilai-nilai murni Islam. Masyarakat umumnya juga harus berpegang kepada adat resam, tatasusila serta nilai-nilai positif ketimuran yang diwarisi sejak zaman-berzaman.

Pada masa yang sama, ibu bapa, guru-guru, pemimpin-pemimpin masyarakat, agensi-agensi awam, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat umumnya hendaklah sentiasa bekerjasama dan mengambil langkah-langkah bersepadu dalam membendung dan mengelakkan masyarakat di negara ini daripada terjebak ke kancah yang tidak bermoral itu.

Sokongan padu dari segenap lapisan masyarakat hendaklah diberikan kepada Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Menangani Isu Sosial yang telah ditubuhkan pada awal tahun lepas dan mendapat perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Semoga jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan wakil dari pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan itu, akan dapat merencana dan menterjemahkan langkah-langkah berkesan untuk menangani masalah tersebut demi keutuhan bangsa dan negara yang dicintai ini.

## Memudahkan aktiviti-aktiviti punggah edar dan pembahagian kargo

# 'FREE ZONE ACT' SEDANG DISEDIAKAN

**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

TERLEBIH dahulu saya sukacita mengucapkan setinggi terima kasih kepada Pengarah Penerbangan Awam dan Pengerusi BIACC Sendirian Berhad kerana sudi menjemput saya menjadi tetamu kehormat pada Majlis Menandatangani Perjanjian Sewa Bangunan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan BIACC Sendirian Berhad dan Perjanjian Usaha Sama bagi Menubuhkan Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei di antara Konsortium BIACC yang terdiri daripada RBA, Cirle International dan RBTS.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Circle International dan Royal Brunei Technical Services di atas kejayaan menubuhkan satu konsortium usaha sama dengan nama BIACC Sendirian Berhad dengan matlamat utama untuk menubuhkan Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei bagi mengendalikan punggah edar dan pembahagian kargo udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Majlis menandatangani kedua-dua perjanjian ini merupakan satu mercu tanda kejayaan dalam industri pengangkutan udara dan juga industri pengangkutan barangan di negara ini. Ianya menghampirkan setapak lagi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Pusat Perkhidmatan Bagi Perdagangan dan Pelancongan di rantau ini. Penubuhan BIACC ini akan dapat mendukung salah satu matlamat Jabatan Penerbangan Awam untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebagai sebuah Perkampungan Kargo atau Cargo Village.

Perlaksanaan Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei setentunya akan dapat melipatgandakan aktiviti-aktiviti transhipment dan distribution cargo dan sekali gus meningkatkan cargo throughput di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Saya menaruh harapan dan seterusnya merayu supaya BIACC Sendirian Berhad akan dapat memulakan operasi punggah edar dan pembahagian kargo ini dalam tempoh masa yang pendek. Sebagai sebuah konsortium pioneer dalam aktiviti punggah edar dan pembahagian kargo udara setentunya akan memerlukan kerjasama yang erat dan padu dari semua pihak. Kejayaan BIACC memerlukan kerjasama yang erat dan tindakan bersepadu dari semua pihak termasuk pihak kerajaan dan komuniti lapangan terbang yang terlibat baik secara langsung atau sebaliknya seperti Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, syarikat-syarikat penerbangan, freight forwarders dan sebagainya.

Saya berharap agar semua pihak yang terlibat akan dapat memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat berdaya saing dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di luar negeri.

Industri Kargo Udara adalah industri yang sangat besar yang bernilai lebih dari USD 12 bilion di seluruh dunia dan tidak kurang USD800 juta bagi Intra Asia. Menurut preliminary statistic yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa, trafik barangan (freight) berjadual dikira dalam tan/kilometer bagi tahun 2000 menunjukkan pertumbuhan sebanyak 10 peratus bagi trafik barangan keseluruhan berjadual dan 11 peratus bagi perkhidmatan antarabangsa. Barangan yang diangkut seluruh dunia mencapai 31 juta tan.

Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa juga meramalkan trafik barangan berjadual dalam tan/kilomenter dijangka akan meningkat purata pada kadar 7 peratus setahun dari tahun 1995 - 2005. Trafik barangan antarabangsa dijangka meningkat pada kadar 7.5 peratus setahun berbanding dengan 3.5 peratus bagi trafik barangan domestik. Trafik barangan di Asia-Pasifik dijangka meningkat pada kadar yang paling tinggi iaitu 9.5 peratus setahun.

Penubuhan BIACC bukan hanya akan dapat mendukung wawasan negara untuk menjadi Pusat Perkhidmatan Bagi Perdagangan dan Pelancongan tetapi juga akan memberikan peluang bagi negara ini amnya dan BIACC khususnya memainkan peranan utama dalam mengendalikan punggah edar dan pembahagian kargo di rantau ini.

Saya penuh percaya operasi yang dikendalikan oleh BIACC ini akan menjadi pemangkin bagi pertubuhan yang lebih besar dalam perkhidmatan punggah edar, pembahagian dan penghantaran kargo. Pasaran kargo yang luas akan dapat memberikan peluang kepada lebih banyak lagi syarikat-syarikat tempatan mengusahakan perkhidmatan penghantaran kargo ini supaya hasrat kita untuk menjadikan negara ini sebagai Pusat Punggah Edar Serantau sekali gus mendukung misi negara ini untuk menjadi sebuah Pusat Perkhidmatan Bagi Perdagangan dan Pelancongan akan terlaksana.

Pada tahun 1999, Lapangan Terbang Antarabangsa mengendalikan cargo throughput sebanyak lebih kurang 23,201 tan setahun. Hampir 80 peratus kargo yang dikendalikan tersebut adalah bagi kargo yang diimport dari luar negeri dan hampir 20 peratus adalah bagi kargo yang dieksport ke luar negeri. Manakala kargo yang dipunggah edar dan dibahagikan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah sangat kecil volumenya. BIACC Sendirian Berhad memberikan jaminan yang cargo throughput bagi kargo punggah edar dan dibahagikan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang dijangka dikendalikan di Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei pada tahun pertama BIACC beroperasi adalah 21,000 tan setahun dan akan menjangkau 66,500 tan setahun pada tahun ketujuh. Ini bermakna pada tahun pertama BIACC Sendirian Berhad beroperasi jumlah keseluruhan kargo iaitu kargo import, eksport, punggah edar dan yang dibahagikan di Lapangan Terbang Antarabangsa akan meningkat dua kali ganda dari jumlah keseluruhan kargo yang dikendalikan pada tahun 1999. Pertumbuhan yang dijanjikan oleh BIACC ini akan dapat menampakkan peningkatan aktiviti punggah edar dan pembahagian kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



UCAPAN Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman di Majlis Menandatangani Perjanjian Sewa Bangunan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan BIACC Sendirian Berhad dan Perjanjian Usaha Sama bagi Penubuhan Pusat Kargo Udara Antarabangsa di antara Konsortium BIACC yang terdiri daripada RBA, Circle International dan RBTS di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan pada 18 Januari, 2001.

Saya penuh percaya BIACC telah menyusun strategi bagi memperkembangmajukan aktiviti punggah edar dan pembahagian kargo bagi memenuhi throughput yang dijanjikan. Ini merupakan satu cabaran besar yang akan dipikul oleh BIACC dan memerlukan bantuan dari pelbagai pihak. Cabaran yang besar daalam mengembangluaskan perkhidmatan yang diberikan oleh BIACC adalah terhadnya pengangkutan udara langsung di antara negara ini dengan negara-negara pengeksport besar.

Saya berharap pihak-pihak berkenaan akan memberikan kerjasama yang erat dan padu ke arah :

* Memberikan perkhidmatan punggah edar dan pembahagian kargo yang kompetitif dan efisien yang akan dapat berdaya saing dengan pusat-pusat serupa di rantau ini.

* Memperkembangmajukan konsep Perkampungan Kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa bagi mendukung pembangunan ekonomi.

* Menarik Air Cargo Carries untuk beroperasi ke negara ini.

* Mewujudkan strategic alliance di antara BIACC dengan pusat-pusat kargo udara di rantau lain.

Penglibatan Circle Freight International, sebuah syarikat antarabangsa yang mempunyai rangkaian pejabat di lebih dari 107 negeri termasuk Negara Brunei Darussalam, akan dapat membantu dalam memasarkan Negara Brunei Darussalam amnya dan Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei khususnya sebagai satu pilihan dalam memberikan perkhidmatan punggah edar dan pembahagian kargo.

Lihat muka 3

# Pembungkusan penting dalam produk makanan




"PEMBUNGKUSAN dan reka bentuk pembungkusan sangat penting bagi mempertingkatkan produk pengeluaran makanan," kata Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Harun semasa merasmikan Bengkel Reka Bentuk Pembungkusan dan Pembungkusan Produk Makanan. – Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

**Oleh Samle Haji Jait**

TUTONG, 26 Februari. - Pembungkusan dan reka bentuk pembungkusan sangat penting bagi mempertingkatkan produk-produk pengeluaran makanan terutama persaingan produk sama ada di pasaran tempatan atau antarabangsa sesuai dengan konsep perniagaan tanpa sempadan (borderless trade).

Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Harun bin Haji Ismail berkata, pembungkusan dan reka bentuk pembungkusan adalah satu proses pembuatan makanan sebagai keperluan perindustrian pemakanan yang berperanan sebagai pengiklanan terhadap penjualan.

Beliau menjelaskan perkara itu ketika berucap merasmikan Bengkel Reka Bentuk Pembungkusan dan Pembungkusan Produk Makanan di Pusat Sumber dan Piawaian, Sinaut, di sini.

Katanya, kursus berkenaan sangat berguna kepada pengeluar-pengeluar makanan terutama bagi menambahkan pembungkusan yang berkualiti, menarik dan akan dapat mencetuskan persaingan dan pembuatan yang berkualiti.

Beliau menambah, pembungkusan dan reka bentuk akan menggalakkan keselamatan dan kebersihan makanan selain menjamin ketahanan tanpa menjejaskan rasa dan kualiti makanan tersebut.

Pengarah Pusat Sumber dan Piawaian, Awang Haji Ahmad dalam ucapannya antara lain menjelaskan bengkel berkenaan dikendalikan adalah mengambil kira kepentingan sebagai ejen di dalam mempertingkatkan pengeluaran produk makanan terutama dalam mempertingkatkan lagi tahap ketahanan makanan, penarikan pembelian, menambahkan lagi nilai produk dan daya saing di antara produk tempatan dan antarabangsa.

Beliau menambah, ianya juga sebagai langkah pendahuluan dalam memperkenalkan teknologi reka bentuk pembungkusan dan pembungkusan moden yang diperlukan oleh pengeluar-pengeluar produk makanan tempatan.

Bengkel selama seminggu itu telah disertai oleh 33 orang peserta yang terdiri daripada pengeluar bermacam produk makanan tempatan dan dibimbing oleh tiga penceramah dari Malaysia.

Bengkel antara lain bagi mempertingkatkan kesedaran tentang trend globalisasi masa kini terutama di bidang reka bentuk pembungkusan, selain memberi pengetahuan dan pengajaran teknologi reka bentuk pembungkusan, yang boleh menambahkan lagi nilai produk dan membantu memperingkatkan pertumbuhan perniagaan.

Selain itu, dengan adanya bengkel tersebut, dapat mengenal pasti lain-lain keistimewaan teknologi reka bentuk pembungkusan selain memperolehi maklumat yang terkini di dalam perniagaan reka bentuk pembungkusan dan pembungkusan produk.

Bengkel berkenaan telah dibiayai sepenuhnya oleh Pusat Promosi ASEAN (APC) melalui aktiviti-aktiviti promosi ASEAN - Jepun dan dikendalikan oleh Pusat Sumber dan Piawaian.




'COIN PHONE' .... Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman semasa melancarkan perkhidmatan 'coin phone'. – Gambar oleh Harun HR.

# Jabatan Telekom Brunei perkenalkan 'coin phone'

**Oleh Samle Haji Jait**

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Februari. - Jabatan Telekom Brunei (JTB) memperkenalkan lagi satu perkhidmatan telefon menggunakan duit syiling atau 'coin phone' sebagai satu lagi perkhidmatan pilihan perhubungan awam kepada orang ramai di negara ini.

Objektif utama telefon awam ini diliberalisasi ialah untuk memberikan pembekal-pembekal kelonggaran menjual atau menyewakan set-set 'coin phone' kepada sesiapa yang hendak membeli atau menyewa dan memasangnya di tempat-tempat mereka.

Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman telah melancarkan perkhidmatan berkenaan di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Awang Buntar berkata, memandangkan perkhidmatan 'coin phone' di negara ini amat tinggi, Jabatan Telekom Brunei telah memberi kelonggaran terhadap pembekalan perkhidmatan itu kepada pembekal, dan orang ramai yang ingin membeli atau menyewa dan memasangnya di tempat masing-masing.

'Coin phone' boleh digunakan untuk panggilan dalam daerah, panggilan STD (keluar daerah), pager dan mobile selain bagi panggilan IDD ke negara-negara ASEAN.

Ketika ini, Jabatan Telekom Brunei telah memberikan kebenaran kepada Syarikat Mesti Utama Sendirian Berhad bagi penggunaan 'coin phone' jenis Top Tone ST-636.

Jabatan Telekom Brunei telah menyediakan perkhidmatan telefon awam melalui penggunaan kad telefon, Hallo Kad, Economy Call Hallo Kad dan Kad Emas Panggilan Antarabangsa.

# 'Free Zone Act' disediakan

**Dari muka 2**

Bagi mewujudkan operasi penghantaran kargo termasuk punggah edar dan pembahagian kargo yang kompetitif di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan juga di Pelabuhan Muara, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan senantiasa meneliti prosedur dan peraturan yang berkaitan dengannya.

Dalam hubungan ini, pihak kerajaan sedang menyediakan satu akta yang dipanggil 'Free Zone Act' yang bertujuan untuk memudahkan aktiviti-aktiviti punggah edar dan pembahagian kargo. Free Zone Act ini, apabila siap nanti, akan membolehkan aktiviti-aktiviti punggah edar dan pembahagian kargo di tempat-tempat yang ditentukan termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa dan Pelabuhan Muara dikendalikan dengan tidak dikenakan prosedur kastam biasa. Ini setentunya akan dapat mempercepat operasi penghantaran kargo terutama sekali bagi kargo-kargo yang dihantar, dipunggah edar dan yang dibahagi-bahagikan melalui negara ini.

Penubuhan Konsortium BIACC perlu dicontohi oleh syarikat-syarikat tempatan lain. Saya berharap lebih banyak lagi syarikat-syarikat swasta akan melibatkan diri dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti di lapangan terbang antarabangsa termasuk menyediakan infrastruktur bagi sama-sama memperkembangmajukan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebagai pusat udara serantau utama. Ke arah ini Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Penerbangan Awam dari masa ke semasa akan mengeluarkan pelawaan bagi cadangan dan Request For Proposal mempelawa pihak swasta untuk menghadapkan cadangan bagi menyediakan infrastruktur dan mengendalikan aktiviti dan perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa.

Penyertaan pihak swasta termasuk pelabur luar negeri ke arah menyediakan infrastruktur dan memberikan perkhidmatan yang dapat berdaya saing dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di lapangan terbang antarabangsa lain adalah sangat-sangat diperlukan dan dialu-alukan. Di antara infrastruktur, aktiviti dan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu dikembangmajukan adalah ke arah penubuhan 'Aircraft Refuelling Centre', Pusat Pemeliharaan Pesawat, 'Passengers And Cargo Feeder Air Service', 'Cargo Freighters' dan sebagainya.

Buat mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada RBA, Circle International dan RBTS di atas penubuhan BIACC Sendirian Berhad bagi mewujudkan Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei.

Saya mendoakan agar Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei ini akan berjaya dan dapat memberikan persaingan kepada pusat-pusat lain di rantau ini. Saya menaruh harapan agar Pusat Kargo Udara Antarabangsa Brunei akan memulakan operasinya secepat mungkin.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# Pupuk semangat berpasukan



CENDERAHATI BERHARGA .... Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari menerima cenderahati daripada Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Awang Mohd. Yusof, Pemerintah ATPBDB. - Gambar ihsan ATPBDB.

Oleh Sahari Akim

BOLKIAH GARISON, 16 Februari. - Anggota Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB) adalah merupakan nadi penggerak dan tulang belakang kepada angkatan-angkatan lain dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Atas dasar itulah peranan pasukan itu tidak boleh diabaikan begitu sahaja kerana tanpa bantuan dan sokongan ATPBDB nescaya akan menjejaskan perjalanan dan kehendak tugas yang diharapkan.

Perkara tersebut telah ditekankan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Padukaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Shari bin Ahmad ketika berucap di Majlis Lawatan Rasmi Perpisahan ke ATPBDB di sini.

Dalam majlis itu, Yang Dimuliakan juga menekankan bahawa untuk memastikan pencapaian perkhidmatan yang lebih cemerlang, ATPBDB hendaklah sentiasa mencari jalan dan ruang untuk mengekalkan atau mempertingkatkan sumbangan ke tahap yang lebih baik bagi memenuhi kehendak masa dan zaman.

Yang Dimuliakan seterusnya berkata, setiap anggota ATPBDB mestilah menyedari bahawa kejayaan sesebuah pasukan itu bukanlah hanya disebabkan oleh perilaku atau tindakan perseorangan tetapi ia adalah hasil kerjasama semua anggota tanpa mengira kedudukan atau jawatan yang dipegang.

"Semangat berpasukan inilah yang harus dipupuk bukan sahaja untuk Angkatan Tentera Perkhidmatan tetapi juga bagi kepentingan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei keseluruhannya," tegas Yang Dimuliakan.

Setiap anggota yang berkhidmat dalam angkatan pertahanan, jelas Yang Dimuliakan, hendaklah bertanggungjawab menjaga maruah dan nama baik pasukan dengan memperkuatkan keimanan dan juga disiplin diri.



MEMERIKSA PERBARISAN .... Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei memeriksa perbarisan di Majlis Lawatan Perpisahan ke ATPBDB. - Gambar ihsan ATPBDB.

Yang Dimuliakan percaya, bahawa dengan teguhnya kedua-dua ciri tersebut ia akan dapat membantu mempertahankan diri daripada terpengaruh kepada gejala-gejala yang tidak sihat dan tidak bermoral seperti sifat malas, ingkar menurut perintah, iri hati, berdendam, sering bertengkar dan menyakiti hati rakan-rakan.

Ke arah itu, Yang Dimuliakan berseru kepada semua peringkat ATPBDB untuk terus mengekalkan semangat perpaduan dengan sering bantu-membantu, ingat-mengingati sesama sendiri dan bermuzakarah dalam menyelesaikan apa juga masalah atau membuat perancangan yang membina.

Matlamat yang ingin dicapai, kata Yang Dimuliakan ialah kebaikan dan kepentingan bersama di samping meningkatkan lagi imej ATPBDB sebagai sebuah angkatan pertahanan yang teguh, bersefahaman dan siap siaga bila-bila masa diperlukan.

Sambil mengalu-alukan kejayaan sebilangan besar generasi muda dalam ABDB yang telah mencapai kelulusan akademik yang tinggi, Yang Dimuliakan juga mengingatkan mereka bahawa kelulusan sahaja tidak akan menjamin mutu perkhidmatan yang cemerlang, tetapi ia juga memerlukan pengalaman yang diperolehi melalui tempoh perkhidmatan.

Dalam lawatan rasmi itu, Yang Dimuliakan juga telah menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan kehormatan serta menerima cenderahati yang telah disampaikan oleh Pemerintah ATPBDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Awang Mohamad Yusof bin Abu Bakar.

# 25 acara keraian dirancang meriahkan Hari Keputeraan

Oleh Abu Bakar HAB

PULAIE, 27 Februari. - Kira-kira 25 acara keraian telah dirancang bagi sama-sama memeriahkan sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara.

Sehubungan dengan perancangan itu, satu mesyuarat yang dihadiri oleh Ahli Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Ke-55 bagi Daerah Brunei dan Muara telah diadakan yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah bagi sama-sama mengenal pasti serta menyusun perancangan dengan lebih teratur yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani.

Dalam ucapannya, Pegawai Daerah Brunei dan Muara mengingatkan ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik supaya akan menumpukan komitmen mereka dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan semoga apa yang dihasratkan akan berjalan dengan sempurna.

Tambahnya, acara tahun ini adalah dianggap istimewa kerana kebetulan dengan Tahun Melawat Brunei 2001 dan beliau berharap agar persembahan yang akan diadakan pada tahun ini akan lebih baik daripada tahun-tahun terdahulu.

Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan perayaan terbesar di negara ini yang diadakan setahun sekali selama dua minggu bermula 14 Julai hingga penghujung bulan dan merupakan sumbangan rakyat dan penduduk di negara ini dalam sama-sama berperanan menyerikan sambutan berkenaan.

Juga dibincangkan dalam mesyuarat itu termasuklah melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang baru serta mengesahkan kunci kira-kira.



MESYUARAT Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun bagi Daerah Brunei dan Muara telah diadakan di Pusat Da'wah Islamiah dengan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani (gambar atas dan bawah). - Gambar oleh Masri Osman.



# Takaful IDBB mulakan operasi

Oleh Haji Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Februari. - Ke arah memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada orang ramai, Takaful IDBB Sendirian Berhad yang merupakan anak syarikat kepada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad telah memulakan perkhidmatannya pada 1 Mac lepas.

Terdahulu sebelum memulakan perkhidmatannya, Timbalan Menteri Kewangan merangkap Pengerusi Takaful IDBB Sendiri Berhad, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner telah merasmikan bahagian operasinya di tingkat bawah, Kompleks Setia Kenangan, Kampong Kiulap.

Hadir di majlis perasmian itu termasuklah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Menurut siaran akhbar IDBB, Takaful IDBB Sendirian Berhad adalah sebuah syarikat insurans secara Islam (takaful) yang menjalankan urus niaga Takaful Am dan Takaful Keluarga dengan menawarkan produk-produk seperti :

* Skim Takaful Kenderaan Bermotor
* Skim Takaful Kenderaan
* Skim Takaful Kemalangan Diri
* Skim Takaful Tanggungan Awam
* Skim Takaful Pemilik Rumah Kediaman/Skim Takaful Kandungan Rumah Kediaman
* Pelan Takaful Gadai Janji
* Pelan Takaful Pembiayaan dan lain-lain lagi.

Siaran akhbar itu juga menjelaskan bahawa Takaful IDBB Sendirian Berhad menyediakan perlindungan takaful untuk setiap individu, organisasi korporat, syarikat korporat dan organisasi persendirian dalam lain-lain lagi.



RASMI ... Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner merasmikan Pelancaran Operasi Takaful IDBB di tingkat bawah, Kompleks Setia Kenangan, Kampong Kiulap. - Gambar oleh Harun Rashid.

# Amalkan sikap terbuka

Oleh Siti Muslihat HS




PENGARAH Pendidikan Teknik, Dato Paduka Awang Haji Mustafa Pengurus Happy Motoring Company Sendirian Berhad, Awang Loh Kok Sin dan Pengurus Umum Setia Motors Sendirian Berhad, Awang Danny Han semasa menandatangani perjanjian tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

GADONG, 26 Febuari. - Para pelajar yang terpilih untuk menjalani Latihan Perantis diseru supaya menerapkan sikap membina diri, mengamalkan sifat terbuka, berupaya memotivasikan diri di samping berusaha menyesuaikan diri dengan kehendak persekitaran.

Berucap di Majlis Menandatangani Memorandum Persetujuan Skim Latihan Perantisan di antara Jabatan Pendidikan Teknik dengan dua buah syarikat pengedar kereta, Pengarah Pendidikan Teknik, Dato Paduka Awang Haji Mustafa menambah, kemampuan untuk bersikap lebih fleksibel dan kreatif adalah penting di samping ketekunan dan ketaatan.

Dato Paduka seterusnya berharap melalui Skim Perantisan yang ditandatangani itu akan memberikan pemahaman secara lebih dekat mengenai realiti industri perkhidmatan rawatan.

"Di samping itu ianya memberikan ruang kepada pihak majikan untuk memberikan maklumat timbal balik kepada institusi-institusi latihan mengenai apa jua perkara yang perlu diperkukuhkan," demikian jelas Dato Paduka lagi.

Majlis menandatangani tersebut ialah di antara Jabatan Pendidikan Teknik dengan Happy Motoring Company Sendirian Berhad dan Setia Motors Sendirian Berhad.

Menandatangani bagi pihak Jabatan Pendidikan Teknik ialah Pengarah jabatan tersebut, Dato Paduka Awang Haji Mustafa, sementara Happy Motoring Company Sendirian Berhad diwakili oleh Pengurusnya, Awng Loh Kok Sin dan Setia Motors Sendirian Berhad pula diwakili oleh Pengurus Umumnya, Awang Danny Han.

Hadir bagi menyaksikan penandatanganan itu ialah Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman dan Pemangku Setiausaha Sekretariat Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Negara Brunei Darussalam, Awang Nazamshah bin Haji Ibrahim.

Majlis hari itu juga diselajurkan dengan Penandatanganan Perjanjian Latihan Perantisan antara empat orang pelajar dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal yang menjalani Program Sijil Kejuruan Kebangsaan Gred III (NTC 3) dengan kedua-dua syarikat yang memberikan program latihan selama satu setengah tahun dalam Bahagian Mekanik Kenderaan Bermotor.

Empat orang penuntut yang dimaksudkan ialah Awang Mohd. Fariddy bin Haji Muksin yang ditempatkan di Happy Motoring Company Sendirian Berhad, manakala Awang Mohd. Alimin bin Junaidi dan Awang Rudynoreano bin Nawih masing-masing ditempatkan di Setia Motors Sendirian Berhad.

Sepanjang program latihan itu, para perantis akan mempelajari kemahiran-kemahiran praktikal dan pengetahuan berkaitan dengan kerjaya yang diceburi.

Selain diberikan latihan dalam kemahiran-kemahiran vokasional tertentu dalam pembaikan dan pemeliharaan kereta, para perantis juga akan diberikan bimbingan mengenai perkembangan kemahiran-kemahiran biasa seperti peningkatan prestasi peribadi, komunikasi, mengatasi masalah di samping kemahiran teknologi maklumat.

Setelah berjaya penjalani latihan, para penuntut tersebut akan menerima Sijil Kejuruan Gred III dan juga Sijil Perantisan yang masing-masing diberikan oleh Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu para penuntut juga diberikan jaminan bagi tawaran pekerjaan oleh kedua-dua buah syarikat kenderaan berkenan berdasarkan prestasi keseluruhan yang mereka capai.

# 5 penuntut terima bantuan

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 27 Februari. - Ke arah mempertingkatkan potensi tenaga manusia di negara ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) meneruskan aktivitinya yang berkebajikan dengan memberikan bantuan kewangan kepada lima orang penuntut persendirian Negara Brunei Darussalam yang telah melanjutkan pengajian di seberang laut.

Lima orang penuntut itu ialah Dayang Salmi bin Haji Sahat yang menuntut di Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan, Awang Mohammad Reizal bin Mohammad Ali penuntut di Universiti Lincolnshire and Humberside, United Kingdom; Shekih Lukman bin Sheikh Abdul Hamid penuntut di Universiti Loughborough, United Kingdom; Dayangku Nazhatul Shahima binti Pengiran Haji Hassan penuntut di Univresiti Cardiff juga di United Kingdom dan Dayang Hajah Sarinah binti Haji Ahmad seorang penuntut tempatan yang meneruskan pengajian di Institut Teknologi Royal Melbourne, Australia. Kesemua penuntut berkenaan masing-masing dalam pengajian tahun akhir.

Sumbangan kewangan yang diadakan di Ibu Pejabat YSHHB di sini disampaikan oleh Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Juga hadir di majlis itu ialah sebahagian ahli-ahli Lembaga Pengarah yayasan berkenaan, wakil penuntut yang terpilih dan pegawai serta kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



PENUNTUT-PENUNTUT yang menerima bantuan kewangan dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ketika hadir di majlis tersebut. - Gambar oleh Hamadi HM.



DATO Paduka Awang Haji Abdul Razak, Ahli Lembaga Pengarah YSHHB menyampaikan bantuan kewangan kepada seorang penuntut. - Gambar oleh Hamadi HM.

# Penempatan sekolah agama ke Kementerian Pendidikan

Oleh Sahari Akim
dan Abu Bakar HAR

BERAKAS, 1 Mac. - Perlaksanaan penempatan sekolah-sekolah agama di bawah Kementerian Pendidikan yang dibuat secara berperingkat-peringkat dimulai dengan Majlis Penyerahan dan Penandatanganan Rasmi Penempatan serta penyerapan pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat berlangsung di Kementerian Pendidikan.,

Penempatan itu melibatkan Bahagian Kenaziran di Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ke Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan; Bahagian Peperiksaan di Jabatan Pengajian Islam KHEU ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan dan Bahagian Kurikulum Jabatan Pengajian Islam KHEU ke Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Majlis didahului dengan Penandatanganan Rasmi Penempatan Bahagian Kenaziran di Jabatan Pengajian Islam ke Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah yang ditandatangani oleh Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah, Pengiran Hajah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar bagi pihak Kementerian Pendidikan, sementara Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Gantang bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kemudian diikuti dengan penandatanganan rasmi penempatan Bahagian Peperiksaan di Jabatan Pengajian Islam ke Jabatan Peperiksaan yang telah ditandatangani oleh Pengarah Peperiksaan, Pengiran Hajah Mastoli binti Pengiran Setia Indera Pengiran Haji Ismail bagi pihak Kementerian Pendidikan, manakala KHEU diwakili oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Gantang.

Seterusnya penandatangan rasmi penempatan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama ke Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan berlangsung di Jabatan Perkembangan Kurikulum.

Menyempurnakan penyerahan timbang terima tersebut ialah Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Gantang mewakili Pengajian Islam dan Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Antin bin Ahad yang mewakili jabatannya.

Hadir menyaksikan Majlis Penyerahan dan Penandatanganan Rasmi Penempatan itu ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim bin Haji Lamat.

Menurut penyata sekolah-sekolah agama KHEU bagi bulan Januari 2001 terdapat 134 buah sekolah agama dengan keramaian 37,162 orang murid dan 1,770 orang guru di seluruh negara.

Sementara itu mengikut penyata bulan Mei tahun 2000 bagi Kementerian Pendidikan terdapat 157 buah sekolah, maktab dan institusi pengajian kerajaan dengan 66,038 pelajar dan tenaga pengajar berjumlah 5,786 orang di seluruh negara tidak termasuk sekolah-sekolah bukan kerajaan.

Penempatan sekolah-sekolah agama KHEU di bawah Kementerian Pendidikan terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Guru Ke-10 pada 23 September, 2000.

Baginda antara lain bertitah menyarankan supaya Majlis Pelajaran Kebangsaan meneliti dan membuat persediaan yang rapi bagi sekolah-sekolah agama di negara ini diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.

Menurut titah baginda, Majlis Pelajaran Kebangsaan hendaklah membentuk falsafah pendidikan negara dengan hasrat ia mampu melahirkan individu insani terbaik yang benar-benar berilmu di samping beriman dan bertakwa yang benar-benar seimbang untuk mencapai kebajikan di dunia dan di akhirat.

Titah baginda, satu dasar kekal lagi mantap hendaklah diwujudkan supaya pendidikan agama dan pendidikan umum itu sama-sama seimbang serta jiwa-menjiwai sambil menekankan bahawa pendidikan itu sebagai amanah, sementara agama pula sebagai teras segala-galanya yang jika agama lemah maka akan lemahlah bangsa.

Ketika bertitah baginda juga menekankan akan perlunya anak-anak, generasi bangsa dan masyarakat dibina atas wadah ilmu dan agama kerana kedua-duanya mestilah bersepadu dan tidak boleh dipisah-pisahkan.

Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam mempunyai visi ke arah membentuk bangsa Brunei yang syumul untuk kesempurnaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Dalam pada itu misi kementerian tersebut juga ialah beriltizam dalam mendidik anak bangsa melalui perlaksanaan dan peningkatan sistem pendidikan yang berkualiti, unik dan seimbang untuk melahirkan insan yang sempurna dan berguna kepada agama, negara dan bangsa.

Dalam masa yang sama ia juga mempunyai matlamat untuk memaksimumkan potensi setiap individu dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi membentuk masyarakat pembangun dengan berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja.



PENGIRAN Hajjah Hairani, Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah dan Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Abdul Rahim semasa menandatangani penempatan rasmi. - Gambar oleh Harun Rashid.



PENGARAH Peperiksaan, Pengiran Hajah Mastoli dan Pemangku Pengarah Pengajian Islam di Majlis Bertukar Nota Perjanjian Penandatanganan Rasmi. - Gambar oleh Harun Rashid.



PEMANGKU Pengarah Pekembangan Kurikulum, Awang Haji Antin dan Pemangku Pengarah Pengajian Islam semasa bertukar nota perjanjian. - Gambar oleh Ramli Tengah.

# 3 pegawai ATLDB terima lencana

Oleh Samle Hj

MUARA, 1 Mac. - Pemerintah Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Panglima Kolonel (L) Haji Awang Abdul Jalil, di Mes Pegawai Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB) menyempurnakan Penyampaian Sijil dan Lencana Pemerintah kepada tiga orang Pegawai Armada Kapal (ATLDB).

Ketiga Pegawai Armada Kapal itu ialah 378 Kapten (L) Shamsul Bahren bin Haji Taweh, Pegawai Persenjataan KDB Waspada; Pegawai Pelaksana KDB Pejuang, 379 Kapten (L) Suhailee bin Pungut dan 408 Kapten (L) Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Damit, Pegawai Persenjataan KDB Pejuang.



PEMERINTAH Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Panglima Kolonel (L) Haji Awang Abdul Jalil menyematkan lencana kepada seorang Pegawai Armada. - Gambar oleh Masri Osman.

Dalam majlis penganugerahan itu, ketiga-tiga penerima adalah diiktiraf berkebolehan sebagai Pegawai Pemerintah Kapal Kelas Peronda Pantai (CPC).

Sebelum menerima anugerah tersebut, pemilihan pegawai berkenaan adalah bersandarkan kriteria-kriteria termasuk memiliki sijil-sijil 'Officer of The Watch and Ocean Navigation'. Mereka juga pegawai yang berpengalaman dalam menjalankan Kapal Peronda Pantai.

ATLDB merupakan antara agensi terpenting untuk menjaga keamanan perairan Negara Brunei Darussalam.




DATO Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon dalam sidang akhbar di Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

## Buku 'Keluarga Bahagia : Dari Kaca Mata Islam' dilancarkan

# Mengupas tentang keluarga Islam

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 23 Februari. - Orang ramai di negara ini merasa lega dan segala persoalan serta kemusykilan dalam mengharungi alam rumah tangga akan terjawab dengan adanya pelancaran buku 'Keluarga Bahagia : Dari Kaca Mata Islam'.

Buku tersebut dihasilkan sendiri oleh Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon yang merupakan seorang penulis, ahli akademik, dan pendakwah yang tidak asing lagi di negara ini.

Buku yang mengandungi sejumlah 21 artikel yang menyentuh persoalan dan permasalahan yang berkisar mengenai alam rumah tangga dan perkahwinan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, yang dilancarkan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Aliddin.

Secara sepintas lalu buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DPB) itu banyak mengupas dan menghuraikan segala keperluan sebelum berkahwin dan semasa menempuh alam perkahwinan.

Dalam bab akhir buku tersebut yang bertajuk 'Sekitar Kemusykilan Munakahat' menjawab soalan-soalan dalam pelbagai masalah berhubung dengan perkahwinan.

Dato Paduka Seri Setia dalam sidang akhbar di Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa menjelaskan, satu perkara yang penting dalam buku tersebut, beliau telah memperkenalkan beberapa peruntukan undang-undang keluarga Islam di negara ini, yang akan dikuatkuasakan pada masa depan.

Menurutnya, buku yang ditulis ini adalah mengenai keluarga Islam tetapi pendekatannya sesuai untuk bacaan umum dan sesuai bacaan yang serius dan akademik, yang mana mutu penulisannya adalah tidak rendah tetapi boleh dibaca oleh orang awam.

"Berbeza sedikit penulisan yang pernah dicetak di luar negara yang ditumpukan kepada buku-buku akademik dan pembacaannya adalah terhad dan saya cuba mengelakkan menggunakan istilah-istilah undang-undang sama ada undang-undang Islam atau undang-undang sivil. Jadi apa yang penting ialah perutusan atau mesejnya mesti sampai dan kepentingannya dapat dirasakan oleh setiap individual, sama ada keluarga Islam dan bukan Islam," terangnya.

Katanya, buku 'Keluarga Bahagia : Dari Kaca Mata Islam' adalah merupakan buku kedua yang bersifat undang-undang dan kemasyarakatan dan masalah-masalah yang kritikal dalam keluarga dan buku pertama ialah mengenai perlaksanaan undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam yang merupakan buku lebih serius dan pembacaannya adalah terhad.

Dalam buku tersebut ujarnya, terdapat tiga segmen yang penting iaitu mengenai institusi keluarga, hajat bersuruh dan persoalan-persoalan yang dihadapi oleh individual.

Buku tersebut mengandungi 232 muka surat dan dijilidkan dua edisi iaitu edisi berkulit tebal dengan harga $10.00 dan edisi berkulit nipis dengan harga $8.00 yang mana boleh didapati di Dewan Bahasa dan Pustaka, dan di kedai-kedai menjual buku di negara ini.

Selain itu, sebuah lagi buku bertajuk 'Latar Belakang Sejarah Brunei' juga turut dilancarkan di Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa. Buku tersebut hasil tulisan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, merupakan sebuah buku terbitan Pusat Sejarah bagi tahun 2000 dan edisi pertama telah dicetak dan diterbitkan dalam tahun 1990.

Buku baru ini merupakan edisi pembaharuan yang mengandungi sorotan ringkas sejarah Brunei sebagai sebuah negara tertua di Alam Melayu sejak sebelum Kurun Masihi IV hingga tercapai semula kedaulatan dan kemerdekaan pada 1 Januari, 1984.

Buku ini mengandungi 88 muka surat bagi edisi Melayu dan 84 muka surat bagi edisi Inggeris. Setiap edisi berkulit tebal berharga $9.60 (Melayu) dan $13.50 (Inggeris). Edisi Melayu berkulit nipis berharga $6.40 dan edisi Inggeris berharga $7.50.

# Hasilkan pengeluaran padi secara optima

Oleh Aliddin HM

TEMBURONG, 1 Mac. - Di tahun kebelakangan ini, pengusaha-pengusaha padi telah dapat menunjukkaan kemajuan dalam meningkatkan pengeluaran hasil dengan baik.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Pertanian, Pengiran Haji Hassan di Majlis Pesta Menuai Padi di Kampong Perdayan di sini.

Beliau berharap usaha gigih yang demikian itu akan dapat terus dipupuk hingga ke generasi muda akan datang.

Pengiran Haji Hassan juga menyarankan agar aktiviti penanaman padi di negara ini hendaklah sentiasa diambil perhatian atau tumpuan yang sewajarnya. Walaupun kawasan-kawasan yang bersesuaian untuk tanaman padi terhad namun keupayaan kadar pengeluaran hasil dalam sehektar hendaklah dipertingkatkan, misalnya daripada satu tan metrik sehektar kepada tiga tan metrik atau lebih dalam sehektar.

Beliau juga memperingatkan kepada semua pengusaha-pengusaha padi agar menggunakan kawasan-kawasan tanaman mereka dengan sepenuhnya secara pengeluaran yang optima.

Jabatan Pertanian jelasnya, akan sentiasa memberikan bantuan yang lazimnya diberikan kepada peladang-peladang sebagai rancangan untuk memajukan penanaman ini secara berterusan, tambahan lagi Jabatan Pertanian sentiasa menyambut baik dan memberikan galakan kepada pengusaha yang benar-benar menampakkan minat dan komitmen dalam bidang penanaman padi.

Beliau menambah, Jabatan Pertanian akan terus mengamalkan sikap pemedulian dan keprihatinan terhadap pengusaha-pengusaha padi yang berdaya maju, dan seterusnya memberikan penekanan sepenuhnya kepada peningkatan hasil padi tempatan di samping memberi bimbingan, dan tunjuk ajar kepada pengusaha-pengusaha yang berpotensi untuk mencapai tahap kemajuan lebih tinggi yang sama-sama kita hasratkan.

Pengiran Haji Hassan berharap kepada semua peladang supaya akan dapat menunjukkan sikap tekun dan terus maju dalam usaha penanaman padi mereka.

Di Negara Brunei Darussalam, beras merupakan makanan utama negara ini dan 90 peratus daripada keperluan negara adalah diimport dari luar negeri dan hanya satu peratus sahaja dihasilkan dalam negeri.

Penanaman padi di negara ini bukanlah merupakan isu ekonomi tetapi ianya lebih menumpukan keprihatinan kepada isu keselamatan makanan. Aktiviti berpadi yang dipraktikkan adalah bagi mengekalkan tradisi bersawah atau berhuma di kalangan penduduk luar bandar.

Pada masa ini terdapat kira-kira 600 hektar ladang padi yang beroperasi secara meluas di Daerah Temburong dan Belait.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8) hasil pengeluaran padi tempatan dijangka akan meningkat kepada 3.7 peratus melalui penggunaan dan penerapan teknologi yang efektif bersesuaian dengan iklim semasa, bantuan peralatan ladang dan juga khidmat nasihat.

Peningkatan ini tidak akan melibatkan pembukaan kawasan-kawasan baru tetapi ianya hanya memberikan galakan kepada pengusaha supaya dapat menggunakan kawasan tanaman mereka dengan sepenuhnya.

Jabatan Pertanian telah membuat dan menyusun perancangan untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi dengan program penanaman padi dua kali setahun dan program tanaman kontan selepas padi.

Kesemua program tersebut bertujuan untuk memberikan keyakinan dan penjelasan kepada peladang bahawa kepelbagaian fungsi dalam ladang padi itu dapat menambahkan malah menimbal sumber ekonomi mereka.

Pesta Menuai Padi ini adalah julung-julung kalinya diadakan oleh Jabatan Pertanian dan ianya akan menjadi projek tahunan jabatan berkenaan dan akan diadakan secara bergilir-gilir di kawasan penanaman padi di kampung-kampung berkenaan.

Adapun tujuan Pesta Menuai Padi itu diadakan bagi memperkukuhkan lagi hubungan antara peladang dengan kakitangan kerjaan di samping menggalakkan para peladang meningkatkan lagi usaha penanaman padi.




PENGARAH Pertanian, Pengiran Haji Hassan bersama-sama Pegawai Daerah Temburong, Awang Adnan serta para pegawai dan kakitangan kerajaan ketika mengetam padi di Kawasan Penanaman Padi Kampong Perdayan, Temburong. - Gambar oleh Aliddin HM.

# Swasta diseru selenggarakan pesta buku




BUKU' Keluarga Bahagia: Dari Kaca Mata Islam' dan 'Latar Belakang Sejarah Brunei' diharap dapat dijadikan panduan menyelesaikan masalah kehidupan berkeluarga dan mengetahui asal-usul negara sendiri telah dilancarkan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

**KITA ingin melihat nanti pada masa-masa hadapan ada pihak lain yang tampil untuk menyelenggarakan pesta buku sedemikian ini terutama daripada toko dan penerbit buku swasta.**

**Liputan Haji Ahmad HS**
**Gambar-gambar oleh Harun Rashid dan Pg. Rafee PDPHM.**

BERAKAS, 23 Februari. - Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin berkata, Pesta Buku Antarabangsa Kali Kedua ini dijangka berjaya mendapat sambutan daripada orang ramai.

Jangkaan berdasarkan beberapa faktor iaitu kebetulan tahun 2001 ini Tahun Melawat Brunei dan Negara Brunei Darussalam sedang mengalu-alukan tetamu luar negeri; sepanjang pesta buku ini pihak penganjur menyediakan pelbagai aktiviti kegiatan khusus untuk semua golongan dan terdapat potongan harga sehingga 30 peratus bagi setiap pembelian buku dan majalah terutama bahan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Beliau menyatakan perkara itu dalam Program Wacana Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kali Kedua Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Menurut beliau, di Malaysia dan Singapura, pesta buku biasanya akan dikendalikan oleh sebuah badan bebas atau NGO, tetapi di Negara Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka biasanya mengambil punggur ke hadapan untuk mengendalikannya.

"Kita ingin melihat nanti pada masa-masa hadapan ada pihak lain yang tampil untuk menyelenggarakan pesta buku sedemikian ini terutama daripada toko dan penerbit buku swasta," katanya.

Pesta Buku Antarabangsa itu dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan kali pertama diadakan pada tahun 1995. Pesta kali ini yang dirasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin telah diselajurkan pelancaran dua buah buku iaitu 'Keluarga Bahagia: Dari Kaca Mata Islam' oleh Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon dan 'Latar Belakang Sejarah Brunei' oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri.




ORANG ramai tidak melepaskan peluang untuk minta menandatangani buku yang dihasilkan oleh Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka melihat lebih dekat lagi buku-buku yang diterbitkan dan dijual oleh Jabatan Mufti Kerajaan, agensi kerajaan yang menyertai Pesta Buku Antarabangsa.



AWANG Fared Jaffrey wakil Rahmaniyah Enterprise menyatakan rasa gembiranya menyertai pesta buku tahun ini, kerana ramai yang datang ke petaknya sejak ianya dibukakan untuk orang ramai.



PERADUAN Tulisan Jawi adalah satu acara sampingan sempena Pesta Buku Antarabangsa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pesta buku disertai oleh 35 toko, pengedar dan penerbit buku dalam dan luar negara, dan jabatan kerajaan, yang mana 62 buah petak telah disediakan.

Tujuan pesta buku adalah untuk memperingati dan menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 di samping memberikan peluang kepada semua golongan dengan tema Memperkaya Ilmu dan Menjana Minda.

Di samping itu, beberapa kegiatan sampingan sempena pesta buku juga turut diadakan yang bermula 23 Februari sehingga 3 Mac. Antara kegiatan termasuk uji bakat, kuiz umum, peraduan tulisan jawi, mewarna lukisan, mencari benda tersembunyi dan membaca puisi dan syair.

Pihak PELITA BRUNEI juga berkesempatan membuat pertemuan dengan beberapa orang penjual buku dan pengunjung pesta buku, yang mana kebanyakan mereka menyambut baik pesta buku yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan cara pengurusan pesta berkenaan adalah sangat menggalakkan di samping tempat dan letak kereta yang bersesuaian.

Seorang penjual buku Fared Jaffrey dari Rahmaniyah Enterprise, merasa gembira, kerana ramai orang berkunjung ke petaknya, terutama kalangan ibu bapa.

Kebanyakan buku yang dijual di petaknya ialah buku pendidikan untuk kanak-kanak serta buku sekolah dan buku cerita dan di samping itu, jelasnya pihak syarikat beliau juga memberikan potongan harga yang istimewa sempena pesta ini.

Manakala seorang penjual dari Republik Singapura yang ikut serta dalam pesta tersebut menjelaskan ianya memberangsangkan dan sangat ramai berbanding tahun lepas, kerana promosi yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka mengenai pesta buku berkenaan melalui kaca televisyen, radio dan juga surat-surat khabar tempatan.

Di samping itu, "Kami juga memberikan potongan istimewa setiap jualan buku dan dalam menyertai pesta buku ini bagi pihak kami menghadapi sedikit masalah iaitu masalah transport seperti bas yang sukar didapati dari hotel untuk menuju ke tempat pesta buku ini," katanya.

Syarikatnya juga katanya, menyertai pesta buku seumpamanya seperti di Kuala Lumpur, Republik Indonesia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darusssalam.

"Kebanyakan buku yang dijual ialah buku agama yang diterbitkan sendiri, jadi kami datang ke sini untuk mempromosikan buku-buku hasil terbitan kami sendiri dan buku-buku terjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu," jelasnya.

Sementara itu, seorang pengunjung pesta, menyuarakan pandangan bahawa projek ini adalah baik, dan orang ramai berkunjung ke sana untuk membeli buku terutama buku-buku sekolah dan untuk meningkatkan minda mereka.

Beliau seterusnya berharap, publisitinya akan dapat diperluaskan lagi supaya orang ramai datang ke pesta buku ini.

Ditanya dari segi harga, beliau menjelaskan ianya adalah memuaskan di mana mereka telah memberikan potongan sehingga 15 sehingga 70 peratus.

Mengenai tempat, beliau berkata adalah bersesuaian dan selesa, di samping ruang letak kereta yang begitu banyak. Jika pesta ini diadakan di kawasan bandar akan menimbulkan masalah seperti masalah mencari letak kereta dan sebagainya.



WAKIL dari Pustaka Nasional Pte. Ltd. Republik Singapura yang menyertai pesta tersebut.



PENGIRAN Omarali berkata, penyebaran maklumat mengenai Pesta Buku Antarabangsa harus diperluaskan lagi.



## Memucang-mucang bina jambatan

**KERJA memucang-mucang untuk membisaikan jabatan bertempat di Kampong Tamoi Ujong telah berlangsung pada 25 Februari lalu. Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani; Pemangku Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah Haji Mokti, pegawai-pegawai dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara serta para penduduk Kampong Tamoi Ujong, bersama-sama mengungkayahkan projek tersebut. - Gambar ihsan Awang Haji Mohd. Daud bin Abdul Rahman.**

# Seminar Program Pengurusan Keseluruhan Berkualiti

**Oleh Sahari Akim**

BERAKAS, 26 Februari. - Dalam usaha untuk mengemaskinikan pengurusan organisasinya, Kementerian Pembangunan telah mengadakan Seminar Program Pengurusan Keseluruhan Berkualiti (TQM) bertempat di Dewan Bertabur di sini.

Seminar setengah hari yang terdiri oleh lebih kurang 100 orang pegawai daripada sektor kerajaan dikendalikan oleh seorang profesor emeritus Universiti Kyoto Jepun dan seorang Penyelidik Kanan Persatuan Piawaian Kejuruteraan Profesional Jepun.

Dalam seminar itu, Profesor Dr. Yoshio Kondo membentangkan kertas kerja mengenai 'Konsep Asas Pengurusan Berkualiti dan Motivasi Manusia' sementara Tuan Yuzuru Otabe telah membentangkan kertas kerjanya mengenai 'Perlaksanaan Pengurusan Berkualiti dan Kualiti dan Piawaian'.

Pemangku Timbalan Juruukur Agung, Awang Haji Mohd. Jamil menerangkan bahawa tujuan seminar itu ialah untuk menimbulkan kesedaran akan perlaksanaan TQM di sektor-sektor kerajaan.

Menurutnya, asas pertama ialah kesedaran sambil berharap ia dapat dilaksanakan dalam jabatan-jabatan kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan.

Beliau menekankan adalah menjadi amalan untuk memberikan layanan yang memuaskan kepada para pelanggan membabitkan semua pekerja dalam sesebuah organisasi agar jabatan-jabatan berkenaan dapat melaksanakan pengurusan yang berkualiti.

Seminar itu adalah merupakan kali kedua seumpamanya dianjurkan setelah menerima sambutan yang menggalakkan daripada peserta.



**PROFESOR Dr. Yoshio Kondo semasa membentangkan kertas kerja di Seminar Program Pengurusan Keseluruhan Berkualiti (TQM). - Gambar oleh Amat HM.**

# Barangan dalam tin keluaran tempatan

**Oleh Haji Ahmad HS**

BANDAR SERI BEGAWAN 23 Februari. - Orang ramai yang berada di kawasan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, khususnya mereka yang berada di Padian Food Court berpeluang untuk mencuba dan menikmati cita rasa pelbagai masakan yang dihidangkan oleh Syarikat Sabli Food yang tidak lama lagi akan mengeluarkan barangan dalam tin.

Bagi memastikan cita rasa pelbagai masakan yang akan ditinkan oleh Sabli Food itu mendapat sambutan di kalangan orang ramai dengan slogan Adunan Cita Rasa Kitani, Sabli Food telah memilih para pelanggan secara rambang untuk mencuba makanan manakah yang sesuai atau nyaman yang dihidangkan oleh syarikat tersebut.

Sebanyak empat jenis masakan telah hidangkan oleh Sabli Food kepada orang ramai untuk mencuba dan menikmatinya, seperti ayam masak kari, ayam masak kurma, ayam masak kicap dan ayam masak merah.

Semasa menikmati masakan Aduan Cita Rasa Kitani itu para pelanggan dikehendaki untuk mengisi borang yang mengandungi kaji selidik masakan yang dirasai. Borang ini diberikan kepada pelanggan bertujuan untuk mengenal pasti dan memperbaiki kekurangan dalam cita rasa masakan yang dihidangkan.

Menurut Pengarah Sabli Food, Awang Asrul bin Haji Sabli, selain membuat keuntungan, salah satu tujuan diadakan kilang makanan dalam tin itu ialah untuk menjayakan rancangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya kita tidak semata-mata bergantung kepada penghasilan minyak dan gas sahaja, tetapi harus mencuba mencari peluang di sektor yang lain.

Beliau berkata dengan adanya kilang ini, Sabli Food mengalu-alukan semua perusahaan kecil dan sederhana dalam perusahaan pemakanan untuk bekerjasama dalam membuat keluaran hasil tempatan seperti sambal belacan untuk ditinkan.

"Jika kerjasama ini dapat dibuat, insya-Allah akan menolong ekonomi untuk negara kita, di samping bertambahnya peluang pekerjaan, bertambahnya urus niaga di dalam negara, kerana pihaknya akan membeli sebarang penghasilan tempatan untuk diproses di kilang Sabli Food," ujarnya.



**PENGARAH Sabli Food, Awang Asrul bin Haji Sabli berkata selain untuk mendapatkan keuntungan, pihaknya ingin membantu rancangan pihak kerajaan supaya tidak terlalu bergantung kepada penghasilan minyak dan gas sahaja.**

Awang Asrul juga menyatakan bahawa pihaknya bercadang untuk mengeluarkan 20 jenis produk, empat antaranya ialah ayam masak kari, ayam masak kurma, masak kicap dan merah.

"Dengan satu juta pelaburan, insya-Allah kamiu akan membuat barangan berkualiti dan setaraf keluaran luar negara. Kerana kilang ini menggunakan teknologi tinggi dan mempunyai jururunding profesional dalam bidang makanan berteknologi tinggi dari Malaysia," katanya.

Selain untuk kegunaan dalam negeri, keluaran kilangnya juga bercadang untuk mengeksport keluar negeri, khususnya negara-negara Islam dan insya-Allah nanti orang ramai dapat membeli barangan keluaran tempatan di negara seperti Malaysia, Arab Saudi dan lain-lain.

Di kesempatan itu pihak PELITA BRUNEI telah menemui beberapa pelanggan yang berada di Restoran Padian yang kebanyakan mereka telah melahirkan rasa gembira dan menyambut baik langkah yang diusahakan oleh Syarikat Sabli Food.

Dayang Nuramallena Kee binti Abdullah, merasa bersyukur kerana ada syarikat tempatan seperti Sabli Food berani untuk mencuba mengusahakan makanan dalam tin seperti yang dirasainya hari ini.

Secara tidak langsung jelasnya, masalah makanan halal haram yang menjadi keraguan dan isu di negara ini akan dapat diatasi dengan adanya usaha yang dijalankan oleh Sabli Food.

Ketika ditanya mengenai rasa masakan yang dihidangkan, beliau menjelaskan bahawa masakan tersebut memang sedap dan mempunyai kualiti yang tersendiri dan boleh dikatakan setanding dengan keluaran negara jiran.



**SEBAHAGIAN pengunjung yang mencuba masakan Adunan Cita Rasa Kitani yang diadakan di Padian Food Court.**

# Beri perhatian serius cita rasa pelanggan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman telah menyempurnakan pelancaran bot Sri Temburong I.

Oleh Aliddin HM

TEMBURONG, 18 Februari. - Dalam abad ke-21 ini, Koperasi Pengangkutan Bersatu Temburong Berhad telah mengorak langkah untuk memenuhi cita rasa penumpangnya dengan mengadakan peningkatan kualiti perkhidmatan dari masa ke semasa.

Langkah diambil sebagai menyahut seruan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang menggalakkan semua koperasi meningkatkan daya usaha dan daya saing.

Kementerian berkenaan juga menyeru semua koperasi memberi perhatian yang serius kepada keperluan dan cita rasa pelanggan.

Salah satu usaha yang positif ke arah memberi perkhidmatan yang selesa kepada para penumpang dengan menyediakan bot-bot yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan.

Sehubungan dengan itu Koperasi Pengangkutan Bersatu Temburong Berhad telah melancarkan bot Sri Temburong I yang baru dan diperbuat daripada kaca gantian (fiber glass).

Majlis pelancaran bot Sri Temburong I ini telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim yang berlangsung di Jeti Pejabat Daerah Temburong di sini.

Bot Sri Temburong I ini diharap akan dapat memenuhi cita rasa penumpang yang sering berulang alik antara Bandar Seri Begawan dan Pekan Bangar dengan memberi perkhidmatan yang berkualiti.

Di waktu yang sama, pihak koperasi juga berharap untuk mendukung hasrat kerajaan sesuai dengan keperluan suasana Tahun Melawat Brunei 2001.

Bot Sri Temburong I ini boleh memuatkan sehingga 24 orang penumpang dalam satu masa. Perahu laju ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti jaket keselamatan, pemadam api, boya keselamatan dan peralatan yang lain.

Bot ini juga dilindungi dengan insurans seperti yang dikehendaki dalam Peraturan Lembaga Melesen Perkapalan Pedagang, Jabatan Laut, Negara Brunei Darussalam.

Pihak koperasi berhasrat untuk menempah lebih banyak bot yang diperbuat daripada kaca gantian (fiber glass) bagi menggantikan perahu kayu pada masa ini. Ini kerana bot yang diperbuat daripada kaca gantian itu adalah lebih kukuh dan tahan lama.

Keputusan Koperasi Pengangkutan Bersatu Temburong Berhad memperbaiki mutu perkhidmatannya patut diteladani dan dialu-alukan. Langkah itu bukan saja meyakinkan para penumpang yang mengutamakan keselesaan malah ia menunjukkan kesungguhannya dalam mendukung Tahun Melawat Brunei 2001.

Para pelancong luar negara yang melawat Daerah Temburong sudah setentunya merasa selamat ketika menggunakan perkhidmatan yang memenuhi tahap piawaian Peraturan Perkapalan Pedagang.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin menyampaikan hadiah kepada Dayang Shim Yuh Lin. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

# Hadiah istimewa

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Februari. - Dayang Shim Yuh Lim muncul sebagai penerima hadiah sebuah kereta mewah setelah memenangi Peraduan Kuiz Produk Terbaru keluaran Hongkong and Shanghai Bank Corporation.

Majlis yang berlangsung di ibu pejabat bank berkenaan telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin.

Tempat kedua dimenangi oleh Awang Tan Boon Kong dengan menerima tiket penerbangan dan lima orang yang lainnya menerima hadiah telefon bimbit.

# Kedutaan Peru sumbangkan lukisan

Oleh Samie Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Februari. - Kedutaan Besar Peru di Negara Brunei Darussalam telah menyumbangkan sebuah lukisan, 'With The Perspectives of Time' kepada Muzium Brunei sebagai tanda persahabatan.

Lukisan itu telah diserahkan oleh Duta Besar Peru ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Juan Carlos Capunay kepada Pemangku Pengarah Muizum-Muizum, Awang Haji Metussin bin Haji Jibah, di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini.

Lukisan berkenaan adalah diilhamkan oleh pelukis ternama Peru, Carlos Levano. Berkelulusan dari Catholic University, Peru dan beliau sering memperolehi anugerah terbaik di pameran lukisan hampir setiap tahun sejak 1992.

Sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada usaha Kedutaan Besar Peru bagi meningkatkan hubungan baik di bidang kebudayaan dan mengukuhkan lagi kerjasama dengan Negara Brunei Darussalam.

Sebelum ini, Kedutaan Besar Peru dengan kerjasama Muzium Brunei telah mengadakan Pameran Lukisan Peru yang merupakan pameran dari Amerika Latin yang julung kali diadakan di Bandar Seri Begawan. Ianya dihasratkan bagi memberi pengetahuan yang berfaedah kepada generasi kedua-dua negara.



DUTA Besar Peru ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Juan Carlos Capunay menyerahkan sebuah lukisan kepada Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Metussin bin Haji Jibah. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

# 50 peserta terima sijil bengkel

Oleh Aliddin HM

MUARA, 28 Februari. - Lebih 50 orang peserta yang mengikuti Bengkel Pengukuhan Akidah yang terdiri daripada para buruh Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Pengajian Islam, telah menerima sijil masing-masing di Majlis Penutup bengkel tersebut yang berlangsung di Masjid Kampong Kapok di sini.

Majlis penyampaian sijil kepada para peserta itu telah disempurnakan oleh Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Saifon bin Awang Haji Besar.

Bengkel tiga hari itu adalah anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid dan ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Kapok Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17.

Bengkel tersebut bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada para peserta dalam mengenal pasti ciri-ciri ajaran sesat.

Semasa bengkel, empat kertas kerja telah dibentangkan oleh para penceramah undangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.



PENGARAH Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Saifon bin Awang Haji Besar ketika menyampaikan sijil kepada seorang peserta yang mengikuti Bengkel Pengukuhan Akidah yang berlangsung di Masjid Kampong Kapok, Muara. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

# K'jaan belanjakan $181 juta bina projek tenaga elektrik

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Februari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menandatangani kontrak dengan Konsortium Hitachi Asia Limited & Marubeni Corporation, Jepun, telah berlangsung di Kementerian Pembangunan, Berakas pada 18 Disember, 2000 yang lalu.

Projek tersebut adalah bagi pemasangan tiga unit turbin-gas yang berkeupayaan 33 MW setiap satu di Janakuasa Gadong-1 untuk mengganti unit-unit yang lama, pembinaan stesen-stesen elektrik utama 66/11 KV di Gadong-1, Tungku, Serambangun dan Pasir Puteh. Ianya juga termasuk talian-talian penghantaran baru 66 KV daripada Janakuasa Gadong-2 ke Stesen Pasir Puteh melalui stesen-stesen Tungku dan Serambangun.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perkhidmatan Elektrik hari ini, anggaran perbelanjaan projek ini adalah sebanyak $175 juta di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-7 (1996-2000). Projek tersebut telah pun bermula pada 1 Februari, 2001 dan dijangka siap dalam masa 22 bulan, iaitu dalam bulan Disember, 2002.

Matlamat keseluruhan projek ini adalah bagi mengganti unit-unit yang lama dan menambah kapasiti sistem penjanaan dan penghantaran yang ada pada masa ini bagi menampung permintaan tenaga elektrik yang dijangka akan meningkat.

Selain daripada projek tersebut di atas, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan juga sedang giat mengusahakan peningkatan pembekalan tenaga elektrik bagi Daerah Temburong. Projek ini adalah bagi pembekalan dua unit janakuasa diesel yang berkeupayaan 6 MW kesemuanya dan alat-alat pensuisan berkaitan bertempat di Janakuasa Belingus, Temburong. Syarikat yang melaksanakannya ialah MAN B & W Diesel (Singapore) Pte. Limited, Republik Singapura.

Siaran itu menambah, anggaran perbelanjaan projek adalah sebanyak B$6.0 juta di bawah peruntukan RKN 7. Projek tersebut telah pun bermula pada 26 April, 2000 dan dijangka siap pada bulan Jun 2001 ini.

Walaupun pembuatan/pembekalan alat atau barang hampir keseluruhannya bergantung kepada pembuat/pembekal luar negeri, penyertaan bagi pemborong bumiputera atau pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan juga sentiasa diberi perhatian dan ditekankan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perlaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara. Secara kasar, adalah dianggarkan bahawa keperluan skop kerja yang melibatkan pemborong bumiputera atau pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan ialah kira-kira 20 peratus daripada jumlah keseluruhan skop projek berkenaan. Penyertaan pemborong tempatan ini ialah bagi mengendalian kerja-kerja sivil, struktur, M & E dan juga perkhidmatan konsultan.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik juga telah pun merancang dan melaksanakan beberapa projek-projek pengukuhan sistem rangkaian penghantaran (66 KV) dan pembahagian (11 KV) bagi Daerah Brunei dan Muara, Temburong, Belait dan Tutong bagi menampung permintaan bekalan elektrik pada masa ini dan akan datang.

**PENYERTAAN bagi pemborong bumiputera atau pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan juga sentiasa diberi perhatian dan ditekankan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam perlaksanaan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara.**

Perancangan jabatan bagi sistem tenaga elektrik adalah berasaskan dengan keadaan 'Supply & Demand' yang terkini, mengikut keutamaan projek-projek berkenaan yang mana projek-projek tersebut di atas adalah di antaranya.

# Pameran Ekspedisi Wirawati Kilimanjaro

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 2 Mac. - Keberanian, kecekalan, kekuatan dan semangat yang tinggi telah berjaya menaikkan nama lima orang wanita tempatan setelah berjaya menjelajahi Gunung Kilimanjaro dengan ketinggian 5,895 meter baru-baru ini.

Setelah berjaya merentasi pengalaman mendaki gunung berkenaan tentunya banyak pengalaman-pengalaman yang perlu dikongsi sama dengan para peminat pendaki gunung yang lain dan juga orang ramai.

Dalam mengongsikan pengalaman tersebut, Bahagian Perkembangan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bersama lima orang kumpulan pendaki Gunung Kilimanjaro telah mengadakan pameran selama tiga hari berlangsung di Hotel D' Anggerek di sini.

Hadir bagi merasmikan pameran itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud.

Pameran gambar-gambar selama tiga hari bermula hari 2 Mac memaparkan sebahagian daripada perjalanan pendakian gunung oleh lima orang wanita tempatan yang sempat dirakamkan sehinggalah ke puncak Gunung Kilimanjaro.

Kelima-lima wirawati Ekspedisi Kilimanjaro itu ialah Dayang Norhayati binti Abu Bakar (34) selaku Ketua Ekspedisi Kilimanjaro, Dayang Nona Ellis Muhammad binti Hassan (34), Dayang Faridah binti Japang (31), Dayang Jenny Tan Feng Ling (25) dan Lans Koperal Dayang Hajah Norimah binti Damit (27). Sementara itu sebelum perasmian pameran, tayangan video mengenai sebahagian perjalanan ke puncak gunung berkenaan juga ditayangkan.

Adalah diharapkan Pameran Ekspedisi Wirawati Kilimanjaro akan dapat sedikit sebanyak mendedahkan penglibatan wanita dalam bidang pendakian gunung iaitu bidang yang sukar untuk direalisasikan oleh kebanyakan orang terutamanya kaum wanita.

Kejayaan mendaki Gunung Kilimanjaro di Tanzania, Benua Afrika terus meningkatkan semangat Ketua Ekspedisi tersebut. Dayang Norhayati untuk meneruskan ekspedisi mendaki gunung-gunung tinggi yang lain.

Menurutnya, dalam sedikit masa lagi beliau akan meneruskan minat dan hasratnya untuk mendaki gunung tertinggi di Amerika Utara, Gunung Mc. Kinley (Dinali) yang terletak di kawasan bersalji di Alaska dengan ketinggian 6,195 meter pada bulan Jun atau Julai tahun ini.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali diberikan penerangan oleh Dayang Norhayati mengenai Pameran Ekspedisi Wirawati Kilimanjaro. – Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Jika berjaya, beliau akan meneruskan lagi ekspedisi pendakian Gunung Aconcagua setinggi 6,962 meter di Argentina pada bulan Januari tahun 2002. Gunung ini disifatkan sebagai gunung yang sukar dan licin, di mana di ketinggian 1,800 kaki cuaca akan berubah menjadi sejuk dalam masa beberapa jam.

Setelah itu jika berjaya beliau akan menunaikan impiannya mendaki gunung tertinggi di dunia iaitu Gunung Everest, di Nepal setinggi 8,850 meter pada tahun 2003.

Beliau mendedahkan hasrat itu di majlis pelancaran pameran gambar-gambar mengenai ekspedisi pendakian Gunung Kilimanjaro yang telah berjaya dijelajahi baru-baru ini sempena Tahun Melawat Brunei 2001.

Semasa berucap beliau mengalu-alukan sumbangan atau tajaan daripada mana-mana pihak dan agensi serta orang ramai di negara ini dalam usaha menaikkan nama negara dalam bidang pendakian gunung. Mereka yang berkeinginan menghulurkan bantuan bolehlah menghubunginya di talian 02-343946 atau 08-776595.

Dalam pada itu, Dayang Norhayati, anak ketujuh dari 15 orang adik-beradik, yang baru mencapai usia 34 tahun pada 6 Mac lalu, juga mengalu-alukan penglibatan para belia untuk menyertai ekspedisi pendakian gunung yang akan datang.

Apabila sempat ditanya mengenai perasaannya berjauhan dengan keluarga apatah lagi di musim perayaan sempena Hari Raya Aidilfitri yang lalu, beliau berkata, ianya sudah menjadi satu kebiasaan kepadanya.

Gunung-gunung yang pernah didakinya termasuklah Gunung Kinabalu, Gunung Etna di Itali, Gunung Hogger di Algeria, Afrika, Gunung Banahau di Republik Filipina dan Gunung Bangi di Kudat.

# Dilantik sebagai Duta Besar Brunei ke Sepanyol



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam Yang Tidak Menetap ke Sepanyol, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Masrainah semasa menyembahkan watikah perlantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I. - Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

MADRID, 15 Febuari. - Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad telah menyembahkan Watikah Perlantikan sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam Yang Tidak Menetap ke Sepanyol ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I, Raja Sepanyol.

Majlis tersebut berlangsung pada 15 Februari lepas, di Istana Diraja Madrid, Sepanyol.

# Utamakan kualiti, piawaian

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 28 Februari. - Untuk terus berjaya, bersaing dan berkembang dalam ekonomi globalisasi, maka segala pengeluaran hasil, perkhidmatan dan sistem pengurusan perusahaan kecil dan sederhana haruslah mempunyai kualiti dan piawaian yang diiktiraf oleh semua pihak terutama para pengguna.

Perkara itu ditekankan oleh Pengarah Pusat Sumber dan Piawaian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Ahmad bin Haji Rani semasa Seminar Pengurusan Keseluruhan Berkualiti (TQM) Bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana berlangsung di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Menurut beliau, satu penyelidikan telah dibuat oleh Institut Piawaian Jerman terhadap 4,000 buah syarikat mengenai kemanfaatan ekonomi piawaian, yang mendapati piawaian syarikat yang telah dinilai mempunyai kesan positif yang tinggi di dalam perniagaan dan memerlukan proses peningkatan.

Katanya, berbalik kepada hubungan pembekal dan pelanggan, piawaian industri luas adalah alat yang digunakan untuk merendahkan kos urusan dan mendesak kuasa pasaran terhadap pembekal dan pelanggan.

Dalam ucapannya, beliau juga menggariskan fungsi Pusat Sumber dan Piawaian selaku pengiktirafan dan kawalan mutu bagi produk-produk tempatan dalam bidang sumber-sumber utama untuk menjamin penerimaan pengguna tempatan dan memenuhi piawaian antarabangsa.



SEBAHAGIAN para peserta yang terdiri pengusaha kecil dan sederhana yang menyertai Seminar Pengurusan Keseluruhan Berkualiti.



DR. Yoshio Kondo penceramah undangan dari Jepun, menyampaikan tajuk ceramah 'Intipati Kualiti dan Apa Kawalan Yang Dilakukan'.



PUSAT Sumber dan Piawaian berperanan selaku pengiktirafan dan kawalan mutu bagi produk-produk tempatan, kata Pengarah Pusat Sumber dan Piawaian, Awang Haji Ahmad bin Haji Rani.

**FUNGSI Pusat Sumber dan Piawaian ialah selaku pengiktirafan dan kawalan mutu bagi produk-produk tempatan dalam bidang sumber-sumber utama untuk menjamin penerimaan pengguna tempatan dan memenuhi piawaian antarabangsa.**

Seminar setengah hari ini dikendalikan oleh pakar dari Jepun iaitu Dr. Yoshio Kondo yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam mengendalikan pengurusan berkualiti dan bagaimana ianya dapat memberi kesan persaingan kepada perniagaan.

Seminar Pengurusan Keseluruhan Berkualiti ini adalah merupakan kali kedua diadakan di bawah pengendalian ASEAN-Japan TQM Project. Seminar pertama telah dilangsungkan dalam tahun 1999.

Seminar bertujuan menekankan akan kepentingan kualiti dan piawaian dalam persaingan strategi perniagaan bagi menggalak, mengembang dan memajukan pengusaha kecil dan sederhana di Negara Brunei Darussalam di era globalisasi.



SEBELUM memulakan seminar, sebahagian para peserta dan penceramah undangan merakamkan gambar kenangan.

# 32 mahasiswa UBD buat projek profil bahasa

Oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 3 Mac. - Seramai 32 mahasiswa tahun III Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan kunjungan ke Daerah Belait bagi membuat projek profil bahasa di daerah ini.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Pensyarah Profil Bahasa di UBD, Dr. Haji Jaludin bin Haji Chuchu tiba di daerah ini dan seterusnya mengadakan perjumpaan bersama penghulu dan ketua-ketua kampung daerah itu yang diadakan di Dewan Raya, Pejabat Daerah Belait.

Dalam temu bual singkat wakil PELITA BRUNEI bersama Dr. Haji Jaludin, menyatakan Projek tersebut merupakan salah satu syarat untuk lulus Kursus Profil Bahasa di Universiti Brunei Darussalam

Sehubungan dengan itu para mahasiswa berkenaan dikehendaki membuat laporan mengenai bahasa-bahasa yang dituturkan di daerah itu melalui kerjasama penghulu dan ketua-ketua kampung di daerah tersebut.

Projek itu juga untuk mengkaji jumlah bahasa pribumi yang digunakan di daerah itu, jumlah penduduk dan kaum etnik, bahasa yang paling dominan dan bahasa yang tidak menonjol di daerah itu.

Dr. Haji Jaludin berpendapat jika bahasa-bahasa berkenaan tidak didokumentasikan, ia tidak akan dapat dijadikan bahan siasatan sejarah dan akan pupus begitu sahaja.

# Jangan bergantung kepada nota kuliah

Oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 26 Februari. - Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam berkata, sesuatu kejayaan itu tidak akan dapat dicapai tanpa adanya usaha gigih, sabar, tabah dan tekun.

Dari itu, Pengiran Datin Paduka menekankan para pelajar 'A' level supaya bersikap positif terhadap pelajaran mereka dan membiasakan diri membaca lebih banyak buku rujukan dan bahan-bahan ilmiah lain bagi menambah ilmu pengetahuan dan kefahaman di samping dapat memperkukuhkan kemahiran bahasa.

Katanya, kursus 'A' level bukan hanya lanjutan daripada kursus 'O' level tetapi ia jauh lebih susah dan memerlukan usaha gigih, ketekunan, bijaksana mengurus masa dan mempunyai disiplin diri yang tinggi serta berdikari tanpa banyak bergantung kepada nota kuliah.

Dari itu beliau menyeru mereka supaya mempunyai sikap berdaya maju dengan berusaha bersungguh-sungguh dan meningkatkan disiplin diri untuk mencapai kecemerlangan dalam aspek pendidikan di sekolah terutama dalam bidang akademik dan kegiatan ko-kurikulum.

Pengiran Datin Paduka membuat seruan itu ketika membuka rasmi Majlis Pendaftaran dan Minggu Orientasi Pelajar-pelajar Tingkatan Enam Bawah Tahun 2001 Sekolah Menengah Sayyidina Ali di sini.

Beliau menambah, dengan adanya kesedaran dan komitmen itu, pelaburan pihak kerajaan yang telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mendatangkan guru-guru dari luar negeri di samping menyediakan pelbagai kemudahan untuk belajar akan mendapat pulangan yang baik.

Pengarah Sekolah-Sekolah itu juga mengingatkan mereka supaya menumpukan perhatian terhadap pelajaran, menguatkan azam untuk belajar dan menjauhkan diri daripada pergaulan bebas dan pengaruh yang kurang sihat yang bertentangan dengan nilai-nilai kebruneian dan ajaran Islam.

"Kegiatan negatif bukan sahaja akan mencemarkan nama baik sekolah dan ibu bapa serta keluarga, malah akan merosakkan masa depan kamu yang akan merugikan diri sendiri dan negara," katanya.

Dalam pada itu tambahnya, penglibatan para ibu bapa dan penjaga sangat penting dengan mengawasi dan memeduli pelajaran anak-anak, memberi dorongan, bimbingan dan nasihat, menyediakan tempat mereka belajar dengan selesa dan aman di rumah serta membantu anak-anak memperolehi buku-buku tambahan dan majalah yang boleh meningkatkan keinginan dan semangat mereka belajar dengan lebih giat.

Sementara itu, guru memainkan peranan utama dan mempunyai tugas serta tanggungjawab yang sangat mencabar di dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan memberikan latihan amali kepada para pelajar.

Mereka juga katanya, bertanggungjawab dalam membimbing, memberi khidmat nasihat, merangsang dan meyakinkan para pelajar supaya berjaya di dalam kegiatan akademik dan ko-kurikulum di sekolah.

Dalam tahun ini, seramai 1,076 pelajar melanjutkan pelajaran mereka ke tingkatan enam bawah di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan Sekolah Menengah Sayyidina Ali. Daripada jumlah tersebut, seramai 171 orang daripada mereka akan belajar di Sekolah Menengah Sayyidina Ali dalam aliran Sains dan Humanities.

Sejak sekolah itu menubuhkan tingkatan enam sejak empat tahun lalu, pencapaian akademiknya terus meningkat setiap tahun dan berjaya melahirkan dua pelajar terbaik di seluruh negara. Pada tahun 1999, Dayang Ting Siew Tee mendapat empat 'A' level kesemuanya gred A dan Awang Yong Chee Hiung mendapat tiga 'A' level semuanya gred A. Sementara itu tahun ini seorang pelajar lepasan 'A', Awang Mohd. Elham bin Muhd. Ismail diterima masuk ke Universiti Otago, New Zealand mengikuti jurusan perubatan.

Selain itu, pelajar-pelajar kemasukan pertama tingkatan enam sekolah ini sedang belajar di universiti dalam dan luar negeri. Pada tahun 1999, seramai lima orang telah diberikan dermasiswa oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Syarikat Minyak Brunei Shell, ketika ini sedang mengikuti kursus ijazah tahun kedua di beberapa buah universiti di United Kingdom.

Manakala tahun lalu, tiga pelajar telah menerima dermasiswa dari Syarikat Minyak Brunei Shell dan ianya merupakan bilangan terbesar kerana syarikat berkenaan hanya menghantar lima pelajar saja dalam setahun.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Harun bin Haji Ismail bergambar bersama pegawai-pegawai kerajaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

# Daerah Tutong rancang 30 acara keraian



MESYUARAT membincangkan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Tutong telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Harun bin Haji Ismail. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Oleh Abu Bakar HAR

TUTONG, 27 Februari. - Mesyuarat Membincangkan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.

Dalam mesyuarat yang pertama itu, lebih 30 acara keraian akan diadakan dalam sama-sama memeriahkan sambutan tahun ini bagi Daerah Tutong.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Harun dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Acara kemuncak di daerah itu ialah keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bercemar duli ke daerah tersebut yang juga merupakan daerah pertama keberangkatan baginda ke daerah-daerah yang lain.

Antara persembahan yang akan diadakan di sepanjang keraian di daerah tersebut termasuklah Pesta Tarik Kalat, Peraduan Kanak-Kanak Sihat dan persembahan PENTARAMA.

# Pengangkutan sampah ke rumah-rumah telah diperkenal

Oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, Februari. - Pengangkutan sampah dari rumah ke rumah di kawasan Perumahan Negara Kampong Pandan dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampong Mumong mula diperkenalkan awal bulan ini.

Bagi memudahkan kerja-kerja pengangkutan sampah, Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria menyediakan sebanyak 700 biji tong sampah untuk dijual kepada orang ramai terutama penduduk kampung berkenaan.

Tong sampah berukuran tiga kaki tinggi dan dilengkapi roda dijual dengan harga $50.00 sebiji dan lebih tahan lama serta harganya jauh lebih murah berbanding harga di pasaran.

Menurut Setiausaha Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ali bin Haji Md. Yusof, pengangkutan sampah hanya untuk sampah dapur sahaja, manakala sampah berat seperti besi dan potongan kayu boleh dilakukan melalui perkhidmatan lain dengan menghubungi jabatannya dan mengisikan borang yang disediakan.

Beliau berucap demikian di Majlis Taklimat Mengenai Cukai Tahunan dan Pengangkutan Pembuangan Sampah Dari Rumah Ke Rumah kepada penduduk kampung berkenaan yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Sebelum pengangkutan sampah ini diperkenalkan, jabatan berkenaan menyediakan kontena di tempat khas pembuangan sampah di kawasan kediaman mereka, namun segelintir sahaja yang memanfaatkannya dan membuang di tempat bukan pembuangan sampah yang disediakan sehingga berlaku longgokan sampah yang terbiar begitu sahaja.

Jika masalah sedemikian tidak diambil sebarang tindakan, kemungkinan akan menimbulkan kesan negatif kepada alam sekitar dan menjejaskan kesihatan.

Dari itu, mereka yang berhajat untuk mendapatkan tong sampah berkenaan bolehlah membelinya di Bengkel Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria di Lorong Setia Diraja pada waktu-waktu pejabat.

SUKAN .... SUKAN .... SUKAN .... SUKAN ....




RASMI .... Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria merasmikan Kejohanan Bola Sepak Lima Orang Sepasukan Dalam Dewan (FUTSAL) di Dewan Besar Jabatan Kerja Raya. – Gambar oleh Amat HM.



PASUKAN yang menyertai kejohanan bola sepak tersebut diperkenalkan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan. – Gambar oleh Amat HM.

# 17 pasukan sertai FUTSAL

Oleh Haji Ahat HI

SEJUMLAH 17 buah pasukan dari jabatan-jabatan dan unit-unit di bawah Kementerian Pembangunan berentap menyertai Kejohanan Bola Sepak Lima Orang Sepasukan Dalam Dewan (FUTSAL) di Dewan Besar Jabatan Kerja Raya.

Daripada jumlah itu sepuluh pasukan berentap dalam bahagian bebas yang dibahagikan kepada Kumpulan 'A' dan 'B', manakala tujuh pasukan lagi berentap bagi Kumpulan Umur 40 Tahun Ke Atas.

Hadir merasmikan kejohanan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin.

Menurut pihak penganjur, kejohanan yang dihasratkan sebagai projek tahunan kementerian berkenaan itu bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan.

Selain daripada itu, kejohanan berkenaan juga akan dapat memupuk semangat jati diri serta menggalakkan pegawai dan kakitangan aktif bersukan untuk kesihatan.



PENGARAH Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Talib menyampaikan hadiah kepada seorang murid yang berjaya menerima Anugerah Hadiah Galakan Olahraga sepanjang tahun 2000. – Gambar oleh Halim HS.

# Program Olahraga Atlet-atlet Muda lahirkan benih berpotensi

Oleh Haji Ahat HI

PROGRAM Olahraga Atlet-atlet Muda 2000 - 2006, peringkat umur 10, 13 dan 15 tahun ke bawah, berjaya melahirkan 'benih' yang diharapkan apabila enam daripada 250 orang pelajar yang menyertai program tersebut telah dipilih menerima Anugerah Hadiah Galakan di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Enam orang pelajar telah memperlihatkan pencapaian cemerlang dalam beberapa acara yang dianjurkan semasa kejohanan olahraga yang berlangsung sepanjang tahun 2000 lepas.

Program lima tahun 2002 - 2005 anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Ko-Kurikulum dan Persatuan Olahraga Kebangsaan (BAAA) itu dilihat berjaya menampilkan beberapa orang atlet berpotensi untuk diketengahkan.

Enam pelajar yang menerima hadiah galakan ialah pelajar dari Tutong Public School, Awang Md. Haris bin Anuar dan Dayang Siti Afiqah binti Haji Talip masing-masing telah dianugerahkan sebagai atlet yang meningkat bagi kategori umur 10 tahun ke bawah.

Atlet terbaik kategori umur 13 tahun ke bawah bagi lelaki ialah Awang Md. Ariffin bin Haji Daud dari Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil dan Dayang Rozita binti Momin dari Sekolah Rendah Junjongan, terbaik bagi atlet perempuan.

Awang Md. Zamri bin Zaini, pelajar dari Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan Dayang Noor Nekma Rainah binti Haji Rosli, pelajar dari Sekolah Menengah Berakas masing-masing menerima anugerah terbaik bagi atlet berumur 15 tahun ke bawah.

Selain enam orang pelajar yang menerima anugerah itu, dua orang guru juga telah dianugerahkan sebagai Jurulatih Berpotensi yang terdiri Cikgu Awang Roziman bin Haji Jamaluddin dari Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong dan Cikgu Dayang Saliha binti Haji Tinggal dari Sekolah Rendah Berakas Garison.

Program yang melibatkan 19 buah sekolah-sekolah Daerah Brunei-Muara dan Tutong itu juga memilih Sekolah Rendah Berakas Garison sebagai sekolah terbaik, bagi program atlet berumur 13 tahun selepas berjaya merangkul 15 pingat emas, manakala Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong dianugerahkan sebagai terbaik bagi program atlet berumur 15 tahun, selepas memperolehi 20 pingat emas.

Menurut Pengerusi Program, Awang K.V. Varghese, perkembangan program tersebut, melahirkan banyak bakat muda yang berpotensi untuk diasuh dan didedahkan.

Pendedahan awal murid dan pelajar dari peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah dengan melibatkan guru-guru, akan dilakukan secara berterusan dengan menyusun program-program latihan dan kejohanan untuk memastikan kemajuan, katanya.




PENGERUSI Program Olahraga Atlet-atlet Muda 2000 - 2006, Awang K.V. Varghese ketika berucap menjelaskan ramai bakat muda yang berpotensi akan didedahkan. – Gambar oleh Halim HS.

SUKAN .... SUKAN .... SUKAN .... SUKAN ....

# PESTABARU rancang lebih banyak kejohanan

Oleh Haji Ahat HI

PERSATUAN Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) merancang akan mengelolakan lebih banyak kejohanan sepak takraw dengan tujuan untuk mengembangluaskan lagi permainan tersebut di kalangan masyarakat.

Presiden PESTABARU, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas ketika berucap di Mesyuarat Agung PESTABARU di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah menjelaskan, bahawa melalui kejohanan-kejohanan itu nanti akan dapat melahirkan pemain-pemain berbakat yang akan diserapkan ke dalam skuad kebangsaan sepak takraw.

"Langkah ini, akan dapat meningkatkan mutu permainan sepak takraw negara yang sekali gus pula menampilkan bakat-bakat baru yang berpotensi untuk memberikan cabaran sengit," katanya.

Ke arah melaksanakan rancangan itu, tambahnya, perundingan telah dibuat dengan syarikat pengeluar minuman PEPSI untuk menjadi penaja kejohanan.

Selain PEPSI, Pengiran Haji Ali Hassan menyatakan, Bank Standard Chartered juga dipelawa untuk menjadi penaja kejohanan sepak takraw.

"Bagaimanapun setakat ini, kedua-dua syarikat berkenaan belum dapat menyatakan persetujuan mereka. Kita berharap rundingan susulan jawatankuasa PESTABARU akan dapat dilakukan bagi menjayakan rancangan ini," tegasnya lagi.

Menyentuh mengenai pencapaian sukan sepak takraw pula, beliau menjelaskan bahawa buat pertama kali dalam sejarah, skuad sepak takraw telah berjaya merangkul pingat gangsa Sukan ASIA 1998 di Bangkok, Thailand manakala dalam Temasya Sukan SEA Ke-XX, 1999 di negara ini juga berjaya merangkul pingat gangsa.



PRESIDEN PESTABARU, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas kekal dipilih sebulat suara menerajui PESTABARU dalam Mesyuarat Agung PESTABARU baru-baru ini.



CEMERLANG ... Skuad sepak takraw mencatatkan sejarah gemilang apabila buat kali pertama merangkul pingat gangsa Sukan ASIA 1998, di Bangkok dalam acara antara regu selepas mengalahkan Republik Korea.

Kejayaan di peringkat serantau dan antarabangsa itu katanya, memperlihatkan keupayaan para pemain negara mampu bersaing untuk mencapai kejayaan.

Mesyuarat yang dihadiri oleh ahli-ahli gabungan PESTABARU itu telah membincangkan pelbagai agenda termasuk melantik Jawatankuasa Baru Bagi Sesi 2001 - 2003.



BERSAING .... Pemain negara merebut bola tinggi dalam pertemuan dengan Myanmar acara antara regu Sukan ASIA 1998 di Bangkok, Thailand.

## BAFA terima sumbangan derma

Oleh Abu Bakar HAR

PERSATUAN Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (BAFA) hari ini menerima sumbangan derma sejumlah $1,400.00 dari Jabatan Perkhidmatan Pos.

Majlis penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pos Agung, Awang Haji Saji bin Haji Mudin kepada Timbalan Presiden II BAFA, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas pada 22 Februari lepas.

Sumbangan yang dihulurkan merupakan sepuluh peratus daripada hasil jualan kad Hari Raya Aidilfitri sempena kemenangan pasukan kebangsaan menjuarai Piala Malaysia yang telah lalu.

Menurut seorang pegawai dari jabatan berkenaan, sumbangan tersebut merupakan galakan dan sokongan Jabatan Perkhidmatan Pos dalam sama-sama membantu memajukan sukan bola sepak di negara ini.

Katanya, dengan berbuat demikian, sekurang-kurangnya akan menjadi penggalak kepada pihak-pihak lain untuk sama-sama menyumbangkan derma kepada persatuan tersebut.

Tambahnya lagi, jika ada persetujuan daripada kedua-dua pihak iaitu antara Jabatan Perkhidmatan Pos dengan BAFA, pihaknya tidak keberatan untuk menjadi tempat bagi penjualan tiket untuk menyaksikan perlawanan bola sepak.

Hadir di majlis tersebut termasuklah beberapa orang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Pos dan Ahli Persatuan BAFA.



SUMBANGAN DERMA .... Ketua Pos Agung, Awang Haji Saji menyerahkan sumbangan derma kepada Timbalan Presiden II BAFA, Pengiran Haji Ali Hassan. – Gambar oleh Halim HS.

## Pemenang pingat gangsa masih unggul

Oleh Abdullah Asgar

PEMENANG pingat gangsa tunggal acara Perlumbaan Mountain Bike Merentas Desa (cross country) Sukan SEA Ke-20 lalu, Awang Chung Kwei Ming masih tetap unggul dalam acara berkenaan setelah menewaskan lebih 40 orang pelumba yang lain.

Beliau mencatat satu jam 13 minit 30.70 saat di trek perlumbaan sejauh lebih 20 kilometer dalam lima pusingan.

Perlumbaan dianjurkan oleh Persekutuan Basikal Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk membuat pemilihan pelumba-pelumba negara dengan menggunakan kiraan mata sebelum diserapkan ke skuad negara bagi mewakili di Sukan SEA Ke-21, Kuala Lumpur, September depan.

Tempat kedua ialah Hamdani Haji Besar dengan perbezaan hanya 1.18 saat daripada pemenang pertama, sementara ketiga, disandang oleh Md. Radzi lambat lapan minit daripada peserta pertama.

Perlumbaan seumpama ini akan terus diadakan oleh pihak penganjur bagi mengutip mata untuk pemenang di mana ia akan dikumpulkan dalam beberapa perlumbaan bersiri dan mana-mana pelumba yang mengutip mata terbanyak berkemungkinan mewakili negara dalam acara mountain bike.

Sementara itu, bagi acara menurun bukit (down hill) yang diadakan di sebelah petang sejauh 1.2 kilometer, Hamdani Haji Besar masih belum boleh digugat dalam acara kegemarannya dengan mencatat satu minit 59 saat.

Samra Husin hanya berpuas hati di tempat kedua dengan catatan masa dua minit satu saat, manakala tempat ketiga disandang oleh seorang lagi bekas pelumba negara, Hamidon Haji Sapar dengan catatan masa dua minit empat saat.

Hanya 15 pelumba yang menyertai perlumbaan ini yang sangat memerlukan kebolehan atau skill mengawal basikal dengan mengutamakan masa, kerana dalam perlumbaan ini pelumba yang mencatat masa terpantas akan dikira sebagai pemenang.

Acara ini merupakan acara baru dalam Sukan SEA dan kali pertama diadakan ialah pada 1997 ketika Sukan SEA Ke-19 lalu, di mana pelumba-pelumba Republik Indonesia memonopoli tempat pertama dan kedua.





## Menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (gambar atas kiri) dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam (gambar atas kanan) telah berkenan menerima mengadap isteri Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Susila Cox. Majlis berlangsung berasingan di Istana Nurul Iman pada 6 Februari dan di Istana Nurul Izzah pada 20 Februari lepas.

Puan Susila Cox berada di negara ini bagi menyertai suaminya, Tuan Yang Terutama Tuan Allaster Edward Cox yang baru dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini pada 10 Januari lepas.

## 'Pemimpin Menyusuri Mukim'

BANDAR SERI BEGAWAN. - 'Pemimpin Menyusuri Mukim' merupakan tema Perjumpaan Muhibah Penerangan bagi Mukim Labi, Daerah Belait yang akan diadakan pada 10 Mac, 2001 jam 8.30 pagi.

Majlis anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampong Labi I dan Majlis Perundingan Kampong Labi II itu akan diadakan di Balai Raya, Kampong Labi I.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah akan menjadi tetamu kehormat dalam majlis yang dijangka akan dihadiri oleh lebih kurang 300 penduduk kampung itu.

Antara tujuan majlis itu ialah untuk mengadakan interaksi dua hala di antara penduduk mukim tersebut dengan pihak-pihak berkenaan dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Melalui hubungan bersemuka dua hala itu, para penduduk kampung akan berkesempatan mendengar penerangan daripada Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perhubungan.

Dalam masa yang sama penduduk Mukim Labi juga akan diberikan kesempatan menyampaikan maklumat-maklumat berhubung isu-isu semasa yang mempunyai kepentingan ke arah kesejahteraan penduduk khususnya dan negara amnya.

Maklumat-maklumat yang diterima akan diambil maklum dan dipanjangkan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk dibuat sebarang tindakan susulan yang bersesuaian.

Di majlis itu, penduduk mukim juga akan berpeluang mengemukakan pandangan, cadangan dan pertanyaan mengenai berbagai-bagai isu kepada wakil agensi-agensi kerajaan semasa sesi dialog nanti.

Sesuai dengan matlamat perjumpaan itu, semangat muhibah dan persefahaman perlulah dikekalkan sejajar dengan niat baik untuk menangani apa juga permasalahan dengan cara yang bersesuaian.

Dengan semangat muhibah dan persefahaman yang terjalin diharapkan majlis yang berkebajikan itu nanti akan menghasilkan huraian-huraian dan tindakan-tindakan positif untuk kepentingan bersama.

# Kerajaan ambil langkah waspada

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kini mengambil langkah berjaga-jaga berikutan dengan kejadian penyakit lembu gila (BSE) dan wabak penyakit kaki, tangan dan mulut (FMD), yang berlaku di United Kingdom dan negara-negara Eropah.

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Jabatan Pertanian dalam kenyataan bersamanya, ingin memaklumkan bahawa langkah-langkah pengawasan dan kewaspadaan yang perlu telah dan akan terus diambil seperti berikut:

* Mengharamkan pengimportan semua jenis daging termasuk yang dingin serta disejuk beku dan produk daging seperti sosej, ekstrek daging dan produk daging yang ditinkan dari negara-negara Eropah termasuk United Kingdom.

* Mengharamkan pengimportan susu dan produk tenusu seperti susu pasteur, keju, mentega, ais krim, yogurt, susu tepung dan rumusan anak damit dari United Kingdom yang dihasilkan pada 1 Februari, 2001 dan selepasnya.

* Produk-produk seperti mayonnaise, coklat, biskut, susu cair, susu UHT dan susu yang disteril yang telah menjalani proses rawatan suhu yang tinggi, tidak terkandung di dalam pengharaman ini.

* Semua permit-permit import yang sebelum ini telah dikeluarkan dan diluluskan oleh agensi-agensi yang berkenaan bagi semua jenis daging dan produk daging yang didatangkan dari negara-negara Eropah termasuk United Kingdom adalah dengan itu dibatalkan.

Penyakit BSE dan FDM pada lazimnya melibatkan binatang-binatang seperti lembu, kerbau dan sebagainya. Penyakit BSE boleh menjangkiti manusia dengan memakan bahan-bahan serta produk-produk makanan yang dihasilkan daripada binatang-binatang yang dijangkiti penyakit tersebut. Walau bagaimanapun bagi penyakit FMD cara jangkitan yang sedemikian tidak berlaku.

Langkah berjaga-jaga yang diambil bagi mengekalkan status Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang bebas daripada penyakit BSE dan FMD.

Untuk makluman orang ramai bekalan binatang hidup untuk keperluan makanan di Negara Brunei Darussalam adalah didatangkan dari negara-negara yang disahkan bebas daripada penyakit-penyakit BSE dan FMD seperti Australia, Sabah dan Sarawak. Manakala bekalan daging lembu, kambing mentah hanya diimport daripada pusat-pusat penyembelihan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia khususnya dari Australia.

Untuk keterangan lanjut orang ramai boleh berhubung melalui agensi-agensi berikut iaitu:-

Jabatan Pertanian. Telefon 02-380144 sambungan 332. Faksimili: 02-382226.

Unit Kawalan Penyakit Telefon: 02-381640 sambungan 7710. Faksimili: 381887; dan

Bahagian Kawalan Mutu Makanan. Telefon: 02-331101/2/3/4/5. Faksimili: 02-331107.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah mengadakan Majlis Jamuan Tengah Hari bagi Tuan Yang Terutama Wan Yusof Embong, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang akan menamatkan perkhidmatannya dan Puan Kamariah Abdul Kadir. Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, pada 27 Februari lepas.**

**Tuan Yang Terutama Wan Yusof Embong berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia sejak bulan Januari, 1998. - Gambar oleh Masri Osman.**

SELAMAT MENYAMBUT
HARI RAYA AIDIL ADHA

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجأن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

انيكا
ANEKA

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

BILANGAN 10 | RABU 7 MAC, 2001 | رابو 11 ذوالحجه، 1421 | PERCUMA

# Ibadat korban lambang keislaman



SYIAR ISLAM .... Melakukan korban adalah merupakan lambang atau syiar di dalam Islam sebagai tanda ketaatan kita kepada Allah.

OLEH
FIRDAUS HJ

ALHAMDULILLAH, umat Islam di negara ini telah dapat bersama-sama merayakan Hari Raya Aidiladha atau lebih dikenali Hari Raya Korban, bermula kelmarin 6 Mac, 2001. Maka bersempena kita menyambut Hari Raya Korban ini marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah dengan menjunjung perintah-perintah-Nya dan mengelakkan daripada melakukan kederhakaan.

Oleh kerana itu, sebagai tanda kita bersyukur kepada Allah dan sebagai tanda kita menyambut kedatangan Hari Raya Haji, maka ibadat penyembelihan korban binatang adalah di antara amalan yang dicintai dan disukai oleh Allah. Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadisnya menegaskan bahawa binatang-binatang korban itu akan menjadi kenderaan di atas jambatan As-Siratal Mustaqim dan menjadi pelindung daripada api Neraka.

Melakukan korban dengan menyembelih binatang seperti kambing, lembu atau kerbau atau unta adalah merupakan lambang atau syiar di dalam Islam sebagai tanda ketaatan kita kepada Allah. Sebagai suatu ibadat untuk menunjukkan dan meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah. Perkataan korban itu memberi makna 'dekat' yakni 'dekat kepada Allah'. Maka dalam hubungan ini yang sampai ke hadapan Allah bukanlah daging binatang korban itu, atau darah atau tulang-belulangnya, tetapi yang sampai ke hadrat Allah itu ialah takwa kita, kepatuhan kita dan ketaatan kita kepada-Nya.

Hal ini telah ditegaskan oleh Allah dalam Surah Al-Hajj, ayat 37 yang tafsiran-Nya : *"Daging dan darah korban itu tidak akan sekali-kali sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa daripada kamu."*

Bila kita singkap sejarah pengorbanan yang dilakukan oleh para Nabi dan Rasul, para sahabat dan ulama, bagaimana mereka bersedia berkorban jiwa dan raga, wang ringgit, harta benda tanpa berkeluh-kesah semata-mata kerana keimanan dan ketaatan kepada perintah Allah jua. Jauh daripada itu, mereka rela pula berkorban demi mempertahankan kesucian Islam yang sehingga sekarang masih tetap kuat dan utuh di seluruh pelusuk dunia. Begitulah hebat dan kuatnya pengorbanan yang mereka lakukan. Mereka tidak gentar menerima maut dan juga seksaan musuh-musuh Islam yang cuba memporak-perandakan kesucian agama Islam. Apa yang penting Islam itu terus bersinar dan menimbulkan cahaya yang terang-benderang.

Jelas ajaran Islam itu menganjurkan umatnya melakukan setiap pekerjaan yang murni, menggalakkan umatnya membelanjakan harta yang melimpah ruah kepada jalan kebaikan dan kebajikan, dan yang penting sekali bagi kepentingan ramai dan bukannya secara individualistik. Semua ini menggambarkan kepada kita, betapa Islam itu cinta kepada kehidupan yang berkasih sayang, tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu sama lain dalam suasana keislaman yang sejati.

Jauh dari itu, ibadat korban memberi laluan kepada manusia membersihkan jiwa daripada sifat-sifat keji, tamak, haloba, kedekut membelanjakan harta kekayaan, bakhil. Jangan sekali-kali dibiarkan

Kita yakin di zaman ini, mungkin tidak ada orang yang sanggup dan mampu menunaikan perintah yang amat berat itu seperti apa yang terjadi kepada Nabi Ibrahim Alaihissalam dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam dengan ujian yang paling getir dalam sejarah kemanusiaan. Makanya untuk itu, kita hanya dituntut untuk menyembelih binatang. Jika kita teliti sedalam-dalamnya, peristiwa itu mempunyai hikmah dan rahmatnya yang banyak, dan juga mengimbau kita supaya sanggup berkorban apa saja yang menjurus kepada kebaikan dan kesejahteraan hidup berbangsa dan bernegara.

Sejarah juga telah banyak membuktikan, perjuangan dan pengorbanan telah dapat membangkitkan semangat patriotik yang tinggi di kalangan rakyat sehingga mereka sanggup berkorban apa saja untuk mempertahankan dan membangun negara. Daripada pengorbanan itu, mereka muncul sebagai bangsa, negara yang hebat. Itulah salah satu mesej yang terkandung dalam peristiwa korban itu.

Sempena Hari Raya Korban ini, marilah kita membulatkan azam dan tekad dengan mempunyai semangat dan jiwa patriotik untuk disumbangkan kepada pembangunan bangsa. Setiap kita perlu memahami erti pengorbanan, iaitu apabila dikehendaki. Di samping menerima, kita juga perlu memberi untuk kesejahteraan bersama. Kita tahu bahawa negara yang teguh adalah negara yang didukung dengan pengorbanan. Mungkin juga kelemahan akan menjadi faktor halangan, tetapi apabila kita bersatu, maka yang berat pasti akan menjadi ringan seperti kata pepatah 'ringan sama dijinjing dan berat sama dipikul'.

Inilah salah satu ajaran Islam. Kita dituntut supaya menguasai diri dan negara, dengan cara berganding bahu dan muafakat. Apabila kita memakai dasar ini, dan menjadikan budaya dalam kehidupan, maka kita, satu masa nanti insya-Allah akan menjadi bangsa dan negara yang hebat. Pokok pangkalnya, setiap kita perlu rela berkorban demi menjamin masa depan dengan kesejahteraan dan kemakmuran yang menjadi idaman setiap bangsa dan negara di dunia.

Kita amat bersyukur, di mana setiap tahun semakin ramai umat Islam di negara ini melakukan ibadat korban sama ada di peringkat ketua negara hinggalah kepada rakyat jelata.



IBADAT KORBAN .... Semangat memucang-mucang dan bermuafakat dapat diwujudkan di kalangan rakyat dan

Di hari mutakhir ini, perkembangan sedemikian semakin menonjol dan terus bersemarak yang dianjurkan oleh kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, mukim dan kampung-kampung serta orang-orang perseorangan.

Trend sedemikian memperlihatkan kepada kita bahawa penghayatan kehidupan beragama ini benar-benar menjiwai pentadbiran kerajaan. Konsep bantu-membantu, tolong-menolong dalam perkara-perkara kebajikan kini semakin luas. Dalam erti kata yang lain, ianya telah menjadi budaya dan darah daging kita bukan sahaja dalam kehidupan berkampung bahkan juga dalam berkerajaan dan bernegara.

Apabila kita membudayakan amalan berkorban itu dalam kehidupan, insya-Allah, kita akan beroleh kesejahteraan, keselamatan serta keberkatan. Negara kita bertambah maju dan mak-

ANEKA Pelita Brunei

# Khutbah Hari Raya Aidiladha .....

# SENTIASA KUKUHKAN KEIMANAN

## Khutbah Pertama

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillailhamd

Alhamdulillah, sama-samalah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana melanjutkan usia kita sehingga kita dapat meraikan dan merayakan Hari Raya Korban dalam keadaan aman sejahtera.

Hari Raya Korban disebut juga Aidiladha kerana hari ini 10 Zulhijjah dan hari-hari Tasyrik 11, 12 dan 13 Zulhijjah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan umat Islam yang mampu dan memiliki kesanggupan untuk melaksanakan ibadat korban dengan menyembelih haiwan seperti kambing, sapi atau kerbau. Ia juga disebut Hari Raya Haji kerana pada hari-hari tersebut sebahagian umat Islam sedang melaksanakan ibadat haji di Mekah Al-Mukarramah.

Perintah ibadat korban mengingatkan kita kembali kepada sejarah yang sangat indah dan menyayat hati dilakukan oleh keluarga Nabi Ibrahim Alaihissalam dengan puteranya Ismail Alaihissalam dan isterinya Siti Hajar. Sejarah tersebut indah kerana ia menggambarkan kekuatan, kekukuhan iman manusia terpuji yang lebih mementingkan dan mengutamakan perintah Allah Subhanahu Wataala daripada kasih sayang kepada makhluk (anak sendiri). Ini kita katakan menyayat hati kerana sejarah tersebut menceritakan penyembelihan yang dilakukan seorang ayah terhadap anak yang dikasihi.

Nabi Ibrahim Alaihissalam berperanan sebagai seorang ayah yang sangat merindukan kehadiran anak untuk meneruskan risalah agama Allah yang dibawa Baginda. Kesedihan tidak memiliki keturunan bukan kerana takut tidak ada orang yang akan mewarisi harta benda atau kedudukannya, namun yang dikhuatirinya siapa yang akan menjadi pewaris risalah yang diutuskan Allah kepadanya jika ia tidak memiliki seorang putera.

Dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wataala merakamkan doa Nabi Ibrahim yang menginginkan seorang anak dengan firman-Nya dalam Surah Ash-Shaaffat ayat 100 yang tafsirannya:

*"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku anak yang terhitung dari orang-orang yang salih."*

Nabi Ibrahim memohon kepada Allah Subhanahu Wataala supaya dikurniakan anak yang salih, walaupun pada waktu itu Baginda sudah berusia lanjut dan tidak mungkin lagi memperolehi zuriat. Namun Baginda tidak berputus harapan, Baginda terus-menerus berdoa, semoga Allah mengurniakan seorang anak.

Permohonan doa Nabi Ibrahim diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wataala seperti firman-Nya dalam Surah Ash-Shaaffat ayat 101 yang tafsirannya:

*"Lalu Kami berikan kepadanya berita yang menggembirakan, bahawa ia akan beroleh seorang anak yang penyabar."*

Berita gembira daripada Allah ini laksana air sejuk yang datang di saat panas membara dan kehausan atau dahaga yang memuncak. Nabi Ibrahim bergembira dan memanjatkan syukur dan memuji Allah. Namun kegembiraan itu tidaklah berlangsung lama sebab ketika anak itu mulai ke peringkat remaja dan sudah boleh menolong ayah bekerja, datang perintah Allah untuk menyembelih anak yang menjadi belahan jiwa.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ash-Shaaffat ayat 102 yang tafsirannya:

*"Maka tatkala anaknya itu sampai ke peringkat umur membolehkan dia berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: Wahai anak kesayanganku! Aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu? Anaknya menjawab: Wahai ayah! Jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, insy-Allah ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar."*

Siti Hajar pula berperanan sebagai ibu dan isteri, ibu kepada Ismail yang akan disembelih dan juga isteri kepada Nabi Ibrahim yang akan melakukan penyembelihan secara amali. Tidak ada seorang ibu pun rela membunuh atau melihat anaknya dibunuh namun ketika suaminya berkata ini perintah Allah, maka lenyaplah sifat keibuan di dalam dirinya berganti dengan sikap seorang hamba yang patuh dan taat kepada perintah Allah, Siti Hajar rela anaknya disembelih oleh suaminya.

Ketika peristiwa penyembelihan dilakukan, terlihat ketaatan ibu dan ayah yang rela mengorbankan anak tercinta dan juga anak yang rela mengorbankan dirinya demi melaksanakan perintah Allah. Nabi Ibrahim Alaihissalam melakukan arahan itu dengan menutup matanya dengan mengucapkan Allahu Akbar, dan pisau memasuki kulit dan urat leher Ismail secara perlahan, Nabi Ibrahim membuka menutup matanya, namun dia terkejut kerana yang disembelih bukan Ismail, tapi seekor kibas (biri-biri). Ternyata Allah menggantikan tempat Ismail dengan seekor kibas, mereka berjaya dalam menempuh dugaan Allah Subhanahu Wataala.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar

Dari kisah sejarah ini, ada beberapa aspek yang menjadi teladan untuk kita renungi dan dijadikan iktibar dalam memenuhi kehidupan ini. Dalam sejarah ini Allah mengadakan demikian contoh sebuah keluarga, Nabi Ibrahim bertindak sebagai pemimpin keluarga membawa anak dan isterinya kepada ketaatan melaksanakan perintah Allah, Siti Hajar menunaikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada suami dan menyokong semua perbuatannya dalam melaksanakan perintah Allah, Ismail sebagai anak muda merelakan dirinya dijadikan korban oleh ayahnya kerana yakin apa yang dilakukan adalah wahyu Allah, Nabi Ibrahim, Nabi Ismail Alaihimussalam dan Siti Hajar rela berkorban demi melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wataala.

Kisah ini juga memberi teladan dan dijadikan renungan dalam usaha untuk mempersiapkan generasi penerus yang salih dan dapat memperjuangkan agama, bangsa dan negara. Anak yang kita harapkan, tentulah anak yang dapat berbakti kepada kedua orang tua, bangsa dan negara serta tetap mengabdikan (menyembah) Allah Subhanahu Wataala.

**MARILAH kita sentiasa mengukuhkan keimanan kita dengan membanyakkan dan meningkatkan amalan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wataala dan menjauhi dan meninggalkan semua larangan-Nya. Semoga kita dan keturunan kita beroleh kejayaan dan keredaan Allah Taala agar hidup kita berbahagia di dunia dan akhirat.**

Oleh itu, marilah kita sentiasa mengukuhkan keimanan kita dengan membanyakkan dan meningkatkan amalan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wataala dan menjauhi dan meninggalkan semua larangan-Nya. Semoga kita dan keturunan kita beroleh kejayaan dan keredaan Allah Taala agar hidup kita berbahagia di dunia dan akhirat.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Kautsar ayat 1 - 3 yang tafsirannya:

*"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu wahai Muhammad kebaikan yang banyak di dunia dan akhirat. Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai bersyukur. Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah yang terputus dari mendapat sebarang perkara yang diingininya."*

# Bukan senang untuk berkorban harta

## Khutbah Kedua

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahilhamd

Ibadat korban pada Hari Raya Korban ini dilakukan bukan sahaja semata-mata untuk memenuhi kehendak syariat Islam dalam menghidupkan dan meneruskan sunnah Nabi Ibrahim Khalilullah dan sebagai ikutan dari perbuatan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat menghulurkan bantuan kepada golongan fakir miskin, tetapi lebih dari itu ialah sebagai simbolik dari pengajaran Islam, agar umat Islam hendaklah sentiasa berkorban dan berhijad dalam hidup mereka. Pengorbanan ini sesuatu yang utama kepada penyaksian akidah untuk kebahagiaan dan keselamatan hidup di dunia dan di akhirat.

Ibadat korban warisan Nabi Ibrahim Alaihissalam ini mempunyai hikmat yang besar. Di dalamnya tersimpan rahsia-rahsia saikologi, sosial, ekonomi, perjuangan dan sejarah yang agung.

Ibadat korban tidak sahaja menuntut pengorbanan wang ringgit atau binatang ternakan tetapi juga menuntut pengorbanan sepenuh hati, iaitu ikhlas melakukan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala.

Hari Raya Korban mengembalikan ingatan kita kepada sejarah pengorbanan besar Nabi Ibrahim dalam perjuangannya. Nabi Ibrahim sepanjang menjalankan tugas sucinya telah menempuh pelbagai dugaan. Baginda pernah dicampakkan ke dalam api yang bernyala-nyala oleh Kaum Namrud. Puncak pengorbanan Baginda ialah diperintahkan mengorbankan puteranya sendiri Sayidina Ismail.

Sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihimussalam menjadi sejarah pengorbanan yang tidak ada tolok bandingannya. Pengorbanan kedua-dua orang Rasul tersebut bukan sahaja mengharukan sifatnya tetapi juga penuh dengan semangat. Dan terdapat padanya sifat patuh dan taat terhadap perintah Allah Subahanahu Wataala.

Orang-orang yang berjaya dan maju hidupnya dengan menjunjung nilai-nilai Allah ialah mereka yang berkorban - berkorban masa, berkorban wang ringgit, berkorban jiwa raga, tenaga, fikiran, perasaan, mengorbankan kepentingan diri dan berbagai-bagai pengorbanan lagi. Mereka inilah orang-orang yang benar-benar berhijad bagi mencapai sesuatu yang maju, baik dan diredai Allah Subhanahu Wataala.

Sepanjang sejarah kehidupan manusia, betapa ramai orang yang telah berkorban kerana Allah semata-mata. Umpamanya di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ramai para sahabat berkorban untuk menegakkan Islam. Mereka bukan sahaja berkorban harta tetapi juga jiwa raga. Sayidina Ali Radiallahuanhu mempertahankan nyawanya sewaktu Rasulullah berhijrah ke Madinah. Sayidina Abu Bakar As-Siddiq dan Sayidina Othman Radiallahuanhuma banyak mengorbankan harta dalam menegakkan Islam. Bilal bin Rabah dan Yasir mengorbankan nyawa kerana Islam. Demikianlah pengorbanan umat Islam yang terdahulu.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar

Melaksanakan korban dengan menyembelih binatang ternak di Hari Raya dan hari-hari Tasyrik 11, 12 dan 13 Zulhijjah ini bukan sahaja tanda mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wataala yang telah melebihkan rezeki kepada kita, tetapi di dalamnya ada rahsia hidup bermasyarakat. Daging korban itu akan menghubungkan talian kasih sayang yang sangat rapat antara si penerima khususnya yang mempunyai kemampuan dan kurang mampu.

Di samping itu orang-orang yang hidupnya kurang beruntung akan merasa gembira dan bahagia apabila merasai hidup mereka mendapat simpati daripada orang yang berada. Keadaan ini akan menimbulkan rasa belas kasihan, rahmat-merahmati dalam diri penerima dan pemberi.

Selain daripada mempereratkan silaturahim sesama Muslim, ibadat korban dapat merapatkan jurang antara yang kaya dengan yang miskin. Ibadat korban akan dapat mengikis sifat bakhil dan terlalu sayangkan harta. Sifat-sifat yang buruk ini boleh menjerumuskan manusia untuk melakukan perbuatan keji seperti penindasan, rasuah, penipuan dan lain-lain sifat keji yang patut kita hindari.

Jelas kepada kita ibadat korban dapat membersihkan jiwa manusia dari sifat keji di samping menggilap kembali sifat kemanusiaan yang murni, kerana berkorban benar-benar berkehendakkan keikhlasan dan kemurahan hati. Bukan senang untuk mengorbankan harta, kalau hati tidak bersih daripada sifat bakhil atau sayangkan harta, dan boleh juga menambah benih kasih sayang dan timbang rasa sesama manusia di mana ia boleh merapatkan yang jauh dan mengeratkan yang dekat.

Inilah asas kemasyarakatan yang menjadi hasrat kita bersama, erat berpadu sesama umat Islam dalam masyarakat yang membawa kepada kekukuhan umat dan perpaduan negara.

Allah Subahanahu Wataala berfirman dalam Surah An-Nisaa' ayat 175 yang tafsirannya:

*"Oleh itu, orang-orang yang beriman kepada Allah dan berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran ini, maka Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat-Nya (yang khas iaitu Syurga) dan limpah kurnia-Nya yang tidak terkira, dan Allah akan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus (jalan agama Islam) yang membawa kepada-Nya."*

**BUKAN senang untuk mengorbankan harta, kalau hati tidak bersih daripada sifat bakhil atau sayangkan harta, dan boleh juga menambah benih kasih sayang dan timbang rasa sesama manusia di mana ia boleh merapatkan yang jauh dan mengeratkan yang dekat.**

## Antara kelebihan, kemuliaan Hari Arafah

# Pahala amal ibadat berlipat ganda

BERTAKWALAH kepada Allah Subhanahu Wataala dalam setiap masa dan ketika, setelah kita mendapat hidayat dan petunjuk Allah sebagai orang-orang yang beriman. Bahkan takwa hendaklah dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan hidayat tersebut.

9 Zulhijjah adalah antara hari yang besar dan agung yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada umat Islam. Ianya juga dikenali dengan Hari Arafah. Hari tersebut merupakan puncak pertemuan agama yang paling besar yang semata-mata bertujuan mengagungkan dan menunaikan perintah Allah Subhanahu Wataala.

Pertemuan agung yang dihadiri oleh penduduk-penduduk Islam dari semua lapisan masyarakat sama ada golongan kaya ataupun miskin yang menjadi 'Dhuyufur Rahman' dalam melaksanakan ibadat haji pada hari tersebut adalah sebagai mentaati perintah Allah Subhanahu Wataala dan pengabdian seseorang makhluk kepada Khaliqnya di samping untuk mendapatkan keampunan dan keredaan-Nya jua.




Dengan sebab keagungan dan kebesaran Hari Arafah ini, maka Allah Subhanahu Wataala mengurniakan kepada umat Islam yang datang ke bumi Mekah Al-Mukarramah ini satu kurnia yang paling dicari-cari oleh semua hamba Allah selama hidupnya iaitu keampunan, reda Allah dan pelepasan dari api Neraka.

Diriwayatkan dari Aishah, Sayidatina Ummul-Mukminin oleh Imam Muslim bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

*"Tiada ada satu hari yang lebih baik di dalamnya, Allah melepaskan hamba-hamba-Nya dari api Neraka di Hari Arafah, bahawasanya pada hari itu Allah Subhanahu Wataala hampir dan menyatakan diri kepada mereka kemudian para Malaikat bersukacita dengan mereka."*

Disebutkan dalam Kitab Al-Wasa'ilusy Syafiee dari Anas Radiallahu Anhu, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi bahawa kelebihan kesepuluh hari awal bulan Zulhijjah adalah tiap hari daripadanya ini sama dengan seribu hari biasa. Tetapi Hari Arafah sama dengan sepuluh ribu hari biasa dari segala segi kelebihan dan kemuliaan dan pahala beramal ibadat digandakan sampai tujuh ratus kali ganda.

Oleh itu marilah kita mempelajari beberapa perkara untuk dijadikan renungan bersama bagi kita yang inginkan keampunan dan keredaan Allah Subhanahu Wataala serta menjadi hamba yang salih hidupnya di dunia dan di akhirat.

Pertama : Bahawa Allah Subhanahu itu Maha Memberi Ampun dan Maha Belas Kasihan kepada hamba-Nya. Allah menerima taubat dan keampunan daripada hamba-Nya pada setiap hari, ketika dan waktu. Tetapi darjat dan tahap keampunan yang dikurniakan oleh Allah pada Hari Arafah lebih besar dan banyak tidak sama dengan hari yang lain. Pintu keampunan Allah pada hari ini lebih luas ruangan untuk dimasukkan oleh sesiapa sahaja daripada hamba-Nya.

Kedua: Pada Hari Arafah semua rombongan jemaah haji berkumpul di satu tempat pertemuan. Ia membawa erti persatuan, persamaan yang ternyata dan tergambar dalam warna pakaian, yang hanya dapat dibezakan ialah takwa dan iman kepada Allah Subhanahu Wataala, seperti yang disebutkan dalam Surah Al-Hujuraat ayat 13 yang tafsirannya:

*"Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunannya atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."*

**_"SESUNGGUHNYA semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunannya atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)."_**

Ketiga: Allah Subhanahu Wataala telah memilih Hari Arafah ini sebagai hari penyataan dan penyudah ataupun pengisytiharan persidangan, kerana pada Hari Arafah tahun kesepuluh Hijrah pada musim haji Hujjatul Widaa iaitu haji terakhir bagi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengerjakan haji bersama dengan seratus ribu sahabat dan para pengikut Baginda. Pada hari inilah Allah Subhanahu Wataala mengisytiharkan kepada semua manusia bahawa Allah Subhanahu Wataala telah menetapkan Islam sebagai agama yang sempurna, tiada ada lagi agama lain yang akan datang dan lagi agama Islam tidak akan dikurangkan atau dilebihkan oleh sesiapa pun selepas daripada itu. Turunlah ayat Al-Quran Surah Al-Maa-idah ayat 3 yang tafsirannya:

*"Pada hari ini, Ku-telah sempurnakan bagi kamu Agama Islam, dan Ku-telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Ku-telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu."*

Maka sempena hari yang agung ini marilah kita merebut peluang untuk mendapatkan keampunan dan rahmat Allah untuk menjadikan diri kita termasuk dalam golongan orang yang dalam perlindungan-Nya dan kita ambil peluang terbuka ini dengan berdoa, berzikir, berhijad, bertasbih, berjanji sepenuh hati dengan Allah Subhanahu Wataala memperbaiki diri dan bertakwa memohon ampun kepada-Nya.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 197 yang tafsirannya:

*"(Masa untuk mengerjakan ibadat) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh itu yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri dan tidak boleh membuat maksiat dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat haji. Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah, dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya, kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itulah memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah) dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang berakal (yang dapat memikirkan dan memahami)."*

## وقت سمبهيڠ، امساك، شوروق دان ضحى.

وقت٢ سمبهيڠ، امساك، شوروق دان ضحى باݢي دايره بروني دان موارا مولاي داري هاري رابو،
11 ذوالحجه 1421 برسامان 7 مرچ 2001 هيڠݢ كهاري ثلاث، 17 ذوالحجه 1421 برسامان 13 مرچ 2001 انشاءالله سڤرتي دباوه اين :-

| مسيحي | ضحى | شوروق | صبح | امساك | عشاء | مغرب | عصر | ظهر | هجره |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| مرچ | | | | | | | | | ذوالحجه |
| 7 | 6.53 | 6.30 | 5.13 | 5.03 | 7.43 | 6.33 | 3.47 | 12.33 | 11 |
| 8 | 6.53 | 6.29 | 5.13 | 5.03 | 7.42 | 6.33 | 3.47 | 12.33 | 12 |
| 9 | 6.52 | 6.29 | 5.13 | 5.03 | 7.42 | 6.33 | 3.46 | 12.33 | 13 |
| 10 | 6.52 | 6.29 | 5.12 | 5.02 | 7.42 | 6.33 | 3.45 | 12.32 | 14 |
| 11 | 6.51 | 6.28 | 5.12 | 5.02 | 7.42 | 6.33 | 3.45 | 12.32 | 15 |
| 12 | 6.51 | 6.28 | 5.12 | 5.02 | 7.42 | 6.33 | 3.44 | 12.32 | 16 |
| 13 | 6.51 | 6.27 | 5.11 | 5.01 | 7.42 | 6.33 | 3.43 | 12.32 | 17 |

وقت٢ سمبهيڠ باݢي دايره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان دايره بلايت دتمبه تيݢ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نݢارا بروني دارالسلام
دمولاي دري ڤوكول 12.45 تڠهاري.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

ارشاد حكوم

**IRSYAD HUKUM**

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

# BERBEKAM

Bilangan 115

**Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihie Waman Walah.**

BEKAM atau bahasa Arabnya disebut hijamah bererti mengeluarkan darah kotor daripada badan seseorang dengan cara membedah sedikit pada bahagian kepala atau belakang badan dan menghisap darah kotor dengan tanduk atau cawan panas yang ditelungkupkan pada tempat yang telah dibedah itu.

Pendapat sebahagian fuqaha, perkataan hijamah bererti mengeluarkan darah daripada tengkuk dengan cara menghisapkan dengan alat-alat hajam (bekam) selepas dibedah. Al-Khattabi ada menyebutkan bahawa hijamah atau berbekam itu tidak dikhususkan tempatnya di tengkuk sahaja bahkan ia juga boleh dilakukan di mana-mana bahagian badan .

### HUKUM BERBEKAM

Sepertimana yang ketahui, bahawa berbekam itu merupakan satu perubatan tradisional yang sudah lama diamalkan oleh sebahagian orang. Sehingga ada yang menjadikannya sebagai mata pencarian dalam menyara hidup seharian.

Persoalan yang timbul adakah perubatan dengan berbekam itu disyariatkan, bolehkah ia dijadikan sebagai pekerjaan dan apakah kesannya terhadap kesahihan sesuatu ibadat?

Perubatan dengan menggunakan kaedah bekam adalah disunatkan dalam Islam malahan ia merupakan di antara sebaik-baik cara perubatan. Sebagaimana yang disebutkan di dalam beberapa buah hadis yang di antaranya sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

*"Sebaik-baik perubatan bagi kamu ialah berbekam."* (Hadis riwayat Ahmad).

Sabda Baginda lagi yang maksudnya:

*"Kiranya ada suatu perubatan yang lebih baik bagi kamu, maka itulah dengan menggunakan pisau pembekam atau minuman daripada madu atau catukan (pagutan) dengan api dan aku sendiri tidak suka membakar dengan besi panas."* (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Sabda Baginda lagi yang maksudnya:

*"Kesembuhan itu terdapat pada tiga cara: minum madu, pisau pembekam dan alat pengangus, dan aku melarang umatku membakar besi panas."* (Hadis riwayat Bukhari).

Daripada hadis di atas jelas menyebutkan bahawa berbekam itu salah satu jenis perubatan yang diharuskan dalam Islam. Namun apa yang ingin disentuh di sini ialah hubungan dan kesannya terhadap hukum taharah, puasa dan beriharam, dan hukumnya jika dijadikan ia sebagai satu mata pencarian.

### KESAN BERBEKAM DALAM TAHARAH

Mengikut Mazhab As-Syafie, berbekam itu tidak membatalkan wuduk. Sebagaimana dalam kitabnya Al-Umm yang menyatakan yang ertinya:

*"Tidak perlu berwuduk (tidak batal wuduk) kerana muntah, darah yang keluar dari hidung, berbekam, sesuatu yang keluar daripada badan dan sesuatu yang dikeluarkan daripada jasad selain daripada tiga lubang iaitu qubul, dubur dan zakar.* (Al-Umm: 1/14).

Oleh itu, sesiapa yang berubat dengan menggunakan bekam dalam keadaannya berwuduk, maka tidaklah batal wuduknya atau berbekam itu tidak membatalkan wuduk.

### KESAN BERBEKAM DALAM PUASA

Apabila seseorang itu berbekam di siang Ramadan ataupun puasa sunat adalah dibolehkan dan tidak membatalkan puasa tersebut. Kerana Rasullulah Sallalahu Alaihi Wasallam pernah berbekam ketika Baginda sedang berpuasa. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas Radiallahu 'anhuma, beliau berkata yang maksudnya:

*"Nabi Sallalahu Alaihi Wasallam pernah berbekam padahal Baginda sedang berpuasa"* (Hadis riwayat Bukhari).

### KESAN BERBEKAM DALAM IHRAM

Mengikut pendapat Imam As-Syafie, Ashab dan jumhur ulama adalah harus bagi seseorang yang sedang berihram itu berbekam dan tidak dikenakan ke atasnya fidyah, selagi dia tidak memotong rambutnya. Sebagaimana yang di dalam hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Buhainah Radiallahuanhu beliau berkata yang maksudnya:

*"Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah berbekam di tengah-tengah kepala Baginda di Lahyu Jamal (tempat antara Mekah dan Madinah) padahal Bagina sedang berihram."* (Hadis riwayat Bukhari).

Jika sekiranya seseorang yang sedang berihram itu hendak berbekam dan terpaksa memotong rambutnya, maka hendaklah dia membayar fidyah disebabkan memotong rambutnya itu.

Menurut Imam An-Nawawi dalam hal ini, jika seseorang yang sedang berihram itu berbekam tanpa tujuan atau hajat lalu terpotong rambutnya maka haram hukumnya. Akan tetapi jika tidak terpotong rambut maka itu diharuskan.

### BERBEKAM SEBAGAI PEKERJAAN

Pendapat jumhur fuqaha termasuk Mazhab Syafie, adalah diharuskan bagi seseorang itu menjadikan hijamah (bekam) sebagai satu pekerjaan dan mengambil hasil daripadanya. Kerana berbekam itu perbuatan yang bermanfaat, mubah (harus) dan orang ramai memerlukannya, maka diharuskan mengambil upah seperti pekerjaan menjahit dan sebagainya.

Mereka berdalilkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas Radiallahu 'anhuma, beliau berkata yang maksudnya:

"Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah berbekam dan Baginda memberi (upah) kepada orang yang membekamnya itu, seandainya hal itu haram, nescaya Baginda tidak memberinya." (Hadis riwayat Bukhari).

Dari penjelasan di atas dapat kita simpulkan bahawa berbekam itu adalah merupakan cara perubatan yang diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Yang demikian itu sudah tentu banyak kelebihan dari segi kesembuhan suatu penyakit, sebagaimana disebut diamalkan oleh Baginda sendiri. Oleh kerana itu membekam suatu bidang pekerjaan yang patut diterokai.

# HIKMAH HAJI DAN KORBAN

منوجو كريضاءن الله
**Menuju Keredaan Allah**
كولاان ڤوسة دعوه اسلاميه

SEKURANG-kurangnya ada dua kelebihan besar di bulan Zulhijjah di samping kelebihan-kelebihan yang lain. Pertama bagi jemaah, di Mekah dalam mengerjakan haji, kedua ialah keistimewaan korban (binatang) pada hari-hari tertentu dalam bulan tersebut. Kelebihan dan keistimewaan ini menyeluruh bagi umat Islam di seluruh dunia di samping kelebihan berpuasa di awal bulan sehingga 9 haribulan, menjamu tetamu di Hari Raya Aidiladha dan bersedekah.

Pekerjaan haji adalah suatu ibadat yang unik, amat berbeza dengan lain-lain ibadat. Ia berupa ibadat yang menjadi pelengkap kepada Rukun Islam yang lima dengan membuat kerja ulangan seperti apa yang telah berlaku ke atas Nabi Allah Ibrahim dan isterinya Siti Hajar serta puteranya Ismail pada zaman silam.

Kita tidak perlu berfikir banyak dalam mengerjakan ibadat ini, kerana banyak berfikir berkemungkinan akan mencacatkan (niat) pekerjaan haji itu. Umpamanya pekerjaan sai'e dari Safa ke Marwah dirasakan seolah-olah sia-sia, olok-olok dan membazir sahaja padahal itulah di antara pekerjaan haji yang berupa ulangan sirah Siti Hajar berlari berulang alik mencari air untuk puteranya Ismail yang baru dilahirkan, akhirnya terhasil telaga Zam-zam. Begitu juga ketika melontar jumrah di 'Aqabah adalah ulangan pekerjaan Nabi Allah Ibrahim ketika melontar Iblis yang cuba mengacau untuk menghalangnya mengorbankan anaknya Nabi Allah Ismail yang akhirnya diganti dengan kibas. Jangan kita ingat melontar jumrah itu satu pekerjaan main-main dan tidak berfaedah. Sebenarnya iblislah yang kita lontar itu.

Beruntunglah bagi orang-orang yang mendapat haji mabrur, kerana haji yang diterima Allah itu akan menggugurkan semua dosa dan akan kembali bersih seperti anak yang baru dilahirkan.

Korban pada hari-hari sepuluh (selepas sembahyang Aidiladha), sebelas, dua belas dan tiga belas di bulan Zulhijjah juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Ramai di kalangan orang Islam kita yang tidak tahu kelebihan-kelebihan dan keistimewaan korban itu. Kalau ada yang mengerjakannya, tidak lebih daripada ikutan yang sudah menjadi satu tradisi kepada umat Islam pada hari-hari tersebut.

Korban adalah satu amalan dan kebajikan yang sangat dituntut serta mempunyai hikmah yang banyak. Biasanya amalan ini dilakukan oleh orang-orang yang berada, berkemampuan dan orang yang sanggup atau terpaksa berjimat untuk mengumpul duit.

Dalam Surah Al-Kautsar, Allah Subhanahu Wataala berfirman yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Kami telah kurniakan akan dikau (Muhammad) akan Telaga Al-Kautsar atau kebaikan yang banyak, maka salatlah olehmu (termasuk salat korban) dan berkorbanlah (menyembelih binatang) olehmu pada hari korban, sesungguhnya orang-orang yang membenci kamu dialah yang terputus (dari rahmat Allah)."*

Pada zahir sahaja kita melihat amalan korban berupa satu perayaan untuk mengiringi Hari Raya Haji (Korban), di samping daging itu disedekahkan kepada fakir miskin, sebenarnya korban jauh lebih daripada itu. Faedahnya bukan sekadar untuk makan daging sahaja tetapi sebenarnya untuk menghindarkan orang berkorban itu daripada bala yang akan ditempuhnya pada hari akhirat kelak.

Sayidina Ali bin Abi Talib berkata, "Barangsiapa keluar dari rumahnya untuk membeli seekor binatang korban, maka baginya tiap-tiap langkah mendapat sepuluh kebajikan dan dihapuskan daripadanya sepuluh kejahatan serta diangkatkan baginya sepuluh darjat. Dan apabila dia berbicara dalam perlaksanaan pembeliannya, maka kata-katanya adalah tasbih, dan apabila dia membayar harganya maka baginya tiap-tiap satu dirham (ringgit) mendapat 700 kebajikan. Kalau dia membaringkan korban di atas tanah untuk memotongnya, maka semua mahkluk di tempat korban itu sampai ke bumi yang ke tujuh sama meminta ampun untuknya. Apabila darahnya mengalir iaitu dipotong maka Allah mencipta tiap-tiap titisan darahnya itu sepuluh Malaikat yang sama memohon ampun baginya sampai hari kiamat. Apabila dagingnya dibagi-bagikan tiap-tiap sepotong seperti memerdekakan seorang budak dari puteranya Nabi Allah Ismail."

Begitulah hebat dan istimewanya ganjaran bagi orang yang berkorban di samping pahala-pahala takbir mengiringi masa korban itu.

# Majlis Doa Kesyukuran



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad semasa hadir di Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. – Gambar ihsan Kementerian Pendidikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Februari. - Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaasiin dan Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke-27 tahun.

Majlis tersebut diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Antara yang hadir di majlis itu ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud dan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon. Turut menghadiri majlis tersebut pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan Universiti Brunei Darussalam, pensyarah-pensyarah, pengetua-pengetua, guru-guru besar, mahasiswa-mahasiswa UBD, penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan pegawai-pegawai dari DST Communications Sendirian Berhad.

Pada ketika ini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjalani penempatan di Kementerian Pendidikan.

# Rujuk terlebih dahulu kepada pihak kerajaan

Oleh Abdullah Asgar

MUARA, 26 Februari. - Umat Islam di negara ini khususnya mereka yang bekerja sebagai buruh di masjid-masjid dan penjaga malam di bawah Jabatan Pengajian Islam diiingatkan supaya jangan mudah tertarik dan terikut-ikut dengan ajaran sesat dan perbuatan khurafat yang dibawa oleh orang-orang yang mengaku dirinya sebagai nabi terakhir, Nabi Isa, Imam Al-Mahdi Al-Muntadzar dan yang seumpamanya.

Ajaran sesat adalah ditakrifkan oleh Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Ugama Brunei-Indonesia-Malaysia-Singapura (MABIMS) adalah "Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah, serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah."

Peringatan ini dibuat oleh seorang pegawai dari Unit Akidah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Metussin bin Haji Tuah ketika membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk 'Ajaran dan Amalan Sesat' semasa bengkel tiga hari Pengukuhan Akidah Buruh-buruh Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Penjaga-penjaga Malam, Jabatan Pengajian Islam.

Majlis yang berlangsung di Masjid Kampong Kapok di sini dihadiri oleh buruh-buruh dari masjid-masjid di kawasan Brunei-Muara dan penjaga-penjaga malam di bawah Jabatan Pengajian Islam.

Katanya, di negara ini, bentuk ajaran sesat bolehlah dibahagikan kepada pengajaran, tarekat dan kepercayaan dan amalan yang berhubung dengan mistik (ilmu kebatinan) dan khurafat.

Pengajaran jelasnya, ialah ajaran yang dicipta oleh guru atau pengasas dengan menggunakan nama atau amalan-amalan tertentu.

Manakala tarekat ialah ajaran menggunakan nama-nama tarekat yang termasyhur, melalui bentuk ini guru-guru menggunakan cara-cara yang berbeza dengan yang asal atau diubah suai. Ada juga tarekat itu dicipta sendiri oleh pengasasnya.

Sementara kepercayaan dan amalan yang berhubung dengan mistik dan khurafat ialah pemujaan kepada tempat yang dianggap keramat atau individu tertentu yang dianggap wali dan mempunyai kelebihan, atau kepercayaan kepada sesuatu kuasa kesaktian selain kuasa Allah atau mempercayai dukun/bomoh yang mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi atau orang halus melalui amalan menurun dan sebagainya.

Oleh itu tegasnya, untuk mengatasi masalah ini, umat Islam hendaklah berwaspada dan berhati-hati sebelum menerima ajaran-ajaran dan amalan-amalan yang baru yang tidak diketahui asal-usulnya dan adalah wajar perkara seumpama ini dirujuk kepada pihak yang tertentu.



PARA peserta mendengarkan ceramah yang disampaikan oleh Awang Haji Metussin bin Haji Tuah semasa Bengkel Pengukuhan Akidah. – Gambar oleh Ramli Tengah.

# Jambatan kayu berwajah baru

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Februari. - Jambatan kayu sepanjang 150 meter yang digunakan oleh penduduk Kampong Tamoi Ujong buat sekian lama kini berwajah baru melalui kerja memperbaikinya secara bergotong-royong oleh penduduk kampung berkenaan.

Selain itu sebuah lagi jambatan sepanjang 750 meter juga perlu diperbaiki memandangkan usianya yang sudah lama. Oleh kerana kekurangan bahan pembinaan, maka kerja memperbaikinya terpaksa ditunda.

Menurut Pemangku Penghulu Mukim Tamoi, Pengarah Haji Mokti bin Haji Salleh, jambatan baru ini digunakan oleh penduduk kampung, di samping digunakan sebagai laluan harian ia juga digunakan untuk laluan kecemasan jika berlakunya kebakaran, tetapi pembinaan kali ini saiznya dibesarkan untuk memudahkan semua pengguna.

Antara mereka yang hadir bagi sama-sama menjayakan kerja bergotong-royong itu termasuklah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim serta pegawai-pegawai dan kakitangannya dengan penglibatan penduduk kampung berkenaan.

Mukim Tamoi sekarang mempunyai 3,000 orang penduduk, manakala Kampong Tamoi Ujong 300 orang penduduk.

ANEKA Pelita Brunei

PENDAPAT PEMBACA .... PENDAPAT PEMBACA .... PENDAPAT PEMBACA ....

# K'jaan terus sedia kemudahan

FRASA 'daya saing' di sini membawa maksud mewujudkan usaha berlumba-lumba secara positif dalam dunia perniagaan. Dunia masa kini, sektor yang sangat berjaya adalah sektor perniagaan selain sektor pertanian, pelancongan dan sebagainya. Arus pembangunan sangat pesat pada hari ini, dalam sekelip mata sahaja pelbagai dan bermacam-macam produk telah dicipta. Ini semuanya untuk memenuhi keperluan manusia untuk hidup. Justeru itu, wujudlah satu sistem yang membolehkan manusia saling bertukar ganti keperluan untuk memenuhi kehidupan ini, iaitu sistem perdagangan atau perniagaan. Boleh dikatakan pada masa sekarang adalah dunia material atau 'homosapien', segala-galanya bersabdarkan kepada material untuk hidup serta untuk membangunkan sesebuah negara itu.

Jika kita melihat kepada perspektif Islam pula, sembilan dari sepuluh rezeki manusia di muka bumi ini berpunca dan datang daripada perniagaan, manakala satu daripada sepuluh itu lagi adalah daripada pendapatan yang lain. Ini jelas menunjukkan bahawa perniagaan adalah suatu pekerjaan halal yang diredai Allah dalam hidup kita ini.

Kerajaan lama Brunei dahulu juga maju disebabkan perniagaan, sehingga Brunei dikatakan sebagai pusat perdagangan yang maju di rantau ini selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511. Brunei mencapai zaman kegemilangannya semasa pemerintahan Sultan Bolkiah yang juga dikenali sebagai 'Nakhoda Ragam'. Sehingga ke hari ini, jika kita amati pada masa sekarang orang Melayu tidak banyak menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Bangsa lain seperti Cina dan India adalah majoritinya menguasai perniagaan di Negara Brunei Darussalam pada masa kini, walaupun secara kecil-kecilan.

Walau demikian, melihat kepada kejayaan peniaga Melayu tidak kurang juga akan kehebatannya dewasa ini. Kewujudan institusi-institusi yang bertanggungjawab dalam perniagaan ini seperti SME (Small dan Medium Enterprise), BIMP-EAGA yang termasuk Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Filipina dan Republik Indonesia. Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah bagi satu persidangan ketua-ketua Menteri Ekonomi di rantau Asia Pasifik (APEC) pada November 2000 lepas.

Peniaga-peniaga Melayu sekarang sudah berani tampil ke hadapan untuk menceburkan diri dalam arena perniagaan. Jika kita melihat kepada pembangunan industri, pembinaan, perniagaan, prasarana dan sebagainya di Negara Brunei Darussalam kini banyak juga pembangunan dan kemajuan yang disumbangkan oleh peniaga-peniaga Melayu. Adapun di antaranya ialah kejayaan Abdul Razak Holdings pada masa kini sangat menonjol, apatah lagi apabila 'The Mall' iaitu pusat membeli-belah yang terbesar di Negara Brunei Darussalam siap pada tahun 2003 nanti.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah banyak menyediakan peruntukan dan kemudahan bagi tujuan perniagaan ini seperti tempat, kemudahan jalan raya, lokasi yang strategik, komunikasi yang canggih dan sebagainya. Cuma sekarang adalah menunggu tindak balas peniaga-peniaga Melayu untuk menggunakan kemudahan yang telah disediakan ini. Inisiatif yang telah dibuat oleh kerajaan ini sepatutnya digunakan secara sepenuhnya, iaitu dengan mengambil kesempatan atas langkah-langkah kerajaan dalam mempromosikan perdagangan di kalangan masyarakat Melayu dan warga bumiputera Negara Brunei Darussalam.

**Awang Iswandy bin Haji Osman,**
**No: 33 'A' Simpang 910, Kampong Selangan,**
**Jalan Batang Duri**
**Temburong PD 2751.**

TAJUK-TAJUK PENDAPAT PEMBACA AKAN DATANG

1. **'Isu Pergaulan Bebas: Semua Pihak Memainkan Peranan'.** Tarikh tutup 10 Mac, 2001.
2. **'Hutan Sumber Asli Yang Sangat Berharga'.** Tarikh tutup 17 Mac, 2001.
3. **'Masalah Pengangguran: Di Mana dan Apa Silapnya?'.** Tarikh tutup 24 Mac, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,**
**Pendapat Pembaca,**
**Unit Pelita Brunei,**
**Jabatan Penerangan,**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas,**
**Bandar Seri Begawan, BB 3510,**
**Negara Brunei Darussalam.**

PENDAPAT yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Peniaga Melayu Perlu Menunjukkan Daya Saing Dalam Arus Perniagaan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak $40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

# Keupayaan peniaga Melayu terserlah

KERAJAAN sememangnya membuka peluang-peluang bagi peniaga-peniaga Melayu yang bersungguh-sungguh ingin menceburi bidang perniagaan. Tetapi individu itu sendiri semestinya perlu mempunyai semangat yang kuat, tidak malu, tidak cepat berputus asa, ingin berdikari dan sebagainya. Ini adalah penting bagi individu yang ingin memulakan satu-satu jenis perniagaan kerana setiap perkara yang baru hendak diterokai biasanya mempunyai halangan yang perlu diatasi kerana kesenangan tidak akan diperolehi secara mudah seperti kata pepatah Melayu, 'berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian'.

Kebanyakan peniaga-peniaga Melayu di negara kita pada masa ini, sudah menampakkan keupayaannya dalam menyaingi arus perniagaan. Kemampuan peniaga-peniaga Melayu berniaga secara kecil-kecilan, sederhana dan juga secara besar-besaran sudah dapat dirasa dan dinikmati oleh kita. Perniagaan kecil-kecilan seperti pembuatan makanan-makanan ringan seperti kuih-muih, roti dan seumpamanya sudah lama diterokai oleh peniaga-peniaga Melayu yang mana sebelum itu telah dimonopoli oleh peniaga-peniaga asing.

Dari sudut komersil berniaga secara kecil-kecilan hanya perlu menggunakan modal yang kecil saja dan risikonya adalah rendah. Keuntungan daripada hasil perniagaan adalah bergantung pada ketabahan dan kerajinan peniaga-peniaga itu sendiri. Hasil daripada keuntungan yang diperolehi sedikit sebanyak boleh membantu peniaga-peniaga Melayu mengubah jenis perniagaan mereka daripada kecil-kecilan kepada sederhana. Kita kategorikan perniagaan sederhana seperti penternakan secara komersil, penanaman sayur-sayuran, buah-buahan juga secara komersil dan seumpamanya. Sudah ramai peniaga-peniaga Melayu menerokai bidang perniagaan secara sederhana ini. Negara kita masih lagi memerlukan jenis-jenis perniagaan seperti ini bagi menjamin kualiti dan kehalalan makanan yang mana jika hasil sebegini diperolehi dari negara luar akan menimbulkan keraguan dari segi kesihatan dan kehalalannya.

Peniaga-peniaga Melayu juga tidak ketinggalan dalam berniaga secara besar-besaran seperti pembuatan barang-barang binaan infrastruktur, pemegang kontrak dalam sektor minyak dan gas dan seumpamanya. Walaupun dalam perniagaan seperti ini semestinya memerlukan modal yang cukup besar dan mempunyai risiko yang amat tinggi, peniaga-peniaga Melayu tidak harus merasa itu sebagai satu halangan malahan mereka perlu beranggapan itu adalah satu cabaran yang perlu dihadapi bagi menyaingi peniaga-peniaga asing dan juga bagi menaikkan imej peniaga-peniaga Melayu sendiri.

Dengan kerjasama pihak kerajaan membantu dalam apa jua bentuknya kepada peniaga-peniaga Melayu, adalah dihasratkan supaya peniaga-peniaga Melayu tidak mengabaikan tanggungjawab mereka bagi sama-sama memakmurkan negara dan saling bantu-membantu sesama peniaga-peniaga Melayu yang lain dari segi mengongsikan pengalaman dan sebagainya.

**Dayang Hajjah Norhamdini binti Haji Othman,**
**No: 1, Simpang 83, Kampong Sungai Tali, Lumut II, Daerah Belait.**
**No. k/p : 115216.**

# Peniaga Melayu perlu bersaing

PERNIAGAAN itu membawa erti yang meluas di dalam kehidupan kita seharian. Sampaikan kita tidak menyedari kekerapannya berkait dengan diri kita sendiri. Umpamanyalah seorang guru yang baru memulakan kelas tuisyen bagi pelajar-pelajar 'O' Level itu juga adalah suatu perniagaan. Bekerja bagi syarikat percetakan majalah juga merupakan pembabitan perniagaan secara tidak langsung. Bertanam sayur, menangkap ikan, semua itu akhir pangkalnya adalah untuk dijual sebagai kegunaan orang ramai juga.

Maka dari itu kita dapat membuat andaian bahawa asas pembangunan sesuatu bangsa dan masyarakat itu adalah melalui kegiatan perniagaan yang dijalankan, supaya negara kita tidak banyak bergantung pada sumber minyak dan gas. Jelas betapa pentingnya perusahaan ini.

Penyertaan rakyat jati di dalam industri ini banyak menolong membangkitkan peranan penting kita di mata masyarakat luar yang semestinya ada melakukan perniagaan yang serupa. Pada saat inilah persaingan wujud di dalam menghasilkan minyak yang terbaik. Situasi yang hampir serupa dengan ini terterap juga dalam bidang-bidang perniagaan yang lain.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menitikberatkan hal ini yang mana terbukti dengan terbinanya Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan dan lain-lain lagi. Dengan pendedahan ini rakyat kita yang majoritinya Melayu didedahkan kepada dunia perniagaan lantas melibatkan diri mereka ke dalamnya. Dengan ini bukan sahaja daya saing akan wujud di antara bangsa Melayu dengan bangsa-bangsa yang lain, akan tetapi, persaingan hebat juga mengambil tempat di antara sesama mereka.

Polisi kerajaan bertepatan dengan tujuan utamanya iaitu menggalakkan rakyat tempatan untuk memulakan aktiviti muamalah ini. Ini berdasarkan peraturan yang dikenakan terhadap peniaga-peniaga luar yang ingin melibatkan diri dalam perusahaan di negara ini. Mereka diwajibkan mencari rakan kongsi Melayu untuk membolehkan permohonan perniagaan mereka diluluskan. Ini lantas secara langsung akan meggalakkan deras semangat berniaga mengalir di dalam diri masyarakat kita. Itu belum termasuk lagi pengutamaan mengambil pekerja Melayu tempatan sebagai pekerja, seperti yang termaktub dalam Perlembagaan negara ini.

Tidak dilupakan juga pada generasi veteran yang masih mampu mengesat peluh berdagang di tamu-tamu dan pasar-pasar yang banyak disediakan di seluruh daerah. Masing-masing dengan barang dagangan yang tersendiri. Di sana sini kedengaran suara berlaung-laung menarik ramai pembeli untuk berbelanja dan membeli-belah. Daya saing nyata kuat sekali di tempat-tempat seperti ini. Yang pastinya desas-desus pada suatu pihak yang mengatakan bangsa Melayu ini malas adalah palsu belaka. Kerana bidang perniagaan yang dijalankan oleh orang Melayu ini sudah berakar umbi daripada zaman silam, secara turun-temurun. Kehadiran padian-padian dengan perahu dan sampan dan penambang-penambang dipukul badai adalah serba sedikit bukti sejarah betapa bangsa Melayu kita tidak pernah jemu membanting tulang menunjukkan daya saing dalam perniagaan demi menjamin kesejahteraan hidup.

**Ahmad Iskandar bin Haji Mohd Taha,**
**No. 7 Simpang 180-56 Kampong Sengkirap.**
**No. k/p : 297431.**

# Teruskan minat jadi ahli yang baik

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 25 Februari. - Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam Cawangan Daerah Brunei dan Muara telah meraikan Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia yang diselajurkan dengan penyampaian lencana bagi pemimpin dan ahli pek Tunas Puteri yang baru.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis ini ialah Naib Yang Dipertua II yang juga Penasihat Pentadbiran Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Zaharah binti Haji Idris.

Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Cawangan Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haklimah dalam ucapan alu-aluannya melahirkan harapan agar para penerima lencana akan meneruskan minat mereka untuk menjadi ahli-ahli yang baik, berkebajikan, patuh kepada agama dan taat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di majlis itu lebih 30 orang pemimpin Persatuan Pandu Puteri dan lebih 200 orang ahli Tunas Puteri yang telah lulus ujian menerima lencana masing-masing daripada tetamu kehormat.

Para penerima terdiri daripada para pemimpin dan ahli Tunas Puteri daripada 10 buah sekolah rendah termasuk dua buah dari sekolah rendah kerajaan.

Majlis diserikan dengan pembacaan Perutusan Hari Peringatan Sedunia yang dibacakan oleh Dayang Rozaidah bin Haji Abdul Malik.

Dalam perutusan tersebut, Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengumumkan Tahun 2001 sebagai Tahun Antarabangsa Sukarelawan dan Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS) berharap untuk memperbaharui cara sambutannya tersendiri dan juga pertubuhan sukarelawan yang lain di dunia.

Majlis tersebut diserikan dengan persembahan nyanyian ramai daripada gabungan sekolah-sekolah yang menerima lencana serta persembahan tarian Adai-Adai daripada murid-murid Sekolah Rendah Delima Satu.

Hari Peringatan Sedunia disambut oleh ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Sedunia pada setiap 22 Februari bagi memperingati Ulang Tahun Pengasas Persatuan Pandu Puteri Sedunia.



TAHNIAH... DATIN Hajah Zaharah binti Haji Idris, Penasihat Pentadbiran Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam menyampaikan lencana kepada seorang pemimpin pandu puteri. - Gambar oleh Masri Osman.



PARA pemimpin dan ahli Persatuan Pandu Puteri semasa hadir di Majlis Sambutan Hari Peringatan Sedunia bagi memperingati Ulang Tahun Pengasas Persatuan Pandu Puteri Sedunia. - Gambar oleh Masri Osman.

# PAT-PAT GULAMBIR

*PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,*
*Setiap hari Rabu diterbitkan,*
*Rajin membaca bertambah pengetahuan,*
*Silalah Alai pilih jawapan.*

1. Pada 1 Disember, 1999, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong telah berkesudian hadir di Majlis Perasmian Forum Skim Latihan Perantisan anjuran Jabatan Pendidikan Teknik. Di manakah majlis berkenaan dilangsungkan?
   a). Pusat Serantau SEAMEO-VOCTECH.
   b). Pusat Persidangan Antarabangsa.
   c). Institut Perkhidmatan Awam.
2. Apakah tajuk 'Dari Sidang Pengarang' keluaran PELITA BRUNEI pada 22 Disember, 1999?
   a). Budaya Berkampung Secara Harmoni Patut Diamalkan.
   b). Iktikaf Mengubat Jiwa dan Hati Yang Gundah Gulana.
   c). Lailatulqadar dan Kelebihannya.
3. Apakah tajuk promo keluaran PELITA BRUNEI pada 22 Disember, 1999.?

..............................................................

..............................................................

..............................................................

***SYARAT PERADUAN***

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

***HADIAH-HADIAH MENARIK***

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alatulis atau buku-buku.

***TARIKH TUTUP***

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan Pat-pat Gulambir keluaran 14 Februari, 2001.
1. A 2. A. 3. 'Imarahkan Bulan Ramadan Dengan Sembahyang Tarawih.'

***BORANG JAWAPAN PAT-PAT GULAMBIR 465***

Nama : ..............................................................
..............................................................
..............................................................
Umur : ..............................................................
Alamat : ..............................................................
..............................................................
..............................................................
Telefon rumah (jika ada) : ..............................................
Sekolah : ..............................................................
..............................................................
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 465,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

**PEMENANG SOALAN PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN PELITA BRUNEI 14 Februari, 2001**

MUHAMMAD AZREE NIZAMUDDIN BIN HAJI ROSLI,
BLOK 19-2A, PERUMAHAN KERAJAAN KEMENTERIAN KESIHATAN,
KAMPONG RIMBA GADONG,
UMUR : 5 TAHUN
SEKOLAH SINAR MATAHARI, BERIBI

AIMAN BASYIR BIN AWANG BESAR
F12, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS,
UMUR: 10 TAHUN
SEKOLAH RENDAH AMAR PAHLAWAN
BERAKAS.

SITI RAYHANAH ERSALINA BINTI HAJI ROSLI
NO.12, JALAN SERI LAILA JASA,
KAMPONG PERPINDAHAN MATA-MATA
GADONG,
UMUR : 7 TAHUN
SEKOLAH SINAR MATAHARI, BERIBI.

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN**

ANEKA Pelita Brunei

# Brunei timba pengalaman Jepun dalam SME

Oleh Siti Muslihat HS

BERAKAS, 22 Februari. - Program Kerjasama APEC Mengenai Perusahaan Kecil dan Sederhana, (SME) dan Sokongan Perniagaan Baru bagi Negara Brunei Darussalam dan Jepun berakhir hari ini.

Pengarah Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Kemajuan Perdagangan; Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Lim Jock Hoi di akhir mesyuarat menggariskan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Jepun mengambil langkah rapi dalam menghadapi isu-isu yang berhubung kait dengan perusahaan kecil dan sederhana.

Dalam hubungan ini beliau menekankan perlunya mengemaskinikan penggunaan e-dagang dalam mengukuhkan lagi keusahawanan yang sedia ada ke arah memberikan rangsangan kepada penubuhan peniaga-peniaga baru SME dengan dibantu oleh perkhidmatan dukungan dan teknologi yang lebih canggih.

Mesyuarat dua hari ini diharap boleh memberikan faedah melalui bantuan dan dukungan ekonomi dalam pelbagai bidang yang boleh mengukuhkan persaingan dan produktiviti peniaga-peniaga kecil dan sederhana negara ini.

Negara Brunei Darussalam mengambil perhatian terhadap tiga agenda utama yang boleh membantu SME iaitu Bantuan pengurusan SME dan Perkhidmatan Pelbagai Bidang; Pusat Sokongan Perusahaan SME dan Rangkaian Pengetahuan Teknologi.

Adalah diharapkan melalui mesyuarat dua hari ini Negara Brunei Darussalam akan terus menerima faedah daripada program-program kerjasama yang bukan hanya di antara negara ini dengan Jepun tetapi juga dengan negara-negara lain seperti Hong Kong, Republik Singapura dan China-Taipei.

Program kerjasama ini antaranya bertujuan untuk membantu anggota ekonomi APEC memajukan dasar rangka kerja yang boleh mengukuhkan kapisiti masing-masing ke arah membantu peniaga kecil dan sederhana dalam pelbagai bidang seperti pengurusan perniagaan, perkembangan teknologi dan lain-lain yang berhubung kait dengannya.

Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Effandi Salleh ketika ditemui di akhir mesyuarat menjelaskan bahawa mesyuarat telah merumuskan beberapa isu yang terpenting iaitu Jepun memberikan penekanan terhadap latihan keusahawanan secara menyeluruh diberikan kepada para pengusaha kecil dan sederhana tempatan terutamanya dari segi kemahiran dan pembelajaran.

Dalam pada itu adalah juga ditekankan agar dasar-dasar yang digunakan oleh Jepun dapat dikaji secara terperinci sama ada ianya bersesuaian atau sebaliknya dengan dasar Negara Brunei Darussalam dalam membantu perusahaan kecil dan sederhana negara ini.

"Jadi isu-isu lain yang ditekankan ialah mengenai langkah-langkah yang perlu diambil dari segi bantuan terutamanya untuk meningkatkan keupayaan industri kecil dan sederhana dalam bidang teknologi maklumat di era globalisasi ini.

Selain dari itu ditekankan juga mengenai skim-skim bantuan untuk industri kecil dan sederhana," jelasnya lagi.



INI adalah sebahagian daripada taklimat di hari kedua dari negara tuan rumah yang disampaikan oleh Pegawai Projek dari Pusat Sumber dan Piawaian Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Majid bin Ali. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.




PEGAWAI-PEGAWAI kanan dari Negara Brunei Darussalam dan Jepun bergambar ramai. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

# Bantu kerajaan tingkatkan ekonomi negara

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, Februari. - Para peniaga di negara ini perlu mencontohi langkah Syarikat Happy Star menjual beraneka barangan mereka dengan harga murah sebagai daya tarikan rakyat tempatan melabur di negara sendiri daripada berbelanja di luar negara.

Dengan menyelaraskan harga barangan yang dijual di situ merupakan satu perkembangan dalam dunia perniagaan untuk membantu kerajaan meningkatkan ekonomi serta mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

Dalam hubungan ini, Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Mat Zahri bin Haji Mohd. Yusof menyarankan supaya kedai seumpama itu diperbanyakkan lagi di daerah tersebut. Beliau menyatakannya kepada wakil PELITA BRUNEI sejurus selepas merasmikan pembukaan cawangan syarikat tersebut di Pekan Belait.

Syarikat berkenaan yang lebih dikenali $1.80 Corner di kalangan pelanggan menjual beraneka barangan perhiasan rumah, peralatan sekolah dan perhiasan wanita diimport dari negara ASEAN, Jepun, China dan Taiwan.

Pengurus syarikat itu, Awang Chong Khee Cheong menyatakan kebanyakan barangan tersebut dijual dengan harga $1.80 bagi tujuan membantu mereka yang berpendapat rendah membeli barangan yang tidak kurang mutunya.

Syarikat itu mula menjalankan perniagaan pada pertengahan tahun lepas dan dalam waktu yang singkat ianya kini memiliki empat cawangan di negara ini dan tidak berapa lama lagi akan menambah satu lagi cawangan di Daerah Tutong.

Dengan pertambahan itu, ianya akan dapat membantu meringankan masalah pengangguran di kalangan anak tempatan.Ketika ini 50 peratus pekerja di syarikat itu terdiri daripada penduduk tempatan.

Bagi meringankan tugasnya, Awang Chong, dibantu oleh adiknya, Awang Chong Yee Sun. Menurut Awang Chong syarikatnya dinamakan $1.80 Corner berdasarkan kepercayaan masyarakat Cina bahawa angka lapan adalah angka yang baik, memberi keuntungan dan kekayaan.

اعلان
IKLAN

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 46 | BILANGAN 10 | RABU 7 MAC, 2001 | رابو 11 ذوالحجه، 1421 | PERCUMA


## JABATAN MUZIUM BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Tawaran Bilangan : SATU/JMB/2001**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berkebolehan dalam kerja-kerja pemberitahuan bagi PEMBERSIHAN HARIAN BANGUNAN ARKIB NEGARA bagi tempoh dua (2) tahun.
   a. Bangunan Arkib Negara
   b. Kawasan Persekitaran Bangunan.
2. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan/mendengar taklimat akan dibuat pada 3 April, 2001 (hari Selasa) jam 9.00 pagi. Semua pemborong adalah diminta berkumpul di Bangunan Arkib Negara, Jalan Menteri Besar pada tarikh dan waktu ditetapkan.
3. Semua pemborong adalah dimestikan hadir bagi lawatan dan taklimat tersebut. Pemborong-pemborong yang tidak hadir pada tarikh lawatan dan taklimat tersebut adalah tidak dibenarkan ikut serta dalam tawaran tersebut.
4. Salinan resit hendaklah disertakan bersama dokumen tawaran.
5. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Hasil Mahsul dengan dikenakan bayaran sebanyak $100.00 (tidak dibenarkan).
6. Tawaran-tawaran hendakah dihantar dalam sampul surat yang bertutup tanpa identiti pemborong ditulis dengan : Bilangan Tawaran : SATU/JMB/2001 Nama Tajuk : TAWARAN PEMBERSIHAN HARIAN BANGUNAN ARKIB NEGARA tarikh tutup : **23 April, 2001** dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 2.00 petang pada **23 April, 2001 (Hari Isnin).**
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain.
8. Masa menerima wang bayaran dokumen tawaran : Hari Isnin hingga Khamis - 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Hari Sabtu - 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

## JABATAN TELEKOM BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**Bilangan Tawaran : JTB/SO/ST/007/2001**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal dan menghantar barang-barang seperti yang tersebut di bawah ini kepada Stor Telekom, Simpang 815, Jalan Bengkurong Masin, Sinarubai, Negara Brunei Darussalam BF 1920.
2. Pembekal-pembekal bolehlah menghantar tawaran-tawaran mereka bagi kesemua atau separuh dari barang-barang yang disenaraikan seperti berikut :
   Keterangan barang :

   ***PROTECTION MAGAZINE WITH ARRESTORS AND FUSES FOR SIEMENS MDF BLOCK***

   Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan :

   ***MEMBEKAL DAN MENGHANTAR UNTUK TAWARAN "PROTECTION MAGAZINE WITH ARRESTORS AND FUSES FOR SIEMENS MDF BLOCK" JTB/SO/ST/007/2001***

   Tanpa menunjukkan nama pembekal kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang **hari Isnin 19 Mac, 2001.**
3. Perjumpaan mengenai dengan penerangan kepada penawar-penawar yang menyertai tawaran akan diadakan pada 13 Mac, 2001 jam 9.0 pagi di bilik perjumpaan Stor Telekom Sinarubai.
4. Dokumen-dokumen tawaran berharga $200.00 (tidak dikembalikan) boleh dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan. Dokumen tersebut boleh diperolehi dari Unit Pentadbiran Sumber-Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Sumber-Sumber Tenaga Manusia dan Perhubungan Awam (HP), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduk Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MAC 2001

| Tarikh | Hari | Pusat Perhentian | Jam |
|---|---|---|---|
| 1 Mac, 2001 | Khamis | Sekolah Rendah Pengkalan Batu | 9.00 pagi |
| 3 Mac, 2001 | Sabtu | Sekolah Rendah PPSSB Kampong Perpindahan Mata-Mata Gadong | 9.00 pagi |
| 3 Mac, 2001 | Sabtu | Maktab Tahfiz Al-Quran | 2.30 petang |
| 5 Mac, 2001 | Isnin | Sekolah Rendah Masin | 9.30 pagi |
| 7 Mac, 2001 | Rabu | Sekolah Rendash AHMY Katimahar | 9.00 pagi |
| 8 Mac, 2001 | Khamis | Sekolah Rendah Jerudong | 9.00 pagi |
| 10 Mac, 2001 | Sabtu | Sekolah Rendah Panchor Murai | 8.45 pagi |
| 12 Mac, 2001 | Isnin | Sekolah Rendah Kasat | 9.30 pagi |
| 13 Mac, 2001 | Selasa | Sekolah Rendah Mulaut | 9.00 pagi |
| 14 Mac, 2001 | Rabu | Sekolah Rendah Junjongan | 9.30 pagi |
| 15 Mac, 2001 | Khamis | Sekolah Rendah Panglima Berudin Limau Manis | 9.30 pagi |
| 17 Mac, 2001 | Sabtu | Sekolah Rendah SUAS Muara | 9.00 pagi |
| 17 Mac, 2001 | Sabtu | Maktab Tahfiz Al-Quran | 2.30 petang |
| 19 Mac, 2001 | Isnin | Sekolah Rendah Lumapas | 9.30 pagi |
| 20 Mac, 2001 | Selasa | Sekolah Rendah Bebuloh | 9.30 pagi |
| 21 Mac, 2001 | Rabu | Sekolah Rendah Putat | 9.30 pagi |
| 22 Mac, 2001 | Khamis | Sekolah Rendah OKSB Kilanas | 9.30 pagi |
| 24 Mac, 2001 | Sabtu | Sekolah Rendah Mentiri | 8.30 pagi |
| 27 Mac, 2001 | Selasa | Sekolah Rendah Serasa | 9.00 pagi |
| 28 Mac, 2001 | Rabu | Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 8.30 pagi |
| 29 Mac, 2001 | Khamis | Sekolah Rendah Pengkalan Batu | 9.00 pagi |
| 31 Mac, 2001 | Sabtu | Sekolah Rendah PPSDSB Kampong Perpindahan Mata-Mata, Gadong | 9.00 pagi |

## JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran : RTB/05/01 :** Tajuk Tawaran : SUPPLY AND DELIVERY OF VALVES AND ASSOCIATE SPARES.
Wang cagaran : $50.00 (tidak dikembalikan).
Tarikh tutup : 16 April, 2001.

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "Tender For The Supply And Delivery Of Valves And Associate Spares In Accordance With The General Requirement Subjected To The Terms And Condation Herein".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, bertulis dengan , TAWARAN : SUPPLY AND DELIVERY OF VALVES AND ASSOCIATE SPARES. TENDER NO : RTB/05/01 tanpa menunjukkan sebarang identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **16 April, 2001** jam 2.00 petang.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan 2042, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit pembayaran yuran (fee) berjumlah $50.00 (tidak dikembalikan).
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
5. Pembayaran yuran (fee) hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan.

**Bilangan Tawaran : RTB/06/01 :** Tajuk Tawaran : SUPPLY AND DELIVERY OF KLYSTRON TUBE.
Wang cagaran : $50.00 (tidak dikembalikan).
Tarikh tutup : 16 April, 2001.

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "Supply And Delivery Of Klystron Tube In Accordance With The General Requirement And Subject To The Terms And Condition Prescribed Herein".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, bertulis dengan , TAWARAN : SUPPLY AND DELIVERY OF KLYSTRON TUBE IN ACCORDANCE WITH THE GENERAL REQUIREMENT AND SUBJECT TO THE TERMS AND CONDITION PRESCRIBED HEREIN. TENDER NO : RTB/06/01 tanpa menunjukkan sebarang identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **16 April, 2001** jam 2.00 petang.
3. Tiga salinan ceraian bahagian teknikal tawaran berkenaan hendaklah dihantar kepada Pengarah, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam, UP : Jurutera Penguasa tidak lewat jam 2.00 **hari Isnin 16 April, 2001**.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam tanpa cagaran.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

**Bilangan Tawaran: UBD/E8/05/2001**

**Syarat-Syarat Tawaran :**
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada **hari Isnin 26 Mac, 2001.**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang betutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BE 8710, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :
   Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi. 1.30 petang - 2.30 petang.
   Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran mestilah dhantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sutlan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

**Bilangan Tawaran : UBD/E8/05/2001 :** MEMBEKAL, MENGHANTAR & MEMASANG ALATAN UNTUK PUSAT TEKNOLOGI PENDIDIKAN. Bayaran tawaran $100.00 (dikembalikan). Bayaran dokumen $25.00 (tidak dikembalikan).

## JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**PEJABAT POS LUMUT, MUKIM SUNGAI LIANG**

ADALAH dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai khasnya penduduk di Mukim Sungai Liang, bahawa Pejabat Pos Lumut yang ditempatkan di Bangunan No. 237, Jalan Sungai Bakong, Lumut yang berhadapan dengan Sekolah Rendah Lumut akan mulai beroperasi pada **Hari Isnin 5 Mac, 2001.** Waktu Pejabat Pos Lumut ini beroperasi adalah seperti berikut :

Isnin - Khamis dan Sabtu :
Pagi - 8.00 pagi - 12.15 tengah hari. Petang 1.30 petang - 4.30 petang.

Pejabat Pos Lumut menyediakan berbagai perkhidmatan pos bagi kemudahan orang ramai khasnya penduduk-penduduk di Mukim Sungai Liang.

Dengan pembukaan Pejabat Pos Lumut ini, Pejabat Pos Sungai Liang yang selama ini beroperasi secara sementara di Balai Raya Sungai Liang adalah ditutup mulai **3 Mac, 2001**. Segala keperluan pos yang dikendalikan oleh Pejabat Pos Sungai Liang itu dipindah ke Pejabat Pos Lumut.

## TAWARAN KURSUS BDTVEC BAGI SESI JULAI 2001 MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL

PEMOHON-PEMOHON yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk mengikuti kursus perantisan yang diselenggarakan oleh Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal bersama Royal Brunei Catering Sdn. Bhd, Sheraton Utama Hotel, Jerudong Park Polo Club dan Orchard Garden Hotel. Tarikh tutup bagi mengembalikan borang permohonan adalah : **15 Mac, 2001.**

| Nama Kursus | Kelayakan Masuk | Cara & Tempoh Kursus |
|---|---|---|
| Apprenticeship Training Scheme : NTC2 in Professional Cookery & Services. | Lulus BJCE/PMB | Sepenuh masa bagi tempoh 2 tahun 6 bulan (2 hari di maktab dan 4 hari) di penempatan |

**PERHATIAN :**
Perhatian dan syarat-syarat tambahan.

1. Pemilihan adalah tertakluk kepada :
   i) Kelayakan masuk dan keramaian pemohon-pemohon.
   ii) Lulus ujian bertulis M.T.S.S.R.
   iii) Lulus temuduga.
   iv) Lulus rancangan pengenalan yang dikehendaki oleh syarikat/hotel yang berkenaan.
2. Borang permohonan dan keterangan lanjut bolehlah didapati dari Pendaftar, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Simpang 125, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. No. telefon : 343551. No. Faks : 343207. Borang permohonan yang dihantar lewat dari tarikh tutup tidak akan dilayan.

## JABATAN MUZIUM BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**KURSUS-KURSUS DI PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI BAGI TAHUN 2001**

*PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusalam yang berkelayakan untuk mengikuti salah satu darripada kursus-kursus sepenuh masa di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darusalam pada tahun* ***(2001 hingga 2004)*** *3 tahun seperti berikut :*

***1. JENIS KURSUS***

*1.1. Kursus Pertukangan Perak - bagi lelaki dan perempuan.*
*1.2. Kursus Tenunan Kain - bagi perempuan sahaja.*
*1.3. Kursus Anyaman/Songkok - bagi perempuan sahaja.*
*1.4. Kursus Pertukangan Tembaga - bagi lelaki sahaja.*
*1.5. Kursus Seni Ukir/Keris - bagi lelaki sahaja.*

***2. KELAYAKAN/KELULUSAN YAN DIKEHENDAKI***

*2.1. Hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan 2 atau yang sebanding dengannya.*
*2.2. Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan Lukisan.*

***3. SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI***

*3.1. Hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.*
*3.2. Hendaklah berumur* ***17 tahun ke atas*** *dan masih* ***bujang.***
*3.3. Pemohon-pemohon* ***akan dipilih*** *melalui peperiksaan temuduga.*
*3.4. Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah* ***terlebih*** *dahulu lulus daripada peperiksaan* ***doktor*** *dan penapisan* ***keselamatan.***
*3.5. Pemohon-pemohon yang berjaya mengikuti kursus (satu kursus yang dipilih sahaja) ini adalah dikehendaki membuat satu perjanjian bertulis.*
*3.6. Pemohon-pemohon yang terpilih akan dikehendaki untuk mengikuti* ***Latihan sepenuh masa selama tiga tahun.***
*3.7. Pemohon-pemohon* ***tidak dibenarkan berkahwin/bernikah*** *semasa berkursus.*
*3.8. Pemohon yang berjaya menerima sijil apabila tamat tiga tahun akan dikehendaki mengeluarkan hasil-hasil Pertukangan Tangan selama tempoh tidak kurang dari 5 tahun menjadikan Pertukangan ini sebagai salah satu mata pencarian mereka.*

***4. ELAUN-ELAUN DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN***

*4.1. Semasa dalam latihan selama tiga (3) tahun pelatih-pelatih/pekursus akan diberikan elaun bulanan sebanyak* ***$335.00 sebulan.***
*4.2. Pakaian seragam akan diberikan percuma.*

***CARA-CARA MEMOHON***

*Borang-borang permohonan boleh didapati mulai sekarang dari Pejabat Pentadbiran, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Telefon No. 02-240676 sambungan 107, 130, 103.*

*Borang permohonan yang telah dilengkapkan mestilah dihantar terus kepada Pejabat Pentadbiran Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei sewaktu pejabat dibuka, dan tidak lewat pada* ***14 April, 2001.***

## JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Tawaran Bilangan : JDT/1/2001 - TAJUK TAWARAN : TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KAYU**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Negara beralamat Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada **hari Isnin 19 Mac, 2001.**
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penender dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Tutong, Tingkat 2, Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Tutong.
5. Cagaran tawaran wang tunai sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap penender yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Penender hendaklah menyertakan salinan surat pendaftaran perniagaan.

**Tawaran Bilangan : JDT/2/2001 - TAJUK TAWARAN : TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN BATU**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Negara beralamat Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada **hari Isnin 19 Mac, 2001.**
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penender dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.
4. Borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Tutong, Tingkat 2, Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Tutong.
5. Cagaran tawaran wang tunai sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap penender yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Penender hendaklah menyertakan salinan surat pendaftaran perniagaan.

## JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran : (3)JPM/BS/28/2001**

**Syarat-Syarat Tawaran :**
TAWARAN-TAWARAN hendakah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada **hari Isnin 19 Mac, 2001** jam 2.00 petan bagi membekalkan PAKAIAN SERAGAM PELAYAN-PELAYAN (BAJU PENDEK TANGAN WARNA BIRU MUDA DAN SELUAR PANJANG WARNA BIRU TUA) BAGI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Tawaran ini adalah bagi tahun 2001 dan borang tawaran dan keterangan lanjut mengenai dengan butir-butir (specification) bagi perkara-perkara tersebut di atas bolehlah diperolehi di Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu bekerja.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan TAWARAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PELAYAN-PELAYAN (BAJU PENDEK TANGAN WARNA BIRU MUDA DAN SELUAR PANJANG WARNA BIRU TUA) BAGI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM tanpa menunjukkan identiti pembekal dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada **hari Isnin 19 Mac, 2001** jam 2.00 petang. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Setiap tawaran hendaklah ada menyatakan dan menyertakan :
   i) Harga tawaran.
   ii) Tempoh pembekalan (menyiapkan pakaian).
   iii) Jenis kain mesti disertakan iaitu :
      a) Baju - (warna biru muda)
      b) Seluar - (warna biru tua).
      c) Contoh-contoh kain yang disertakan berukuran lebih kurang 4" x 6" lebar.
   iv) Bilangan Tawaran : (3)JPM/BS/28/2001.
   v) Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Lesen Perniagaan yang diakui sah mestilah disertakan.
5. Segala bayaran berikut dari pembekalan seperti cukai kastam dan sebagainya adalah ditanggung oleh pembekal itu sendiri.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidaklah semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## DI DALAM MAHKAMAH KADI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

**ISTERI MENUNTUT CERAI TAKLIK NAFKAH**

KEPADA : **MOHAMMAD FIRGIHAN BIN HAJI HAMDI K.P NO : 290268 WARNA KUNING. Warganegara Brunei Darussalam beralamat No. 17, Simpang 113 Perpindahan Rimba Gadong.**

ADALAH isteri kamu **MASLIZAWATI BINTI HAJI ABD. GHANI K.P NO. 282401 - KUNING** ada menuntut dalam Mahkamah ini mengenai perkara di atas. Maka kamu adalah dikehendaki hadir ke hadapan mahkamah ini atau dengan peguam yang mewakili kamu (Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara , Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam) pada **2 April, 2001 jam 9.30 pagi hari Isnin** untuk menjawab segala tuntutan ke atas kamu dan apa jua surat keterangan pada hari itu dan hendaklah kamu mengambil tahu bahawa sekiranya kamu ingkar menghadapi Mahkamah pada hari itu maka tuntutan ini akan dibicarakan dan diputuskan semasa ketiadaan kamu.

Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

## JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**Bilangan Tawaran : JPI/TAW/02/2001**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara dan memasukkan ke dalam Peti Tawaran Negara di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha BS 8710, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada **hari Isnin, 12 Mac, 2001.**
   JPI/TAW/02/2001 : SUPPLY, INSTALL AND COMMISSION 8 UNITS POWER TILLER WITH ACCESSORIES.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dlayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran tawaran sebanyak $100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

## JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**Bilangan Tawaran : JPI/2/2001**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang benar (bona-fide) bagi THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A FISHING LINE HAULER AND ACCESSORIES.
   Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tawaran bagi THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A FISHING LINE HAULER AND ACCESSORIES di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penendar dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BB 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **hari Isnin 2 April, 2001** jam 2.00 petang.

**Bilangan Tawaran : JPI/3/2001**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang benar (bona-fide) bagi THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A HYDROACOUSTIC SYSTEM AND ACCESSORIS AND TRAINING PACKAGE.
   Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tawaran bagi THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF A HYDROACOUSTIC SYSTEM AND ACCESSORIS AND TRAINING PACKAGE di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penendar dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BB 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **hari Isnin 2 April, 2001** jam 2.00 petang.

**Bilangan Tawaran : JPI/4/2001**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang benar (bona-fide) bagi THE SUPPLY AND DELIVERY OF NETTING MATERIALS AND ACCESSORIES.
   Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tawaran bagi THE SUPPLY AND DELIVERY OF NETTING MATERIALS AND ACCESSORIES di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penendar dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BB 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **hari Isnin 2 April, 2001** jam 2.00 petang.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran sebanyak $100.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide) yang tidak berjaya.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## PERTUKARAN NAMA SEKOLAH

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa mulai daripada 28 Februari, 2001 SEKOLAH MUSTADIM PRIMARY SCHOOL ditukar menjadi **SEKOLAH FREDA RADIN/FREDA RADIN SCHOOL** atau lebih ringkas **SEKOLAH F R/F R SCHOOL.**

Pertukaran nama ini adalah sempena sambutan tiga puluh tiga tahun usia sekolah ini dan juga atas persetujuan semua ahli berkenaan.

IKLAN Pelita Brunei

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**1. PEGAWAI KAUNSELOR [ BILANGAN KOD: 079 19 349 ]**
[ DI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN ]
TANGGAGAJI: UB1 EB 2 $ 2,450 - $ 4,240 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
b) i) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai 2 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan. ATAU
ii) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang kaunseling atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Bahagian III dalam tanggagaji C3 dalam kerja-kerja kaunseling selama 5 tahun.
c) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
Bertanggungjawab kepada Dekan Pelajar dalam perkara-perkara berikut:-
1. Melaksanakan kerja-kerja kaunseling pelajar termasuk merancang, melaksana dan memantau program-program tersebut melalui ceramah, seminar, bengkel, kursus kaunseling, teknik belajar, lawatan kerjaya dan sebagainya yang boleh membantu perkembangan pelajar dalam berbagai aspek.
2. Melaksanakan tugas-tugas seperti yang diarahkan oleh Dekan Pelajar dari masa ke semasa.

**2. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS [ BILANGAN KOD: 102 20 407 ]**
[ DI KEMENTERIAN KEWANGAN ]
TANGGAGAJI: B2 $ 2,270 - $ 3,760 SEBULAN ATAU B2 EB 3 $ 2,270 - $ 4,240 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
**KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2 EB3:**
b) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kewangan dan perbankan antarabangsa/ekonomi antarabangsa atau perdagangan antarabangsa atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.
**KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2:**
b) i) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perbankan atau kewangan selama 5 tahun. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji C3 dalam jawatan-jawatan yang berkaitan selama 5 tahun.
**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
1. Membantu pihak berkuasa dan Ketua Penyelia Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei bagi memastikan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei sebagai pusat kewangan antarabangsa yang berjaya dan mempunyai reputasi terbaik.
2. Membantu Ketua Penyelia dalam menyelia kegiatan-kegiatan perkhidmatan kewangan antarabangsa.
3. Menyediakan dan melaksanakan prosedur-prosedur kawalselia perkhidmatan kewangan antarabangsa.
4. Membantu dalam mempromosikan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei.
5. Bekerjasama dengan pihak rakan sejawat di pusat-pusat kewangan antarabangsa yang lain dan pihak berkuasa antarabangsa dalam pelbagai aspek penyeliaan perkhidmatan kawangan antarabangsa.

**3. PENGUASA KASTAM KANAN [ BILANGAN KOD: 022 31 035 ]**
[ DI JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN ]
TANGGAGAJI: B2 $ 2,270 - $ 3,760 SEBULAN ATAU B2 EB 3 $ 2,270 - $ 4,240 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
b) i) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan profesional yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
ii) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C3 selama 5 tahun. ATAU
iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penguasa Kastam atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 5 tahun.

**4. KURATOR ILMU KEJADIAN [ BILANGAN KOD: 068 19 141 ]**
[ DI JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN ]
TANGGAGAJI: B2 EB 3 $ 2,270 - $ 4,240 SEBULAN ATAU B3 $ 3,880 - $ 4,240 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
**KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B3:**
b) i) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kajihayat/Zoologi atau Botani atau kelulusan profesional yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Kurator Ilmu Kejadian dalam tanggagaji B2 EB 3 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 5 tahun. ATAU
iii) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan di para b(i) hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Kurator Ilmu Kejadian dalam tanggagaji B2 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 8 tahun.
**KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B2 EB 3:**
b) i) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kajihayat/Zoologi atau Botani atau kelulusan profesional yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.
c) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Berkebolehan membaca dan menulis Jawi adalah satu kelebihan.
d) Mestilah cenderung dalam kerja-kerja penyelidikan dan penulisan di bidang Ilmu Kejadian serta kemahiran atau pengkhususan dalam bidang tertentu Ilmu Kejadian.
e) Bersedia menjalankan kerja lapangan (fieldwork) di kawasan-kawasan pedalaman pada bila-bila waktu.
**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
1. Bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan ke atas tugas dan tanggungjawab bahagian Ilmu Kejadian.
2. Selaku Ketua Bahagian Ilmu Kejadian, mentadbir, merancang, mengendalikan dan memajukan rancangan-rancangan atau projek-projek jangka pendek dan jangka panjang Bahagian Ilmu Kejadian.
3. Mengawas, membimbing serta membetulkan kerja yang diberikan kepada pegawai bawahannya.
4. Menyediakan laporan tahunan dan laporan yang berkaitan dengan bahagianya.
5. Melaksanakan Akta Hidupan Liar, 1967 (Pindaan 1983).
6. Memastikan pelaksanakan penguatkuasaan dan pengurusan saintifik kepada CITES, Brunei Darussalam.
7. Menambah dan meningkatkan pengetahuan dan pengajian dalam bidang ilmu kejadian dan koleksi ilmu kejadian melalui penyelidikan dan kegiatan berterusan serta melalui penerbitan dalam bidang-bidang berkenaan.
8. Memupuk dan meningkatkan kesedaran dan kecintaan terhadap perlindungan alam sekitar hidup-hidupan liar.
9. Membina dan menyelenggara (curating) koleksi Ilmu Kejadian menjadi rujukan negara dengan menggunakan sistem teknologi maklumat semasa yang bersesuaian.
10. Bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain dalam bidang yang berkaitan dengan Ilmu Kejadian.
11. Mempengerusikan mesyuarat di bahagiannya.

**5. PEGAWAI PELAJARAN KESIHATAN [BILANGAN KOD: 113 07 985]**
[ DI JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN ]
TANGGAGAJI: B2 EB 3 $ 2,270 - $ 4,240 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
b) i) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pendidikan kesihatan atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ketua Merinyu Kesihatan dalam tanggagaji C4 selama 5 tahun dan mempunyai kelulusan atau pengalaman dalam bidang pendidikan kesihatan.
c) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
1. Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan.
2. Memberi ceramah-ceramah, penerangan dan publisiti melalui saluran-saluran yang tertentu. Calon mestilah berpengetahuan luas terhadap isu-isu topikal kesihatan.
3. Bertanggungjawab terhadap perancangan dan perkembangan program-program pendidikan dan promosi kesihatan mengikut keutamaan atau pun seperti diarahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Kesihatan.
4. Bekerja rapat serta membantu semua cawangan dan unit-unit di bawah bidang kuasa perkhidmatan kesihatan terhadap perkembangan program-program pendidikan dan promosi kesihatan.
5. Menyelaras kempen-kempen dan program-program promosi dan pendidikan kesihatan di peringkat nasional dan antarabangsa dengan jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensi bukan kerajaan di mana perlu.
6. Membantu dalam pembentukan atau pun penyediaan kurikulum pendidikan kesihatan untuk sekolah-sekolah di peringkat rendah.
7. Merancang, mengatur dan menyediakan bahan-bahan pandang dengar untuk dipamerkan di tempat-tempat awam, sekolah-sekolah dan klinik-klinik kesihatan dan bersedia untuk mengambil bahagian atau membantu dalam pameran-pameran anjuran pihak luar dari masa ke semasa apabila dikehendaki.
8. Merancang dan mengatur aktiviti-aktiviti pendidikan dan promosi kesihatan bagi sekolah-sekolah, klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan.
9. Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan perkembangan dalam bidang promosi dan pendidikan kesihatan ataupun seperti diarah oleh pegawai atasan.

**6. AHLI KAJI BUMI [ BILANGAN KOD: 084 01 331 ]**
[ DI JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN ]
TANGGAGAJI: B2 EB 3 $ 2,270 - $ 4,240 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaji bumi atau geofizik.
b) Mempunyai pengetahuan mengenai MS-DOS/UNIX Operating Systems/FORTRAN dan C+Languages atau ORACLE database adalah diberi keutamaan.
**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
1. Memproses dan menganalisa maklumat-maklumat seismik seharian dari rangkaian stesen short-period dengan menggunakan perisian XIDAS ( X-Windows Interactive Data Analysis System ).
2. Memproses dan menganalisa maklumat-maklumat seismik seharian dari stesen broad-band dengan menggunakan perisian TREMORS (Tsunami Risk Evalution through seismic Moment from a Real-time System ).
3. Penerbitan mingguan maklumat seismik dan peta seismik bagi menyebarkan maklumat gempa bumi.
4. Pengurusan dan mengemaskinikan database.
5. Menghasilkan seismic zoning maps dan menjalankan seismic risk assessment di Negara Brunei Darussalam.
6. Melatih pegawai-pegawai rendah dalam memproses dan menganalisa maklumat seismik seharian.

**7. JURUTEKNIK PEMELIHARAAN KANAN [BILANGAN KOD: 086 03 492]**
[DI JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI]
TANGGAGAJI: C4 EB 5 $ 2,340 - $ 2,970 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
b) i) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang komunikasi/kejuruteraan elektronik/latihan penyiaran atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Juruteknik Pemeliharaan dalam tanggagaji C3 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun. ATAU
ii) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang sains/kejuruteraan komputer atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta berpengalaman dalam bidang komputer selama 5 tahun yang mana 3 tahun daripadanya dalam kerja-kerja pemeliharaan 'software/hardware' komputer. ATAU
iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Juruteknik Pemeliharaan dalam tangaggaji C3 atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun.
**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
Bertanggungjawab bagi mengawasi kakitangan dan kerja-kerja pemeliharaan.

**8. KETUA PEMBANTU TEKNIK [ BILANGAN KOD: 072 03 991 ]**
[DI JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI]
TANGGAGAJI: C3-4 EB 5 $ 1,990 - $ 2,970 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) i) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang elektronik atau kejuruteraan telekom atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun dalam salah satu bidang berikut:-
1) Pemeliharaan radio perhubungan seperti:- HF/VHF/UHF Base Stations; Repeater Stations; Control Consoles; Mobile Radios; Handheld Radios and Pagers.
2) Peralatan keselamatan elektronik seperti:- Closed Circuit Television; Luggage X-Rays; Electromagnetic Detection Devices, etc. Public Address Systems; Fibre Optic Transmission Cables; Digital Electronic and Controls.
b) Pengalaman praktikal dalam litaran elektrik ( electrical circuits ) bagi bangunan-bangunan dan rumah-rumah dan gelombang radio adalah diperlukan.
**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
1. Mengawas kakitangan teknikal di Bahagian Bengkel Utama Radio Ibu Pejabat Polis di Gadong. Dia akan menguasai tugas harian dan pemeliharaan bengkel perhubungan radio repeater VHF dan UHF Polis, radio bergerak/tangan yang ada sekarang.
2. Jika ditugaskan di Lapangan Terbang Antarabangsa, dia akan bertanggungjawab dalam pemeliharaan peralatan keselamatan seperti CCTB, X-RAY barang penumpang, pengesan besi.
3. Menguasai pemeliharaan peralatan pandang dengar, alat pembesar suara, alat perakam suara. selain itu juga menguasai pemeliharaan radar lalulintas, tumpuan elektronik dan lain-lain pemeliharaan alat-alat elektrik dan elektronik.

**9. PENJADUAL [ BILANGAN KOD: 104 08 320 ]**
[ DI KEMENTERIAN PERTAHANAN ]
TANGGAGAJI: C2 EB 3 $ 1,450 - $ 2,270 SEBULAN ATAU C3 EB 4 $ 1,990 - $2,620 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI C3 EB 4:**
a) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang komputer studies atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
**KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI C2 EB 3:**
b) i) Mempunyai kelulusan Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang komputer studies atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Penjadual atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya selama 3 tahun.
c) Mempunyai pengalaman dan kebolehan berikut adalah merupakan satu kelebihan:-
i) Berpengetahuan dalam penjadualan di Mini atau PC Environment.
ii) Berkebolehan membuat jadual dalam bahasa-bahasa komputer semasa.
iii) Dapat memahami arahan dan dokumen-dokumen teknikal.
iv) Mempunyai ciri-ciri yang membolehkannya bertugas dalam satu kumpulan.

**10. PENOLONG PEGAWAI PEPERIKSAAN [ BILANGAN KOD: 079 31 060 ]**
[ DI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM, KEMENTERIAN PENDIDIKAN ]
TANGGAGAJI: G5 $ 1,485 - $ 2,155 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) i) Mempunyai kelulusan Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
ii) Mempunyai kelulusan Sijil Pendidikan/Diploma Pendidikan dan telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan selama 15 tahun.
b) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Kebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Arab adalah merupakan satu kelebihan.
c) Berkebolehan menggunakan komputer adalah diutamakan.
**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
1. Membantu Penolong Pendaftar Bahagian Peperiksaan dalam :-
a) Menyediakan jadual peperiksaan, jadual pengawas peperiksaan, bilik/pusat peperiksaan, peralatan-peralatan peperiksaan dan sebagainya.
b) Memastikan perjalanan peperiksaan berjalan dengan sempurna dan teratur.
c) Memproses markah dan mengendalikan pengeluaran keputusan peperiksaan universiti.
2. Kerja-kerja penyediaan skrol ijazah, diploma dan sijil.

**11. PENOLONG PEREKA [ BILANGAN KOD: 106 16 265 ]**
[ DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN ]
TANGGAGAJI: C1-2 EB 3 $ 1,280 - $ 2,270 SEBULAN.
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.
b) i) Mempunyai kelulusan Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Pereka Rendah dalam tanggagaji D1 dalam bahagian Grafik atau Rekabentuk Set selama 5 tahun. ATAU
iii) Mempunyai Diploma dalam Fine Arts/Grafik/Interior Decoration atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bertugas selama 3 tahun di firma-firma Arkitek/Interior Design atau Televisyen.
**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
1. Membantu Pereka Kanan menyusun dan mengawasi program unit rekacipta dan hiasan.
2. Merancang dan mengurus projek pameran.
3. Mengawasi hal ehwal kelengkapan pameran.
4. Mengawasi majalah "Warisan".

**12. KERANI SULIT [ BILANGAN KOD: 000 32 123 ]**
[ DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN ]
TANGGAGAJI: C1-2 EB 3 $ 1,280 - $ 2,270 SEBULAN
**KELAYAKAN MINIMUM:**
a) Mempunyai kelulusan Private Secretary's Diploma atau Certificate yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. ATAU
b) Mempunyai kelulusan BDVTEC National Diploma in Secretarial Studies yang dikeluarkan oleh Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal atau kelulusan-kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan lulus trengkas dengan kepantasan sekurang-kurangnya 100 p.s.m. dan menaip dengan kepantasan 45 p.s.m. ATAU
c) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Kerani Sulit selama 3 tahun atau jawatan-jawatan dalam Bahagian IV selama 5 tahun; DAN
ii) Mempunyai Sijil Trengkas dengan kepantasan 80 - 110 p.s.m. dan Sijil Menaip dengan kepantasan 45 p.s.m. yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau mempunyai Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat menengah yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan.
d) Kebolehan mencatat trengkas dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

*Lihat muka 5*

## JABATAN KERJA RAYA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Selasa (seperti tarikh yang telah ditetapkan.)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Satu, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran bagi : i) Kelas VI - $5,000.00/$10,000.00 ii) Kelas V - $1,000.00 iii) Kelas IV - $500.00 iv) Kelas III - $200.00; v) Kelas II - $100.00; vi) Lukisan - $100.00.
6. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar cagaran adalah seperti yang ditetapkan di iklan tawaran.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar dokumen tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II dan III di kategori 2 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 10 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 12 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DBSEB 003/2001** : MEMBUAT RUMAH KENAIKAN DAN TANGGA BATU TANAH PERKUBURAN ISLAM RAJA IBOH DI KAMPONG BUANG TENGKUROK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
No. Projek : (2001DBSEB/JUB.01). Cagaran tawaran : $100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $25.00 (tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV (Kategori 3, 6 & 7 sahaja).**
Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 10 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 12 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DWS/005/2001** : MEMBEKAL ALAT-ALAT GANTI MEKANIKAL BAGI STESEN PAM AIR MENTAH KUALA ABANG - BAHAGIAN 2.
Cagaran tawaran : $200.00. Kadar Bayaran : $50.00 (tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV kategori 1 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 15 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 19 Mac, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).**
**BIL : JKR/DOR/SRM 015/2001 - T. III** : MEMBAIKI JALAN-JALAN MASUK TEMPATAN DI DALAM KAWASAN ZON 8 DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran tawaran : $200.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $50.00 (tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas I, II & III (kategori 3, 6 & 7 sahaja).**
Hingga jam 10.00 pagi, hari Sabtu 10 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 12 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DWS/006/2001** : KONTRAK PENGGAL BAGI KERJA-KERJA MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL DI JABATAN PERKHIDMATAN AIR, BANDAR SERI BEGAWAN BAGI TEMPOH SATU TAHUN.
Cagaran tawaran : $100.00. Kadar Bayaran : $25.00 (tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas II & III (Kategori 3, 6a, 6f, 6g & 7a sahaja).**
Hingga jam 10.00 pagi, hari Sabtu 10 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 12 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DWS/007/2001** : MEMBEKAL DAN MEMASANG 'FLOWMETER' BAGI TANGKI AIR BERSIH DAERAH BRUNEI DAN MUARA - PART 3.
Cagaran tawaran : $100.00. Kadar Bayaran : $25.00 (tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III dikategori 4(a) sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 17 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 19 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DBSBM 002/2001** : MENGGANTI DAN MEMASANG PAGAR KESELAMATAN RUMAH AL-ISLAH, MUARA.
No. Projek : 2001DBSBM/PJR001. Cagaran tawaran : $100.00. Bayaran Dokumen : $25.00.

**DIBUKAKAN kepada pembekal-pembeka yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 17 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 19 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DBSBM 003/2001** : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUSYEN JENIS GETAH BUIH UNTUK JABATAN KERJA RAYA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH 36 BULAN.
No. Projek : 2001DBSBM/25002. Cagaran tawaran : $200.00. Bayaran Dokumen : $50.00.

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III di kategori 4(a) sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 17 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 19 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DBSBM 004/2001** : MENGATAP BERANDA BLOK BARU DAN MEMBAIKI KEROSAKAN BAHAGIAN BLOK LAMA SEKOLAH UGAMA PENGIRAN BENDAHARA LAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
No. Projek : 2001DBSBM/JUB001. Cagaran tawaran : $100.00. Bayaran Dokumen : $25.00.

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II & III di kategori 5(h) sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 17 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 19 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DBSBM 005/2001** : KONTRAK PENGGAL BAGI MENGHAPUSKAN ANAI-ANAI DI PERUMAHAN KERAJAAN, SEKOLAH DAN JABATAN KERAJAAN.
No. Projek : 2001DBSBM/25003. Cagaran tawaran : $100.00. Bayaran Dokumen : $25.00.

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II dan III di kategori 2 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 17 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 19 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DBSEB 004/2001** : MEMBINA MENARA MASJID KAMPONG BIRAU, TUTONG.
No. Projek : (2001DBSEB/JUB.02). Cagaran tawaran : $100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $25.00.

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II dan III di kategori 2 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 17 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 19 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DBSEB 005/2001** : MEMBINA MENARA MASJID KAMONG JUNJONGAN.
No. Projek : (2001DBSEB/JUB.03). Cagaran tawaran : $100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $25.00.

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III dan IV di kategori 2 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Sabtu 17 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 19 Mac, 2001.**
**BIL : JKR/DBSEB 007/2001** : MEMBINA TAMBAHAN BILIK DARJAH DAN PENTADBIRAN BAGI SEKOLAH RENDAH BENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSSALAM.
No. Projek : (2001DBSEB/PEL.01). Cagaran tawaran : $200.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $50.00 (tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V dan VI di kategori 1 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 29 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 2 April, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).**
**BIL : JKR/DOR/SRC 016/2001 - T. V** : JALAN PENGHUBUNG TANAH JAMBU - 'PAVEMENT CONTRACT', NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran tawaran : $1,000.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $250.00 (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV dan V di kategori 6(B) sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 29 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 2 April, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).**
**BIL : JKR/DOR/SRC 017/2001 - T. IV** : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU PECAH DAN BULAT KE BAHAGIAN PEMELIHARAAN JALAN RAYA BAGI DAERAH BRUNEI MUARA UNTUK SELAMA SATU (1) TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran tawaran : $500.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $125.00 (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV dan V di kategori 6(B) sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 29 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 2 April, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).**
**BIL : JKR/DOR/SRC 018/2001 - T. IV** : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU PECAH DAN BULAT KE BAHAGIAN PEMELIHARAAN JALAN RAYA DALAM DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN.
Cagaran tawaran : $500.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $125.00 (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II dan III di kategori 1 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 29 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 2 April, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).**
**BIL : JKR/DOR/SRC 019/2001 - T. II** : MEMBINA DAN MENGUBAH KALBAT TETULANG KONKRIT DI DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Cagaran tawaran : $100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $25.00 (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III dan IV di kategori 4(H) sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 29 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 2 April, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).**
**BIL : JKR/DOR/SRC 020/2001 - T. III** : MEMBERSIHKAN LONGKANG TANAH TEPI JALAN, LONGKANG KONKRIT, KALBAT-KALBAT DAN MERATAKAN BAHU-BAHU JALAN DI KAWASAN ZON 9, DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN.
Cagaran tawaran : $200.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $50.00 (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II dan III di kategori 4 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 29 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 2 April, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).**
**BIL : JKR/DOR/SRC 021/2001 - T. II** : PEMOTONGAN DAHAN-DAHAN KAYU DAN POKOK DI DAERAH BRUNEI MUARA BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN.
Cagaran tawaran : $100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $25.00 (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II dan III di kategori 4 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 29 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 2 April, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).**
**BIL : JKR/DOR/SRC 022/2001 - T. II** : PEMOTONGAN DAHAN-DAHAN KAYU DAN POKOK DI DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN.
Cagaran tawaran : $100.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $25.00 (Tidak dikembalikan).

**DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V dan VI kategori 6 dan 7 sahaja.**
Hingga jam 2.00 petang, hari Khamis 29 Mac 2001. **Tarikh tutup : hari Isnin 2 April, 2001 (LEMBAGA TAWARAN NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN).**
**BIL : JKR/DOR/SRC 023/2001 - T. V** : SISTEM KAWALAN LALU LINTAS DI BANDAR SERI BEGAWAN.
Cagaran tawaran : $1,000.00. Bayaran Dokumen Tawaran : $250.00 (Tidak dikembalikan).

## JABATAN PERIKANAN
## KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

**Bilangan Tawaran : JPI/5/2001**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang benar (bona-fide) bagi THE SUPPLY AND DELIVERY OF NETTING MATERIALS AND ACCESSORIES FOR COMMERCIAL FISHING OPERATION.
Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan JPI/5/2001 - TAWARAN BAGI THE SUPPLY AND DELIVERY OF NETTING MATERIALS AND ACCESSORIES FOR COMMERCIAL FISHING OPERATION di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penendar dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BB 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **hari Isnin 9 April, 2001** jam 2.00 petang.

**Bilangan Tawaran : JPI/6/2001**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang benar (bona-fide) bagi DESIGNING AND CONSTRUCTION OF ADDITIONAL SEWATER INTAKE SYSTEM FOR TELISAI SHRIMP FARMS.
Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan JPI/6/2001 - DESIGNING AND CONSTRUCTION OF ADDITIONAL SEWATER INTAKE SYSTEM FOR TELISAI SHRIMP FARMS di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti penendar dan dihantar kepada alamat berikut : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BB 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **hari Isnin 9 April, 2001** jam 2.00 petang.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran sebanyak $100.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide) yang tidak berjaya.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## UNIT TAWARAN DAN PEMULIHAN JERUDONG
## JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong tempatan yang berdaftar untuk membuat kerja-kerja :
   - 1.1 Membersih dan memotong rumput-rampai di kawasan perumahan berek dan juga pada permainan serta keliling pagar seluas 3 kaki di sebelah luar kepunyaan unit ini. Rumput-rumput hendaklah dipotong pendek dan kemas. Rumput-rumput yang telah dipotong hendaklah dibersihkan dan dibuang di tempat pembuangan yang khas.
   - 1.2 Membersihkan longkang dan parit-parit serta membuang sampah sarap atau rumput-rampai ke tempat pembuangan sampah yang khas dan tidak dilonggokkan di tepi-tepi longkang atau parit-parit.
   - 1.3 Membuangkan benda-benda dan barang-barang yang tidak dikehendaki yang terdapat dalam kawasan yang dikhaskan.
   - 1.4 Menyembur racun rumput ke atas rumput-rumput di tepi-tepi pagar dalam dan luar.
   - 1.5 Memotong (trimming/prunning) bunga-bunga sebulan sekali serta memuaskan.
2. Kerja-kerja memotong rumput hendaklah dibuat 3 kali dalam sebulan dengan memuaskan.
3. Penawar-penawar bolehlah datang ke Unit Tahanan dan Pemulihan Jerudong pada waktu pejabat dibuka untuk mendapatkan borang dan melawat ketempat yang dimaksudkan.
4. Penawar hendaklah menyatakan dan menyertakan dalam tawaran masing-masing iaitu :
   - 4.1 Salinan pendaftaran Perniagaan.
   - 4.2 Keramaian pekerja.
   - 4.3 Jenis perkakas dan alat-alat yang dimiliki.
   - 4.4 Jenis kemudahan/kenderaan yang ada.
   - 4.5 Perbelanjaan bagi sekali kerja di seluruh kawasan sehingga selesai.
   - 4.6 Pengubahan harga tawaran dengan menggunakan 'blanco' adalah tidak diiktiraf sama sekali. Pengubahan hendaklah dibuat dengan cara memotong angka-angka yang tidak betul dan menuliskan angka yang betul di atasnya dan seterusnya menandatangani setiap pembetulan tersebut.
5. Penawar yang berjaya akan menandatangani di dalam sampul surat biasa yang ditutup dan dimeteri serta ditandakan dengan terang 'TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMOTONG RUMPUT DI KAWASAN PERUMAHAN BEREK DANJUGA PADANG PERMAINAN SERTA SEKELILING PAGAR SELUAS 3 KAKI' tanpa menunjukkan identiti penawar dan ditujukan kepada Pengarah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, (UP : Ketua Penguasa Unit Tahanan dan Pemulihan), Peti Sebutharga, Unit Tahanan dan Pemulihan, Jerudong BG 3110, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, **hari Rabu 21 Mac, 2001.**
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu ditetapkan di atas dan keterangan-keterangan yang tidak lengkap tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau mana-mana tawaran.

**AMALKAN SIKAP BERBUDI BAHASA SEMASA MEMANDU**

# China sumbang koleksi bahan pameran



CENDERAMATA ... Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Metassim bin Haji Jibah menyerahkan cenderamata kepada Tuan Zhao Wenlan, Konsular di Kedutaan Republik Rakyat China ke negara ini. - Gambar oleh Hamadi HM.

Oleh Bolhassan HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Februari. - Satu set meja tulis dari Republik Rakyat China yang dipamerkan di Bangunan Alat Kebesaran Diraja dijangka akan menjadi satu lagi tarikan kepada para pengunjung terutama pelancong-pelancong luar negara.

Majlis penyampaian set meja tulis yang disumbangkan oleh Syarikat Hiasan Perabot Tongda, Daerah Guangdong itu telah disempurnakan oleh Konsular di Kedutaan Besar Republik Rakyat China ke negara ini, Tuan Zhao Wenlan kepada Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Metassim bin Haji Jibah, di Bangunan Alat Kebesaran Diraja di sini.

Dalam ucapan ringkasnya, Tuan Zhao Wenlan yakin dengan bertambahnya koleksi bahan pameran di Bangunan Alat Kebesaran Diraja itu akan dapat menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung.



REPUBLIK Rakyat China menyumbangkan satu set meja tulis yang akan dipamerkan di Bangunan Alat Kebesaran Diraja. - Gambar oleh Hamadi HM.

# Kualiti pendidikan teknik ditingkatkan



PENGARAH Pendidikan Teknik, Dato Paduka Awang Haji Mustafa bertukar nota perjanjian dengan Awang Francis Chan, Pengurus Umum NBT. - Gambar oleh Amat HM.

Oleh Samle Haji Jait

GADONG, 19 Februari. - Jabatan Pendidikan Teknik mempunyai misinya untuk meningkatkan persaingan, dinamik dan tenaga kerja yang berkualiti melalui pendidikan teknikal dan latihan yang konsisten dengan aspirasi negara.

Bagi memastikan program latihan itu dapat disampaikan dalam pendidikan vokasional dan teknikal sejajar dengan keperluan ekonomi negara ketika ini, jabatan berkenaan terus meningkatkan kerjasama yang kukuh dengan tenaga kerja dari sektor awam dan swasta.

Sehubungan dengan itu, penandatanganan perjanjian latihan perantis di antara Jabatan Pendidikan Teknik dan NBT (Brunei) Sendirian Berhad merupakan kerjasama yang membolehkan golongan muda Brunei untuk menyertai latihan bagi program perantis dalam pelbagai bidang vokasional dan teknikal.

Menandatangani bagi pihak Jabatan Pendidikan Teknik ialah Dato Paduka Awang Haji Mustafa, Pengarah Pendidikan Teknik sementara NBT telah diwakili oleh Pengurus Umumnya, Awang Francis Chan.

Majlis penandatanganan itu telah disaksikan Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, di Jabatan Pendidikan Teknik.

Majlis tersebut diselajurkan dengan penandatanganan perjanjian latihan perantis di antara NBT, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan empat perantis terpilih.

Dua perantis dari Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Awang Mohammad Shahrin Shahrizal bin Bolhassan dan Awang Mohammad Muladi bin Yahya akan mengikuti program mekanik kenderaan kereta selama setahun setengah bagi Sijil Perdagangan Kebangsaan Tingkat 2. Sementara Ak. Mohammad Sallehuddin dan Awang Roslan kedua-duanya dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal menjalani kursus dalam jurusan yang sama tingkat tiga.

Sepanjang latihan perantis berkenaan akan mempelajari latihan kemahiran dan pelajaran yang berhubung kait dengan kerja-kerja di institusi pendidikan teknik, sementara latihan dalam perkhidmatan akan diletakkan di NBT.

Mereka juga akan dibimbing bagi meningkatkan kemahiran yang tertentu seperti peningkatan prestasi diri, hubungan pekerjaan, tugas pengurusan dan masalah, perangkaan, reka bentuk dan kemahiran teknologi informasi.

"Kejayaan boleh diperolehi jika seseorang itu dibekalkan dengan 'kuasa' kepercayaan kepada diri dengan betul dan minat yang tinggi selain bijak menggunakan kecergasan berfikir dengan sepenuhnya," jelas Pengarah Pendidikan Teknik, Dato Paduka Awang Haji Mustafa ketika mengalu-alukan para perantis di majlis penandatanganan berkenaan.




PENUNTUT-PENUNTUT semasa menandatangani perjanjian latihan perantis. - Gambar oleh Amat HM.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

# Jangan terlalu pilih pekerjaan

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 22 Februari. - Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Cikgu Koh Hung Puah mengingatkan para pelajar jangan terlalu memilih pekerjaan dalam era globalisasi ini.

Cikgu Koh berkata, sikap memilih kerja akan meningkatkan jumlah kadar pengangguran dan akan menimbulkan pelbagai masalah sosial dalam masyarakat. Beliau berucap demikian di Majlis Kempen dan Pameran Kadet Marin Sebagai Kerjaya anjuran Brunei Shell Tankers (BST) yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Ali di sini.

Beliau menambah, jika masalah sosial meningkat negara akan menerima bebanan dan melambatkan proses kemajuan. Ini sekali gus mengakibatkan negara tertinggal jauh dari negara-negara lain di dunia ini.

Untuk itu, beliau menyeru syarikat-syarikat swasta supaya akan dapat membuat pameran serupa itu bagi membuka minda pelajar bahawa peluang pekerjaan tidak hanya tertumpu kepada pihak kerajaan, tetapi juga di syarikat swasta. Selain itu ianya juga amat penting kepada pelajar lepasan sekolah yang mencari pekerjaan.

Beliau yakin, kerjaya sebagai kadet marin merupakan pilihan yang baik dan dapat menjamin masa depan para pelajar. Dari itu, beliau berharap pameran yang diadakan akan mendatangkan manfaat kepada pelajar terutama mereka yang akan menceburi bidang kerjaya dengan BST.

Kempen berkenaan adalah susulan daripada pelancaran kempen yang terdahulu di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Ketua Bahagian Kenderaan dan Logistik Brunei Shell, Awang Haji Mahmud bin Idris berkata, kempen tersebut perlu diungkayahkan secara meluas dan berkesan agar para pelajar memperolehi maklumat secara terperinci tentang kerjaya kadet marin.

Kerjaya kadet marin amat memerlukan tenaga muda yang berkemampuan, berstamina mental dan fizikal serta berdaya tahan kerana mereka akan dilatih sebagai jurutera dan pengawal dek sebelum ditugaskan di antara tujuh buah kapal pengangkutan gas - Bilis, Bebatik, Bekalang, Bekulan, Belais, Belanak dan Bubuk kepada pelanggan di Jepun.

Dari itu, beliau berharap, para pelajar harus memahami kerjaya tersebut amat mencabar dan memerlukan komitmen yang tinggi. Sehubungan dengan itu, beliau menasihatkan mereka bahawa sebarang keputusan yang dibuat perlu diambil kira dari semua sudut serta pelbagai aspek kehidupan.

"Pandangan serta kata nasihat daripada ahli keluarga terutama sekali kedua-dua ibu bapa adalah penting," ulasnya.

Pada masa ini, BST telah mengambil tiga orang anak tempatan berkhidmat sebagai Jurutera Kelas Empat dan seorang Pegawai Teknikal Elektrik (ETO). Di samping itu 19 orang anak tempatan yang mempunyai kelulusan Diploma Kebangsaan kini menjalani kursus dua setengah tahun di Maritime College, United Kingdom, di bawah tajaan BST, 13 daripada mereka mengambil bidang kejuruteraan marin dan enam lagi sebagai kadet dek.

Menurut Awang Haji Mahmud, pengambilan anak tempatan dalam kerjaya ini merupakan proses pembruneian yang sedang giat diusahakan oleh Kumpulan Kerja Pembruneian yang terdiri daripada wakil pelbagai pihak seperti Unit Petroleum, Jabatan Laut, BST, Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan Shell International Manning Services.

Selain itu, mereka yang telah dan sedang mengikuti program yang disediakan merupakan contoh kepada pelajar lain bahawa anak tempatan juga mempunyai keupayaan untuk berjaya di bidang kerjaya kadet marin.

Mereka yang berminat untuk menceburkan diri dalam kerjaya ini hendaklah mempunyai kelulusan empat pelajaran peringkat 'O' sekurang-kurangnya gred C termasuk mata pelajaran matematik, fizik dan Inggeris. Bagaimanapun mata pelajaran fizik amat dititikberatkan.

Ketika dalam kursus, mereka akan diberikan gaji mengikut kelulusan masing-masing. Mereka yang mempunyai kelulusan peringkat 'O' akan menerima gaji B$1,122.00 sebulan, manakala peringkat 'A' akan menerima gaji B$1,337.00 sebulan.

Setelah menamatkan kursus, mereka akan bekerja sepenuh masa dengan ikat jamin selama tiga tahun sebagai Pegawai Jurutera atau Pegawai Dek dengan tawaran gaji B$4,287.00 sebulan.

Kempen dihadiri oleh para pelajar prauniversiti sekolah itu dan pelajar tingkatan lima dan empat aliran sains dari sekolah-sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan daerah itu. Sementara itu sekolah berkenaan juga dijadikan pusat bagi kempen dan pameran yang diadakan kali kedua di daerah tersebut.

# Jauhi dari ajaran sesat

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 16 Februari. - Saudara-saudara baru dan mereka yang telah memeluk agama Islam diingatkan supaya sentiasa mengikut ajaran Islam yang sebenarnya berpandukan Al-Quran dan hadis yang disampaikan oleh para ulama, pensyarah dan guru bertauliah di negara ini.

Ini berikutan adanya musuh-musuh Islam yang cuba mempengaruhi umat Islam di negara ini dengan ajaran sesat yang menyelewengkan akidah, mencemarkan kesucian dan kebenaran agama Islam.

Kumpulan tersebut berlagak dan berpakaian seperti ulama yang memancing sasaran mereka, kata Ketua Dakwah Daerah Belait, Awang Haji Adnan di Majlis Pengislaman dua beradik berbangsa Iban yang diadakan di Lot 5852, Simpang 188, Jalan Sungai Pandan di sini.

Mereka yang terpengaruh dengan kumpulan itu bukan hanya terdiri daripada saudara-saudara baru bahkan mereka yang asal keturunannya beragama Islam juga ada yang terpedaya, kata Awang Haji Adnan.

Sehubungan dengan itu, beliau mengingatkan mereka yang hadir supaya jangan mudah terpengaruh dengan hanya memandang pada zahir seseorang itu nampak alim walhal dia sendiri tidak mengetahui tentang agama Islam yang maha suci itu.

Dalam hubungan ini, beliau berarap agar mereka sentiasa mengambil contoh daripada orang Islam yang mengikut ajaran Islam sepenuhnya, bukan bercontoh daripada mereka yang tidak mengikuti ajaran agama Islam yang melakukan perkara yang dilarang dalam Islam.

Katanya, agama Islam merupakan panduan dan mendisiplinkan umat manusia untuk hidup sempurna di dunia ini, dan bagi mereka yang mengikut ajaran Islam yang sebenarnya akan mendapat keselamatan bukan hanya di dunia tetapi juga di akhirat kelak.

"Kalau kita mahu belajar dan berkawan dengan orang luar hendaklah melihat amalan yang dibuatnya. Jika dia tidak mendirikan sembahyang, tidak taat kepada ibu bapa dan kerap kali mengerjakan perkara yang dilarang oleh agama Islam tidak layak dibuatkan kawan kerana ia boleh merosakkan akidah dan menimbulkan pelbagai perkara antisosial," jelasnya.

Dalam hubungan ini, beliau mengingatkan mereka supaya jangan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang cuba merosakkan moral dan akhlak mereka terutama yang datang dari luar, termasuk media elektronik kerana ajaran-ajaran seumpama itu boleh merosakkan akhlak dan akidah sebagai seorang Islam.

Di majlis itu, Obik anak Kyawing, 26 tahun, memilih nama Islamnya, Awang Muhd. Nasruddin bin Abdullah, sementara adiknya, Sempulut anak Nyawing, 19 tahun, kini dikenali sebagai Awang Muhd. Hisyam bin Abdullah. Kedua-dua mereka berasal dari Kampong Sukang, Kuala Belait.

Pada tahun ini, seramai sepuluh orang telah memeluk agama Islam. Pertambahan ini dijangka akan meningkat dan akan terus berkembang bukan hanya di kawasan bandar bahkan juga di pelusuk pedalaman daerah itu terutama di Kampong Sukang, di mana peningkatan saudara-saudara baru di sana sangat menggalakkan.

# Isi kemerdekaan dengan hayati ajaran Islam

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 22 Februari. - Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyeru rakyat dan penduduk daerah ini agar mengisi kemerdekaan negara dengan penghayatan ajaran agama Islam, perpaduan dan mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beliau membuat seruan itu di Majlis Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Peringkat Masjid. Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian Sijil Kursus Penyajian sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17 yang diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam di sini.

Bersempena sambutan Hari Kebangsaan itu juga, Pegawai Daerah menyeru mereka berdoa dan berharap agar Allah Subhanahu Wataala merahmati mereka semua dan mengurniakan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang menepati ciri-ciri yang difirmankan oleh Allah iaitu sebuah negara yang indah, makmur, berjaya, penuh dengan rahmat dan keampunan daripada Allah.

"Keampunan Allah hanya akan dapat kita rasakan dan nikmati jika sekiranya kita tidak mengamalkan apa jua yang ditegah oleh Allah," katanya.

Dari itu, Pegawai Daerah menyeru mereka memperjuangkan kebajikan dan mencegah kemungkaran bagi mendapat negara seperti yang difirmankan itu.

Dato Paduka juga menjelaskan, di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta dengan hidayah dan taufik Allah, Negara Brunei Darussalam telah dapat dipertahankan sehingga ke hari ini sebagai negara yang berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Dari itu, Dato Paduka berharap, rakyat dan penduduk negara ini menegakkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada baginda yang membawa negara ke mercu kejayaan dan kegemilangan.

Di majlis itu juga, Dato Paduka mengumumkan jawatan Pemangku Ketua Kampong Pekan Belait dijalankan oleh Awang Haji Johari bin Haji Omar Ali bermula 1 Februari lalu.

Sehubungan dengan itu, Dato Paduka berharap beliau akan dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan dapat membawa penduduknya ke arah kemajuan, persefahaman, perpaduan dan dapat merancang projek yang berkebajikan untuk penduduk kampung.

Selain jawatan yang dipegangnya itu, Awang Haji Johari juga dilantik selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampong Pekan Belait dengan harapan akan dapat menggerakkan usaha bagi merancang segala projek berkebajikan di kampungnya.

Pegawai Daerah juga mengumumkan jawatan Pemangku Ketua Kampong Mumong diserahkan kepada Awang Haji Yusof bin Dulamin bagi menggantikan Ketua Kampong Mumong, Awang Haji Ramli bin Seri yang telah bersara.

Dari itu, Dato Paduka berharap penduduk kampung berkenaan akan dapat memberikan sokongan padu kepada Pemangku Ketua Kampung mereka dalam merangka dan merancang segala projek berkebajikan untuk kampung mereka sehingga jawatan tersebut diisi secara tetap.

Seramai 12 peserta wanita, lapan peserta lelaki dan 14 belia menyertai pertandingan itu yang diadakan selama dua hari. Johan bahagian wanita disandang oleh Dayang Hajah Rasiah binti Haji Abdul Latif; naib johan, Dayang Hajah Norjainah binti Munir dan tempat ketiga, Pengiran Hajah Jasneni binti Pengiran Omarali.

Johan bahagian lelaki, Awangku Hidayat Rabiulawal bin Pengiran Rosli; naib johan, Awang Roslan bin Pukul dan tempat ketiga, Awang Haji Mohd. Adenin bin Haji Hamdan, manakala johan bahagian belia, Awang Muhd. Syukur bin Haji Jayah; naib johan, Awang Muhd. Fazirul Haqeem bin Haji Md. Zenuddin dan tempat ketiga, Awang Muhd. Al-Amin bin Zainal Abidin Nasir.

Sementara itu, lapan orang belia yang menjalani Kursus Penyajian di Royal Brunei Catering selama lima hari bermula 24 Ogos tahun lalu juga menerima sijil mereka. Kursus tersebut merupakan latihan bagi mereka menyelenggarakan setiap majlis yang diadakan di masjid itu.

# Papan tanda perlu dalam bahasa Melayu



TAHNIAH .... Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Membaca Syair. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Oleh Samle Haji Jait

BERAKAS, 20 Februari. - Masih terdapat papan-papan tanda dan papan-papan nama tidak menggunakan bahasa Melayu atau menggunakan bahasa Melayu yang tidak betul atau tidak menggunakan tulisan jawi seperti yang diarahkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Tahun 1988.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin menyifatkan pencemaran bahasa Melayu itu sebagai gejala dan fenomena yang boleh mencabar kewibawaan pemimpin Melayu dan kedaulatan bahasa Melayu itu sendiri walaupun ia sudah termaktub dalam Perlembagaan Tahun 1959, Bab 82 (1).

"Seandainya bahasa Melayu telah tercabar dan tercemar, bagaimanakah kita merealisasikan sastera Melayu supaya melekat dalam minda orang Melayu, dihayati dan dikagumi," jelasnya ketika merasmikan Pertandingan Akhir Membaca Syair Brunei Bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Ke-4, di Dewan Bahasa dan Pustaka, di sini.

Katanya, dari situlah betapa pentingnya perubahan persepsi orang Melayu iaitu yakin kepada kemampuan bahasa Melayu dan sekali gus bersedia untuk memartabatkannya.

Tambahnya, tugas itu merupakan tanggungjawab bersama dan kita tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab untuk memartabatkannya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka semata-mata.

Beliau juga menegur, terdapat lebih kerap ketika majlis-majlis dan wawancara yang lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris sekalipun kadang kala lebih ramai dihadiri oleh orang Melayu.

"Lainlah halnya jika majlis itu bersifat antarabangsa atau serantau yang memerlukan bahasa lain digunakan supaya dapat diikuti dengan baik oleh perwakilan atau hadirin," jelasnya.

# Dedahkan masyarakat kepada Syair Brunei

Oleh Samle Haji Jait

BERAKAS, 20 Februari. - Negara Brunei Darussalam memang mempunyai penulis syair yang tidak kurang bilangannya dan terkenal seperti Al-Marhum Sultan Haji Sir Omar 'Ali Saifuddien yang menulis Syair Perlembagaan, Syair Jenaka, Asli Rajang Hari, Nasihat dan Rampai Laila Syair.

Sehubungan dengan itu, langkah Jabatan Ko-Kurikulum menganjurkan pertandingan syair adalah wajar dan perlu diberikan perhatian dan sokongan oleh semua pihak.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin berkata, rakyat kita wajar didedahkan kepada syair-syair Brunei agar mereka tidak hanya mengetahui 'nursery rhymes' atau penulis-penulis barat seperti Shakespeare.

Katanya, tidaklah menjadi kesalahan untuk mengetahui penyair asing bagi menambahkan pengetahuan terhadap perkembangan sastera dan puisi di seluruh dunia, tetapi jangan pula terlalu taksub sehingga mengabaikan karya-karya tempatan.

"Rakyat kita perlu didedahkan kepada puisi pada peringkat awal lagi di mana peringkat sekolah merupakan peringkat yang sesuai untuk menyebarkan syair," jelasnya di Pertandingan Akhir Membaca Syair Brunei Bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Ke-4.

Seramai lapan peserta termasuk empat peserta perempuan telah terpilih ke peringkat akhir. Peserta Sekolah Menengah Awang Semaun, Dayang Nor Hawadah yang menjuarai kategori perempuan juga dipilih sebagai peserta terbaik. Sementara Awangku Faizrol Rezal Malek Faezal yang membaca syair bertajuk 'Sayangkan Raja Cintakan Negara' berjaya di tempat pertama bahagian kategori lelaki.

Peserta dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Awang Mohd. Safwan dan Awang Mohd. Azmi wakil Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, masing-masing di tempat kedua dan ketiga bagi kategori lelaki, sementara Dayang Noreen Nur dari Sekolah Menengah Berakas dan Dayang Selamah binti Haji Bujang peserta dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut menjadi naib johan dan ketiga bagi kategori perempuan.

Pertandingan tersebut bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-17, antara lain bertujuan bagi memperluaskan pengetahuan dan penghayatan pelajar tentang puisi lama khususnya syair selain menghidupkan dan memperkembangkan seni pembacaan syair sebagai seni dan budaya bangsa.

Ia juga dihasratkan bagi penerus budaya orang-orang kita di Negara Brunei Darussalam khususnya dalam pembacaan syair yang mempunyai seni yang halus dan tersendiri, selain dapat melatih para pelajar pembacaan syair yang berkualiti.

# Pelancong Taiwan sumbang derma $2 ribu

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Februari. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim hari ini menerima sumbangan derma sebanyak $2,000.00 yang disumbangkan oleh rombongan pelancong dari Taiwan yang berlangsung di Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di sini.

Sumbangan derma tersebut telah diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar daripada wakil pelancong Taiwan, Awang Chang Ting Chen.

Sumbangan seperti itu merupakan kali pertama disumbangkan oleh masyarakat luar bagi dana berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif dana berkenaan dalam ucapannya menjelaskan, beliau merasa berbesar hati dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas sumbangan tersebut.

Pelancongan Taiwan yang datang ke negara ini sempena Tahun Melawat Brunei 2001 adalah dari Persatuan Kebajikan Guang Xuan Gong dan menurut Awang Chang Ting Chen yang merupakan seorang peguam di negaranya, beliau mengenali Negara Brunei Darussalam semasa promosi APEC 2000 yang lalu.

Awan Chang Ting Chen menjelaskan perkara tersebut semasa beliau menyambut kedatangan rombongan Taiwan yang lain di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei minggu lalu yang tiba dari Labuan sempena Tahun Melawat Brunei 2001.




"RAKYAT kita perlu didedahkan kepada puisi pada peringkat awal," Pengarah Dewan Bahasan dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin ketika berucap merasmikan Pertandingan Akhir Membaca Syair Brunei. - Gambar oleh Ramli Tengah.

ANEKA Pelita Brunei

# TERBALIK

CERPEN

OLEH
A. MOHAMMAD
HAJI TIMBANG



RAMAI orang berkata, dunia sudah akhir zaman. Tanda-tanda kiamat sudah jelas terlihat. Dunia yang dikatakan semakin maju, semakin canggih itu sebenarnya terpaksa menjadi pentas manusia yang memegang atau melakonkan watak yang beraneka. Yang jadi baik, yang jadi jahat, yang jadi pengampu, yang jadi penggoda, yang jadi pengumpat, yang jadi pentingkan diri sendiri dan bermacam-macam lagi peranan yang dilakonkan dengan penuh aksi oleh pelakunya. Kalau memegang peranan jahat, kejamnya bukan kepalang. Jika yang memegang peranan berpura-pura, bermuka munafik, lakonannya cukup mempesona dan berjaya menipu siapa saja. Berjaya pula menyembunyikan kelemahan dirinya yang mungkin aib.

Perempuan-perempuan yang memakai seluar, memakai baju T sudah tidak asing lagi. Dulu pakaian ini hanya dipakai oleh mahkluk lelaki. Tetapi kini lelaki dan perempuan sudah boleh memakainya. Yang mengaibkan bila perempuan yang punya potongan badan aduhai yang memakai seluar ketat, berbaju T sendat, mak datuk! Seksinya boleh mencabar keimanan lelaki. Sebab itu tidak hairan sekarang ini lelaki tua berkahwin muda. Bukan saja dengan anak dara, tetapi usia pengantinnya baru belasan tahun.

Yang tak punya pekerjaan pun semakin ramai. Tak kira lelaki atau perempuan. Siapa yang tak punya pelajaran, pasti akan tewas dalam arus mencari pekerjaan yang arusnya amat deras dan mencabar. Siapa tak tabah, tak kuat semangat, pasti akan tenggelam dan termasuklah ia ke dalam kelompok yang digelarkan 'penganggur'. Kalau nasib tak baik, bukan setahun akan menjadi penganggur, malahan ada yang sampai seumur hidup!

Aku bukan nak mereka-reka cerita. Zaman milenium ini semua boleh terjadi. Kalau tak percaya ikutilah kisah yang akan aku paparkan ini. Ia adalah cerita yang benar-benar terjadi. Kata orang sekarang 'real' punya story.

Cerita pertama, pelakunya sepasang suami isteri yang berbeza kedudukan dan pangkat. Si isteri seorang berjawatan tinggi. Ada ijazah yang membolehkannya memegang jawatan kelas. Dia menjadi bos di sebuah pejabat. Suaminya pula hanyalah serang pegawai biasa. Tak punya kelulusan dari menara gading. Setakat lulus 'A' level adalah. Dia ni paling penakut pada si isteri. Sehingga apa kata si isteri, yeslah pada dia. Meskipun mereka ini punya wang yang lumayan, tetapi anehnya mereka tak punya orang gaji! Ganjil bukan? .... Dah jadi trend zaman ini, suami isteri yang bekerja pasti akan mengambil orang gaji untuk memudahkan pengurusan dan perjalanan rumah tangga, terutama mengurus anak-anak. Tetapi bagi pasangan ini, orang gaji yak penting. Konon adanya orang gaji boleh merosak keharmonian rumah tangga mereka! Itu kata mereka.

"Orang gaji boleh buat bermacam-macam hal.'' Kamalia mencadangkan mengapa dia tak mahu ambil orang gaji. Rakan-rakan yang mendengar mula berminat. Mereka menunggu hujah selanjutnya dari Kamalia.

"Jika bernasib baik, dapat orang gaji yang jujur dan benar-benar mahu bekerja. Tapi jika bernasib malang, dapat orang gaji yang tak jujur, susahlah jadinya.'' Kamalia, meneruskan ceritanya. Para sahabat makin berminat mendengarnya, maklumlah ramai sahabatnya yang mengadu, konon orang gaji mereka ada yang main kayu tiga dengan suami, malas juga satu hal. Pandai ponteng kerja, suka bergayut di telefon dan macam-macam lagi.

"Kau hantar saja orang gaji yang tak mahu diuntung itu.''

"Memang dah aku hantar pulang pun. Aku meluat melihat mukanya yang tak sedar diuntung itu. Tapi masalahnya aku yang susah. Takkan aku yang berjawatan tinggi macam kau ni nak buat sibuk di dapur dan di rumah. Memasak, menyeterika pakaian, mencuci pakaian, menjemur pakaian. Jatuh standard aku.''

"Ala apa pula susahnya, kita ini sama-sama jadi bos. Suami-suami kita pula pegawai biasa. Kau buatlah cara yang aku buat.''

"Eh macam mana pula tu?''

"Suruh suami kau mengurus rumah tangga.''

"Oi itu melanggar tabii dan adat resam orang kita. Agama pun tak menyuruh kita buli suami.''

"Kita bukan buli suami. Sekadar suruh bantu kita. Dia pun tahu malu kerana kita yang banyak beli barang keperluan rumah daripada dia. Kalau nak harapkan wang gajinya, berapa sangatlah. Jangan mimpi nak pakai kereta berjenama.''

Bagitulah yang berlaku kepada keluarga Kamalia. Suaminya Zakaria tak ubah 'sura' rumah tangga. Kena buat pelbagai kerja rumah, hatta memasak pun dia yang buat. Sedang Kamalia sibuk dengan urusan pejabat. Baginya pejabat tak ubah seperti rumah.

Macam tak ada masa nak bersama suami dan anak-anak. Anehnya bagaimana mereka sampai beroleh anak ramai, sampai enam orang? Hai itulah dunia. Suami yang menjadi suri rumah sudah ramai. Apakah ia menunjukkan satu kerjasama atau memang dah terbalik peranan?

Kita tinggalkan dulu kisah Kamalia yang merasa dirinya raja di dalam rumah tangganya itu. Dia sudah lupa diri. Kerana menganggap kedudukan dan pangkatnya membolehkan dirinya memerintah bukan saja di pejabat, malah di rumah.

**"JIKA bernasib baik, dapat orang gaji yang jujur dan benar-benar mahu bekerja. Tapi jika bernasib malang, dapat orang gaji yang tak jujur, susahlah jadinya.'' Kamalia, meneruskan ceritanya. Para sahabat makin berminat mendengarnya, maklumlah ramai sahabatnya yang mengadu, konon orang gaji mereka ada yang main kayu tiga dengan suami, malas juga satu hal. Pandai ponteng kerja, suka bergayut di telefon dan macam-macam lagi.**

Kisah kedua, kita ikuti pula sebuah rumah tangga orang muda belia. Sepasang suami isteri yang baru berusia awal dua puluhan tahun. Tentu romantik kan? .... Si suami bernama Asrol. Isterinya pula Mahani. Asrol dan Mahani baru berkahwin enam bulan yang lalu. Asrol sejak kahwin sampai kini belum punya pekerjaan. Keadaan begini sudah bukan asing lagi di kalangan masyarakat kita. Alasan yang utama, tak ada kerja kosong! Mahani pula bekerja menjadi kerani di sebuah syarikat swasta. Gaji adalah enam ratus ringgit.

Asrol yang tak punya pekerjaan kerjanya tidur makan saja di rumah. Bosan duduk di rumah, dia akan keluar. Dia ada lesen memandu. Kereta yang dipandunya kepunyaan Mahani. Dia sengaja menghantar Mahani bekerja, agar dia dapat menggunakan kereta jika dia memerlukannya. Dia keluar pun tak tentu tujuan. Kadang-kadang jumpa kawan-kawan yang masih menganggur, tetapi mereka masih bujang. Berjam-jam berborak di kedai kopi. Ada pula ketikanya lepak di super market sambil mencuci mata melihat gadis-gadis yang lalu lalang di sekitar super market.

Ada ketikanya Asrol ke rumah orang tuanya. Dia makan dan minum sepuas-puasnya di sana. Ibunya pula memang memanjakannya. Asrol tambah naik lemak. Dia merasa seronok dan senang dengan kehidupan begitu. Makan tidur dan enjoy ke mana saja. Pasal kerja dia tak berminat lagi untuk mencarinya. Nakkan wang, isterinya Mahani boleh memberi. Jika tidak pun pada emaknya juga boleh dapat. Maklumlah anak yang dimanjakan.

Asrol tidak menyedari akan tanggungjawabnya sebagai suami. Sepatutnya selaku suami dia yang mencari nafkah, bukan isterinya. Ayahnya sudah puas memberi nasihat, namun dia pandai mereka-reka alasan.

"Zaman ini bukan mudah nak mencari kerja ayah. Lainlah kalau ada orang yang menolong.''

"Kau yang mudah berputus asa. Jika tak dapat yang satu, cari lagi dan lagi.''

"Ala buang masa saja ayah. Kesudahannya

Lihat muka 13

## PUISI .... PUISI .... PUISI .... PUISI ....

### MENYAHUT CABARAN

*Ahyu .....!*
*Mari kita semaikan*
*benih-benih perpaduan*
*kecekalan*
*ketabahan*
*biarpun*
*dilingkari sejuta cabaran*
*alaf baru mendatang*
*deduri arena kesukanan*
*namun*
*kita berdiri atas nama keyakinan*
*berjuang di gelanggang bakti*
*menanai kedaulatan ibu pertiwi.*

*Ahyu .....!*
*bunga purih wira bangsa*
*mari kita semarakkan*
*obor-obor kesukanan*
*yang berprestij di ibu pertiwi*
*berbekalkan*
*semangat waja*
*membara di lubuk*
*dan dalam*
*hasrat yang mewangi*
*kita dambakan*
*sebuah impian murni*
*berkibarlah oh ....! Bendera negara*
*bersama alunan lagu:*
*'Kebangsaan Negara'*
*negara harum makmur*
*bangsa jaya*
*atas naungan Ilahi jua.*

### NUN DI KEPULAUAN SITU

*Nun di kepulauan situ*
*engkau membawa kebesaran jiwamu*
*bersama keyakinan*
*dalam menanai kedaulatan*
*mempertahankan sebuah harga diri*
*membela ibu pertiwi.*

*Nun di kepulauan situ*
*kecintaan lebih bererti buat nusamu*
*biarpun kelompok gugusan rerindu*
*menyimbah dedaun sukmamu*
*buat kekasihmu*
*namun*
*demi kemakmuran*
*sebuah kedaulatan dipertahankan.*

*Andai*
*titik-titik merah*
*tumpah*
*di sungai merah*
*engkau tetap dikenang*
*bak anak ditatang*
*sungguhnya*
*kau adalah idola nusa*
*kebesaran jiwamu*
*terpahat di hati anak bangsa*
*yang payah dipupuskan*
*ditugu ingatan.*

### BUNGA

*Bunga-bunga yang membugar*
*dibelai embun mentari*
*pabila*
*menerpa musim kemarau*
*berbunga layu tersungkur*
*ke bumi.*

**A. R. Romzi**

### PEMBELI DAN PENJUAL

*Di sebuah kedai*
*membuat pilihan*
*yang terbaik*
*bermulalah acara*
*tawar-menawar*
*pembeli terumpun*
*penjual panik*
*membuat keputusan*
*pun mengira*
*untung dan rugi*
*pun akhirnya*
*barang bertukar tangan.*

**Enny Eng. S**

### SEJAK SEDEKAD DULU

*Kau ....*
*umpama racun nan berbisa*
*terminum tiada penawar*
*kau ....*
*umpama madu*
*terlalu manis, hingga kemanisan*
*itu gagal kulontar jauh*
*kau ....*
*madu dan racun*
*dalam hidupku*
*sejak sedekad dulu.*

**Nonlaz 2000**

### DI KOTA TIADA DESA

*Ramai orang berkata*
*di kota itu banyak batu-batu*
*dibentuk oleh buruh-buruh*
*dengan begitu rupa*
*indah-indah setelah dirancang*
*perbelanjaannya tanggung sendiri.*

*Di kota itu*
*sesiapa kekurangan wang*
*batu-batu itu tidak akan tersusun dengan baik*
*cukup untuk perlindungan*
*daripada hujan dan panas*
*serta kemuraman mendera diri*
*lalu*
*itulah sahaja.*

*Di kota itu benar tiada desa*
*tetapi yang ada cuma*
*kampung*
*yang mengelilingi kota*
*yang asalnya pewaris tanah*
*yang masih lagi mahu mempertahankan*
*hak milik dan wasiat itulah*
*biar berkampung di dalam kota*
*asalkan jangan tergadai kehilangan milik*
*betapa pun disewatempohkan*
*asalkan tidak mengemis di negara sendiri*
*kerana kilauan duitan menutup hati.*

*Benar di kota tiada desa*
*desa itu adalah kampung-kampung pedalaman*
*tiada pendatang berani menawar*
*kerana kampung-kampung di kota itu*
*bisnesnya dapat berjalan lancar*
*pada apa sahaja kemudahan perhubungan.*

*Di kota tiada desa*
*di kota ada kampung*
*di kota ada rumah-rumah lama*
*di desa tiada rumah-rumah batu kesemuanya*
*tetapi tiada mustahil berlaku sebaliknya*
*di kota nanti hanya kota*
*di kota nanti tiada kampung-kampung*
*demi melayan kemahuan pemodenan*
*maka akan lenyaplah kampung-kampung itu*
*lalu jadilah ia kota kosmopolitan*
*yang penduduknya bakal tiada kenal lagi*
*apa itu kampung?*
*apa itu desa?*
*di kota nanti tiada desa malah kampung*
*kotanya adalah batu-batu tersusun tinggi*
*yang menghadang angin kuat mangsanya*
*tiada terhitungkan*
*oh! .... Kota ....*

**Haji Mariat Haji Abdullah**

Dari muka 12

tetap sama, semua permohonan saya akan ditolak."

"Kalau begitu, elok kau bekerja sendiri."

"Kerja apa ayah? Saya bukan tahu apa-apa. Nak berniaga? Saya tak lulus matematik. Nak jadi petani, lagilah saya tak tahu. Pegang cangkul pun tak pernah. Nama-nama sayur pun saya tak tahu."

Kisah isteri yang menyara suami sudah semakin ramai. Seperti yang aku katakan tadi, zaman milenium ini semuanya serba ada. Yang ganjil dan sumbang di sisi adat, dah terang di zaman ini. Berbalik kita kepada kisah Kamalia. Tentu para pembaca nak tahu apa kesudahan sebuah rumah tangga yang tak berpandukan kepada ajaran dan suruhan agama?

Zakaria yang sering membuat kerja di rumah sebenarnya tahu akan dirinya yang diperalat oleh isterinya yang berjawatan tinggi itu. Telinganya juga sering mendengar sindirian orang, malah kaum keluarganya. Ramai yang mencadangkan supaya dia berpisah saja dengan Kamalia. Cari saja isteri yang benar-benar tahu akan tanggungjawabnya sebagai isteri. Pada mulanya Zakaria tak endahkan segala sindiran dan cadangan itu. Dia ambil tak endah saja. Kalau mendengar, pura-pura tak dengar.

Namun tak dijadikan cerita, Zakaria yang banyak masa di rumah itu ada juga ketikanya dia bosan. Lebih-lebih lagi jika anak-anak pergi kelas tambahan. Dia duduk seorang-seorang. Masa itu datanglah rasa sepi, rasa sunyi. Kebetulan satu hari Mawarni, anak jirannya yang berusia dua puluh tahun datang menghantar kuih. Mawarni sudah tidak sekolah. Sudah dua tahun menjadi penunggu rumah. Cari pekerjaan tak dapat-dapat. Zakaria merasa senang bila berjumpa dengan Mawarni. Seperti ada besi berani yang menariknya. Malam ketika dia nak tidur, Mawarni sering datang di bibir matanya. Senyuman Mawarni yang ada lesung pipit itu memukau Zakaria.

Mawarni bukan sekali dua datang menghantar kuih ke rumah Zakaria. Sering. Kadang-kadang dia datang meminjam peralatan dapur yang diperlukannya untuk membuat kuih. Perhubungan antara Zakaria dan Mawarni semakin mesra, semakin rapat. Zakaria merasakan jika lama tak memandang wajah gadis ayu iu, dia merasa seperti sesuatu yang hilang. Sekarang perhubungan mereka disambung pula melalui telefon.

"Kamalia, abang nak cakap satu perkara."

"Apa dia bang. Cakaplah lekas. Saya nak keluar, ada mesyuarat persatuan."

"Eerr bagini Kamalia. Sejak kebelakangan ini Kamalia sibuk benar."

"Sejak dari dulu pun saya memang sibuk."

"Errr bagini. Abang sering merasa kesunyian."

"Eh di rumah kita ini apa yang kurang bang? .... Televisyen ada. Astro ada, pemain VCD ada. Pemain video pun ada. Pilih saja mana yang abang mahu."

"Kesunyian abang tak boleh diisikan oleh benda-benda kaku itu."

"Jadi apa yang abang hendak?"

"Abang sebenarnya sudah bosan dengan suasana hidup seperti sekarang. Kamalia sibuk dengan urusan pejabat. Anak-anak sibuk dengan sekolah, petang dan malam sibuk terus dengan kelas tambahan. Abang asyik terperap di rumah yang besar ini. Abang rasa sunyi, rasa bosan."

"Apa sebenarnya yang abang mahu?" ..... cakap saja terus terang bang."

"Kamalia tak marah pada abang nanti?"

"Tak. Cakaplah bang."

**"ABANG sebenarnya sudah bosan dengan suasana hidup seperti sekarang. Kamalia sibuk dengan urusan pejabat. Anak-anak sibuk dengan sekolah, petang dan malam sibuk terus dengan kelas tambahan. Abang asyik terperap di rumah yang besar ini. Abang rasa sunyi, rasa bosan."**

"Kamalia kenal dengan anak gadis jiran sebelah rumah kita tu kan?"

"Maksud abang Mawarni?"

Angguk kepala seperti burung terkukur.

"Kenapa dengan dia bang?"

"Abang bercadang nak ambil dia."

"Nak dijadikan orang gaji?" .... Saya tak setuju bang!"

"Bukan sebagai orang gaji. Tapi sebagai ...."

"Sebagai anak angkat kita? .... Saya tak setuju bang. Anak angkat dah besar panjang macam dia, boleh mengundang risiko. Bahaya!"

"Bukan sebagai anak angkat. Tapi sebagai isteri abang!"

"Apa?"

Kamalia naik angin, Dimaki hamunnya Zakaria. Dibalingnya dengan apa saja barang yang boleh dicapainya. Teruk juga Zakaria, benjol dan luka. Namun Zakaria sudah tak takut lagi kepada Kamalia. Taringnya sebagai laki-laki sejati sudah kelihatan. Dia nekad, dia memberi tahu kepada Kamalia, dia akan mengambil Mawarni menjadi isterinya yang sah. Keluarga Mawarni pun sudah setuju. Kamalia terlopong mendengar penerangan suaminya yang dianggapnya lemah yang difikirnya boleh diatur dan dilentur mengikut kehendak hatinya. Dia merasakan pangkat dan wangnya boleh menjinakkan Zakaria. Dia terpaksa mengalah. Zakaria akhirnya berkahwin dengan Mawarni.

Bagaimana pula dengan Asrol dan Mahani?

Rumah tangga seperti pasangan Asrol dan Mahani ada cacatnya. Asrol selaku ketua rumah tangga sepatutnya mencari nafkah. Tahu memikul tanggungjawab sebagai suami. Tetapi jika sudah terbalik, pincanglah jadinya. Asrol pula merasa seronok diam di rumah, jika rasa bosan dia akan keluar. Pelbagai risiko boleh terjadi. Terutama jika kawan Asrol mengajaknya melakukan kegiatan antisosial seperti mengambil dadah, menyeludup barang yang ditegah.

Keterbalikan dalam kehidupan masyarakat pada hari ini tidak akan membawa ke mana-mana. Kesudahannya pasti akan mengalami kepincangan dan kemusnahan. Rumah tangga seperti Asrol dan Mahani semakin ramai terjadi, apa risiko pasangan ini, saya serahkan kepada pembaca untuk mengandaikannya. Panduannya seperti yang saya katakan tadi, di zaman milenium ini serba kemungkinan akan terjadi.

انيكا ANEKA ڤليتا بروني Pelita Brunei

سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسونن رنچاڠن تيليۏيشن
# susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

## RABU 7 MAC

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 AL-QURAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 ANIMATION HOUR : NEW WOODY WOODPECKER
5.00 JUARA - SIARAN LANGSUNG
5.30 RAK SI MO MO - Ulangan
5.45 BERITA
5.55 RAK SI MO MO - Sambungan
6.25 BIMBINGAN MUKMIN
6.33 AZAN MAGHRIB
6.45 BIMBINGAN MUKMIN - Sambungan

**MALAM**

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.25 FLORIST JEJARI HIJAU - Ulangan
7.43 AZAN ISYAK
7.48 FLORIST JEJARI HIJAU - Sambungan
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 TEKAD
9.05 DRAMA CO PRODUCTION: DANG AYANG
9.45 MODERN MANAGEMENT
10.00 NEWS AT 10
10.30 MODERN MANAGEMENT - Sambungan
10.45 MARTIAL LAW - *'In The Park'*
11.40 DOA DAN SIARAN TAMAT

## KHAMIS 8 MAC

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 AL-QURAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.20 ANIMATION HOUR : DENVER: THE LAST DINOSAUR/BEAST WARS
5.00 MANSION : GREAT HOUSE OF EUROPE
5.45 BERITA
5.55 MARI BELAJAR MENGAJI
6.20 DARI MAHKAMAH KADI
6.33 AZAN MAGHRIB

**MALAM**

7.00 SURAH YAASIIN
7.25 GEMA ISLAM
7.42 AZAN ISYAK
7.50 GEMA ISLAM - Sambungan
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 AN-NUUR - Siaran Langsung
9.50 DRAMA: LAILA LILI PUTIH
10.00 NEWS AT 10
10.30 DRAMA - Sambungan
10.50 WAYANG PILIHAN - *'Touched By Evil'*
12.20 SURAH YAASIIN
12.50 DOA DAN SIARAN TAMAT

## JUMAAT 9 MAC

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 AL-QURAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.15 SESAME STREET
11.15 TRAP TRIP
11.30 BERITA
11.40 THE GUERILLA GARDENER
12.15 DISCOVER ISLAM: KHAMEES ABDULLA
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

**PETANG**

1.30 GEMA ISLAM
2.00 SUKAN ANTARABANGSA
2.30 DINA-MIK - Siaran Langsung
3.00 TAYANGAN GAMBAR - *"Mistaken Identity'*
3.46 AZAN ASAR
3.51 TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
4.40 ANIMATION HOUR: VOLTRON: THE THIRD DIMENSION/TAMAN KANCIL
5.30 SYIAR MASJID
5.45 BERITA
5.55 SYIAR MASJID - Sambungan
6.10 UNDERSEA EXPLORER - Fiji (The Koror Sea)
6.33 AZAN MAGHRIB
6.40 UNDERSEA EXPLORER - Sambungan
6.45 BIMBINGAN MUKMIN

**MALAM**

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.25 RITMA
7.42 AZAN ISYAK
7.47 RITMA - Sambungan
8.00 BERITA NASIONAL
9.00 DRAMA: PERTEMBUNGAN
9.30 WILD RESCUES
10.00 NEWS AT 10
10.40 KHUTBAH JUMAAT
10.55 TELEDRAMA - 'Apa Salahku' Bhg. II
12.25 DOA DAN SIARAN TAMAT

## SABTU 10 MAC

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 AL-QURAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.10 ANIMATION HOUR : MISTER SIMON AND JIGGY JIGGY/HELLO KITTY'S PARADISE
10.55 LITTLE STAR
11.20 RITMA - Ulangan
11.30 BERITA
11.40 RITMA - Sambungan
12.00 ON LINE
12.32 AZAN ZUHUR
12.40 DOKUMENTARI: GAYA HIDUP - Ulangan

**PETANG**

1.00 PANGGUNG PETANG SABTU: - *'Apollo II'*
2.40 TINJAUAN - Ulangan
3.10 FROM THE EARTH TO THE MOON - *'Miles And Miles'*
3.45 AZAN ASAR
4.00 TOYOTA WORLD OF WILDLIFE - *'Hunters'*
4.30 ANIMATION HOUR : GROUNDLING MARSH/ TUAH
5.15 GERAK BIJAK - Siri Baru
5.45 BERITA
5.55 DRAMA RTB - PERTEMBUNGAN - Ulangan
6.33 AZAN MAGHRIB
6.40 BIMBINGAN MUKMIN

**MALAM**

7.00 DUNIA ASIA
7.25 UNEARTHED
7.42 AZAN ISYAK
7.48 UNEARTHED - Sambungan
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 VARIASENI
9.50 TAYANGAN GAMBAR - *'Black And White'*
10.00 NEWS AT 10
10.30 TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
12.00 DOA DAN SIARAN TAMAT

## AHAD 11 MAC

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 AL-QURAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.10 SESAME STREET
11.10 FUN TIME
11.30 BERITA
11.40 SUNDAY MATINEE - *'Magnos The Robot'*
12.34 AZAN ZUHUR
12.40 SUNDAY MATINEE - Sambungan

**PETANG**

1.30 ENGLISH PREMIER LEAGUE 2000/2001
2.30 GEMA TV
3.00 PERTUKARAN RANCANGAN MOU RTB/ TVRI
3.30 VISI REMAJA
3.45 AZAN ASAR
3.50 VISI REMAJA - Sambungan
4.05 PERTANDINGAN KUIZ HIJRAH 1422 SUKU AKHIR KEEMPAT - Siaran Langsung
5.30 MARI BELAJAR MENGAJI
5.45 BERITA
5.55 MARI BELAJAR MENGAJI - Sambungan
6.10 BIMBINGAN MUKMIN
6.33 AZAN MAGHRIB

**MALAM**

7.00 PINTAR-PINTAR - Ulangan
7.42 AZAN ISYAK
7.47 PINTAR-PINTAR - Sambungan
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 TIRAI KELUARGA - *'Gila-Gila Remaja'*
10.00 NEWS AT 10
10.30 TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00 CODE NAME: ETERNITY - *'The Theif'*
11.45 DOA DAN SIARAN TAMAT

## ISNIN 12 MAC

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 AL-QURAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 ANIMATION - 'Sinbad'
5.15 TRAP TRIP - Ulangan
5.30 WILD ASIA: NATURAL HISTORY OF NEW ZEALAND
5.45 BERITA
5.55 WILD ASIA: - Sambungan
6.33 AZAN MAGHRIB
6.40 THAHARAH

**MALAM**

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.25 PERSPECTIVE
7.42 AZAN ISYAK
7.47 PERSPECTIVE - Sambungan
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 DRAMA CO PRODUCTION: SITI AYU
9.30 ALUNAN GEMALAI
10.00 NEWS AT 10
10.30 TEKAD - Ulangan
10.45 THE LIGHTER SIDE OF SPORTS
11.15 DOA DAN SIARAN TAMAT

## SELASA 13 MAC

**PAGI**

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 AL-QURAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

**PETANG**

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 ANIMATION HOUR : DRAGON TALES/YOCKIES
5.00 ECHO CHALLENGE
5.45 BERITA
6.00 DRAMA CO PRODUCTION: MANJA-MANJA PIABONG - Ulangan
6.33 AZAN MAGHRIB
6.45 BIMBINGAN MUKMIN

**MALAM**

7.00 THE FAMOUS JETT JACKSON - *'Behind The Scenes'*
7.25 DOKUMENTARI: DESTINASI
7.42 AZAN ISYAK
7.47 DOKUMENTARI - Sambungan
8.00 BERITA NASIONAL
8.45 TINJAUAN
9.15 E.R - *'The Good Fight'*
10.00 NEWS AT 10
10.30 E.R - Sambungan
10.45 HARSH REALM - 'Leviathan'
11.30 DOA DAN SIARAN TAMAT



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani ketika menyaksikan barang-barang yang dipersembahkan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

# Persembahan kebudayaan

Oleh Abu Bakar HAR

LAMBAK KANAN, 18 Februari. - Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B' berkata, persembahan kebudayaan dan pameran sempena Tahun Melawat Brunei 2001 yang mereka adakan bermula 16 Februari yang lalu dapat mengeratkan hubungan di antara anak-anak buah kampung di samping dapat meningkatkan ekonomi yang pastinya banyak mendatangkan manfaat.



PELBAGAI barangan dipamerkan oleh penduduk Mukim Berakas 'A' sempena Tahun Melawat Brunei 2001. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Awang Haji Hakim berucap di Majlis Penutupan Rasmi Pelancaran Persembahan Kebudayaan dan Pameran Mukim Berakas 'B' sempena Tahun Melawat Brunei 2001 yang diadakan selama tiga hari di Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan di sini.

Antara yang hadir termasuklah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Dani berserta penghulu dan ketua-ketua kampung dan anak-anak buah kampung.

Majlis malam itu diserikan lagi dengan pameran produk dan kraf tangan barang-barang hasil tempatan dan kuih-muih tradisi serta persembahan-persembahan kebudayaan.

# Patuhi disiplin yang ditentukan

Oleh Abu Bakar HAR

PENANJONG KEM, 21 Februari. - Pemangku Komandan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Leftenan Kolonel Pengiran Haji Ramli berkata, untuk menjadi seorang ketua yang berjaya mestilah mempunyai pengetahuan yang luas di samping mengikut serta mematuhi disiplin yang telah ditentukan.

Leftenan Kolonel Pengiran Haji Ramli berucap di Majlis Perbarisan Tamat Kursus Asas Kenaikan Taraf Siri 2001 dan Kursus Perkeranian B3 Siri 1/2001 bagi ahli-ahli tentera dari semua unit dalam ABDB, dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para peserta kursus yang berlangsung di Sekolah Pengajian Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Penanjong Kem, di sini.

Kursus yang diadakan lebih kurang enam minggu itu adalah dihasratkan untuk membantu setiap peserta dalam menjalankan tugas di samping meningkatkan pengetahuan mereka apabila kembali bertugas seperti biasa.




TAHNIAH ... Pemangku Komandan Pusat Latihan ABDB menyampaikan sijil kepada seorang peserta. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Dalam Kursus Asas Kenaikan Taraf Siri 2001, seramai 37 orang peserta telah mengikutinya sementara di bidang Kursus Perkeranian B3 seramai 19 orang peserta telah mengikutinya.

Terdahulu dari itu, majlis telah bermula dengan persembahan kawad daripada para peserta yang berlangsung di Padang Kawad Penanjong Kem.

Hadir di majlis tersebut ialah jurulatih-jurulatih yang terlibat dalam kursus berkenaan dan pegawai-pegawai dari pusat latihan tersebut.

# Beri sumbangan berguna majukan kampung

Oleh Samie Haji Jait

MENTIRI, 25 Februari. - Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) perlu bekerjasama dengan ketua kampung dalam memberi sumbangan yang berguna untuk memajukan kampung.

Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Md. Alimin berkata, segala matlamat kampung akan dapat dituju jika semua ahli memberikan persefahaman yang erat yang menanganinya dengan bijak.

"Ahli sudah pasti akan menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan ketika mengungkayahkan sesuatu projek atau aktiviti namun ianya akan dapat dipikul dengan komitmen semua ahli," jelas Awang Haji Md. Alimin ketika berucap di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ahli-Ahli Baru MPK Kawasan 1, RPN Kampong Mentiri.

Sementara itu, Ketua Kampong Kawasan 1, RPN Kampong Mentiri, Pengiran Haji Aliuddin pula melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli MPK yang lama di atas kerjasama dan inisiatif yang telah mereka hulurkan tanpa menerima imbalan kewangan.

Beliau yakin, gandingan ahli yang baru itu juga akan mampu bergerak dengan komitmen daripada semua pihak dengan rasa kesedaran dan tanggungjawab untuk mengungkayahkan pelbagai aktiviti dan kebajikan kampung.

Katanya, MPK yang baru dilantik telah pun merancang dan membuat diari sepanjang tahun bagi memudahkan acara-acara yang perlu dikendalikan.

Lantikan ahli Jawatankuasa MPK adalah bagi sesi 2001-2003, di mana Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Kampong Mentiri, Pengiran Haji Aliuddin menjadi Pengerusi.

Sementara itu, majlis telah melantik Awang Haji Bakar bin Haji Hamdan selaku Timbalan Pengerusi, Haji Anuar bin Pengiran Haji Ibrahim sebagai Setiausaha dan Haji Abu Bakar bin Pungut selaku Timbalan Setiausaha, sementara Awang Ali bin Bakar dilantik selaku Bendahari.

Majlis juga melantik 10 ahli biasa, manakala Ampuan Md. Salleh dilantik selaku Ketua Dikir MPK Kawasan 1, RPN Kampong Mentiri.

Lantikan berkenaan merupakan kali kedua sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1997, antara lain dihasratkan bagi mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi sama-sama membantu dan memikirkan apa jua aktiviti berkebajikan di setiap kampung.

MPK Kawasan 1, RPN Kampong Mentiri merupakan pertubuhan yang begitu aktif mengungkayahkan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada kebajikan dan kemajuan kampung.



GANDINGAN BARU DAN LAMA ... Ahli MPK yang lama dan baru bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis, Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin. - Gambar olah Samie HJ.

ANEKA Pelita Brunei

# SEMINAR BAHAN RUJUKAN ISLAM NUSANTARA

JABATAN Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara pada 3 hingga 8 Ogos 2001 sempena Ekspo Islam Antarabangsa 1 (1 hingga 12 Ogos 2001) bertempat di bangunan baru Jabatan Mufti Kerajaan.

## TEMA : "KE ARAH MEMELIHARA KHAZANAH ILMU ISLAM"

### PENYERTAAN

Sekretariat Seminar menjemput/mengundang para ulama, sarjana, ahli akademik, pegawai kerajaan, siswa-siswi dan orang perseorangan untuk menyertai seminar sebagai peserta. Penyertaan terhad kepada 200 orang sahaja.

### BAYARAN PENDAFTARAN PESERTA

* Pelajar BND $35.00 seorang. * Bukan pelajar BND $70.00 seorang.
Bayaran boleh dibuat melalui draf bank/wang pos berpalang/cek atas nama International Islamic Expo Fund. Pihak Sekretariat tidak menerima wang tunai (Ringgit Brunei) pada sesi pendaftaran (untuk peserta luar negeri).

### PENGINAPAN

Pihak Sekretariat Seminar akan menyediakan penginapan bagi pembentang kertas kerja sahaja, bagi peserta seminar adalah atas tanggungjawab sendiri. Walau bagaimanapun Sekretariat Seminar boleh menguruskan tempahan jika diperlukan.

### TARIKH TUTUP

Tarikh terakhir penerimaan borang penyertaan ialah 30 Mei, 2001, dan sila sertakan 2 keping gambar berukuran pasport.

### MAKLUMAT LANJUT

Sekretariat,
Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Tingkat 3, Bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama,
Bandar Seri Begawan, BS 8510,
Negara Brunei Darussalam.

Tel : (673 -2) 235121, 224955, 224956
Fax : (673 - 2) 235120
E-mail : Mufti@brunet.bn./Fatwa @brunet.bn. Islamicexpo.com